

Bil. 36

**Selasa
26 Oktober 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 25)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No. 2) 1999	(Ruangan 25)
<u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual-</u> Maksud B.4 dan B. 8	(Ruangan 94)
USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1999	(Ruangan 25)
<u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P. 7	(Ruangan 94)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J,
P.I.S Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)

Yang Berhormat Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)

Yang Berhormat Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail Azita binti Nawī Nik Elyana binti Ahyat Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
-------------------	---	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 26 Oktober 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN***[Soalan No. 1 – Y.B. Tuan Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh) tidak hadir]*

2. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kemajuan yang dicapai dan langkah-langkah yang telah dibuat dalam membangunkan kawasan-kawasan yang pada suatu masa dahulu dikategorikan sebagai kawasan keselamatan semasa darurat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui rancangan-rancangan Malaysia dan program-program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, kawasan dahulu dikategorikan sebagai kawasan keselamatan, hitam atau kampung baru semasa zaman darurat pada tahun 1948 dahulu telah mencapai tahap kemajuan yang memuaskan dari segi peningkatan kualiti kehidupan penduduk kampung dan *environment* setempat.

Menerusi penyediaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi, suka dinyatakan bahawa lebih kurang 97% kawasan 452 kampung di Semenanjung telah dibekalkan elektrik dan air. 90% jalan dalam kawasan kampung adalah jalan tar, begitu juga sistem parit, longkang konkrit. Manakala 93% mempunyai dewan orang ramai dan 90% kawasan kampung mempunyai sekolah rendah. Sebahagian besar kampung disediakan kemudahan pasar, balai polis, pusat kesihatan dan hampir semua kampung mempunyai pusat sukan dan rekreasi.

Selain daripada itu, terdapat sebilangan kampung adalah berhampiran dengan jalan raya dan lokasi yang strategik, maka itu menikmati pembangunan dari sekeliling kampung.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita semua sedia maklum bahawa selama ini Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberikan peruntukan untuk membangunkan kampung-kampung baru di seluruh Malaysia, dan sejajar dengan Wawasan 2020 saya ingin tahu dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adakah kementerian akan mengadakan rancangan seperti yang diadakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan mengadakan Gerakan Desa Wawasan supaya dengan mengadakan rancangan ini kita akan dapat membangunkan kampung-kampung baru dalam negara kita ini untuk mencapai pembangunan yang lebih sempurna dan lebih selesa untuk diduduki dari segi kemudahan asas, persekitaran dan kebersihan sejajar dengan kehendak-kehendak Wawasan 2020.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, adalah memang menjadi hasrat kerajaan pada hari ini untuk membangunkan bukan hanya sektor di peringkat luar bandar bahkan juga dalam bandar. Tetapi di dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan sama ada untuk penyediaan prasarana kita juga turut berbincang dengan kementerian-kementerian yang lain supaya tidak ada duplikasi ataupun

pertindihan tanggungjawab dan jika itu berlaku sudah pasti pembaziran kewangan akan berlaku. Maka dengan itu penyediaan yang ada pada hari ini menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita mempunyai rancangan yang agak sedikit berbeza daripada kementerian yang lain untuk memastikan supaya prasarana yang disediakan oleh kementerian yang lain tidak akan bertindih daripada prasarana-prasarana yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di samping seperti yang kita tekankan ialah memastikan supaya setiap penduduk di negara ini juga mempunyai keselesaan khususnya yang tidak berada mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti perumahan-perumahan yang amat diperlukan oleh masyarakat di luar bandar.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dikatakan oleh rakan saya, Gelang Patah memang saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya kementerian yang dapat memberi peruntukan tiap-tiap tahun kepada kampung-kampung baru. Di kawasan-kawasan yang di bawah pentadbiran majlis daerah ataupun kerajaan tempatan memang dari segi infrastruktur ada kemajuan. Tetapi kawasan-kawasan yang bukan di bawah tanggungjawab majlis tempatan ataupun kerajaan tempatan memang dari segi kemudahan asas misalnya longkang, jalan dan sebagainya walaupun ada tetapi selama ini memang peruntukan tidak mencukupi untuk membaiki dan menyempurnakan lagi kedudukannya. Jadi, saya ingin tahu pada tiap-tiap tahun berapa peruntukan telah pun disediakan untuk membantu kampung-kampung baru ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan tahunan pada tahun depan memandangkan 450 lebih buah kampung-kampung baru ini memang memerlukan segala kemudahan yang diperlukan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang tadi. Memang peruntukan disediakan oleh kerajaan berdasarkan keperluan yang semakin mendesak. Kalau kita melihat semenjak tahun 1973 sehingga 1975 iaitu Rancangan Malaysia Kedua, peruntukan yang telah diberikan ialah sebanyak RM12 juta sahaja dan pada tahun Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukan telah meningkat kepada RM30 juta. Daripada tahun 1973 hingga ke tahun 2000 kita telah memperuntukkan sebanyak hampir RM120 juta untuk kemudahan. Makna peningkatan dari segi peruntukan memang sedia ada berdasarkan keperluan-keperluan yang amat dikehendaki oleh masyarakat. Walaupun ada menyatakan bahawa setengah pihak khususnya pihak pembangkang bahawa di negara ini pihak Kerajaan Barisan Nasional khususnya Kerajaan Pusat telah mengabaikan.

Tetapi kalau melihat dari segi peruntukan yang sudah pun disediakan, daripada Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukan begitu besar, termasuklah kawasan-kawasan pihak pembangkang, negeri Kelantan kita tidak mengabaikan di mana di bawah jajahan yang memerlukan peruntukan untuk dibiayai seperti longkang dan balai raya kita akan sediakan. Kita berharap tohmahan-tohmahan daripada pihak-pihak pembangkang tidak akan didengar oleh pihak masyarakat di peringkat akar umbi kerana kebenarannya tidak ada langsung. Yang pasti pembangunan meningkat tahun demi tahun.

3. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan punca kebanjiran bahan bacaan dan VCD lucah yang kian mudah didapati di tepi-tepi jalan dan pasar-pasar malam. Adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk operasi secara besar-besaran bagi membanteras terus aktiviti ini. Sekiranya ada, bilakah ianya akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, bahan bacaan dan VCD lucah yang didapati dijual di tepi-tepi jalan dan pasar-pasar malam adalah perpunca dari penyeludupan bahan-bahan tersebut dari luar negara dan dijual secara haram. Pihak penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Malaysia dan FINAS sentiasa membuat operasi secara berterusan bagi membanteras gejala dari masa ke semasa.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa VCD dan kaset lucu yang dijual di pasar-pasar malam dijual secara haram. Tetapi yang menyedihkan lagi VCD dan kaset yang dibuat oleh parti-parti pembangkang misalnya kaset ceramah Ismail Kamus, Mohamad Sabu, Dr. Hassan Ali, Profesor Dato' Dr. Harun Din, Anwar Ibrahim ini lebih merbahaya. Sebab kaset-kaset ini dijual di pasar-pasar minggu dan dibeli bukan secara haram, malah dibuka untuk didengar kepada orang-orang di pasar-pasar itu. Ini patut dibanteraskan. Bukan setakat rampas kaset-kaset VCD bahkan tangkap orang-orang yang mengeluarkannya. Saya rasa ini lebih merbahaya kepada negara.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Saya tidak tahu apakah undang-undang yang boleh digunakan. Tetapi kalaulah mereka ini membuat tuduhan-tuduhan yang melulu yang kita dapati melanggar (undang-undang) kita akan mengambil tindakan. Tetapi pada saya kaset-kaset ini pada hari ini sudah memakan diri balik. Oleh kerana yang dibuat oleh kumpulan PAS ini khasnya mereka yang beria-ia, berlaung-laung untuk menegakkan negara Islam, hari ini manifesto pilihan raya mereka sudah tidak ada perkataan itu. Malah mereka hari ini sudah berada dalam satu dilema. Di kalangan orang Melayu mereka mengatakan 'kami ingin menegakkan negara Islam', tetapi di kalangan orang Cina mengatakan 'tidak, tidak, tidak'. Jadi, yang mana satu kita tidak tahu. sebenarnya mereka dalam dilema yang amat dahsyat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi ialah tentang pengeluaran kaset haram dan pengedar secara haram. Jadi, pengeluaran patut diambil tindakan. Jadi, dalam pengedaran kaset-kaset ini sungguhpun kaset-kaset termakan diri bagi parti pembangkang tetapi elok dikawal dari sekarang kerana kita ada undang-undang. Di suatu masa dahulu pihak kementerian menguatkuasakan tentang persijilan B (*B certificate*) untuk kaset dan video. Jadi, untuk mengawal pengedaran ini supaya tidak meracuni fikiran anak-anak muda dan rakyat Malaysia. Jadi, apakah pihak kerajaan dan kementerian Yang Berhormat sendiri bersedia secara bersungguh-sungguh untuk melaksanakan kawalan ini supaya lucu pun tidak ada dan yang meracuni fikiran rakyat Malaysia pun tidak ada.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kangar. Kita ambil maklum tentang saranan Yang Berhormat itu dan kita akan ambil tindakan sewajarnya.

4. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bagaimana seseorang calon dapat memastikan pengundi pos benar-benar membuat pengundian; dan
- (b) berapa ramai pemilih yang layak tetapi masih lagi belum berdaftar sebagai pengundi dan mengapa undang-undang yang mewajibkan (*compulsory voting*) setiap rakyat mengundi tidak diperkenalkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengundian secara pos dikawal oleh undang-undang iaitu Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Mengundi Secara Pos) 1999 bagi negeri Semenanjung dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Mengundi Secara Pos) 1968 bagi Sabah dan Sarawak. Mengikut undang-undang seorang pengundi pos itu boleh

menandakan kertas undi di mana-mana tanpa disaksikan oleh sesiapa termasuk ejen yang mewakili calon.

- (b) Pada masa ini adalah dianggarkan terdapat kira-kira 800,000 warganegara yang layak mengundi belum mendaftar sebagai pemilih. Kerajaan tidak berhajat untuk mewajibkan setiap pemilih mengundi jika pilihan raya diadakan. Dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi terserah kepada individu yang layak dan mendaftar sebagai pemilih sama ada untuk menggunakan haknya atau tidak. Walaupun pengundian tidak diwajibkan di negara ini peratusan pengundian adalah tinggi jika dibandingkan dengan banyak negara lain.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai (a) baru-baru ini terbongkar bahawa ada beberapa anggota yang telah berkhidmat dalam tentera tetapi tidak sekali pun mengundi pos walaupun dikatakan oleh mereka bahawa ketua-ketua mereka atau pegawai-pegawai atasan telah pangkah untuk mereka. Ini terbongkar dalam surat khabar, mass media dan sebagainya dan menunjukkan bahawa peraturan-peraturan tidak ketat. Adakah dalam keadaan ini kerajaan akan mengambil tindakan dan apakah tindakan akan diambil dan akan calon-calon yang bertanding, ejen-ejen mereka akan dibenarkan untuk menyaksikan macam mana pilihan raya pos dijalankan.

Untuk (b) memandangkan lebih kurang 800,000 orang tidak didaftarkan, senang sahaja kalau....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, biasanya soalan tambahan dihadkan kepada satu sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Ada soalan (a) dan (b).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Satu sahaja soalan tambahan, cantumkan.

Tuan M. Kulasegaran: Bolehkah, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Cantumkan.

Tuan M. Kulasegaran: Jabatan Pendaftaran Negara ada semua detail yang diperlukan. Apakah sebab ia tidak digunakan supaya regularisasi semua pendaftaran ini dan apakah sebab kita perlukan satu sistem yang sudah lapuk, tidak boleh lagi digunakan pada zaman information technology sekarang?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua bahawa tiap-tiap individu itu dia tahu layak ataupun tidak layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Memang kita tidak ada undang-undang yang memaksa mereka supaya mendaftar. Jadi, terpulanglah kepada individu. Hakikatnya mereka ini kadangkala tidak begitu mengambil berat tentang mustahaknya undi mereka. Kecuali kalau ada satu ketika tertentu ramai mereka keluar mendaftar. Contohnya, apabila tahun pilihan raya hampir selalunya mereka yang layak untuk menjadi pemilih ini akan keluar mendaftar. Itu kebiasaan. Tetapi bila kita buat pendaftaran baru di tahun-tahun lain peratusan mereka mendaftar agak kurang. Jadi, walaupun ada cara detail ataupun tidak hak mutlak bagi mereka untuk mendaftar telah terserah kepada individu yang berkaitan.

Masalah undi pos, kita memang memberikan hak kepada pengundi. Kita tidak tahu sama ada mereka mendapat ataupun tidak. Tetapi kertas penyerahan undi pos kita serahkan mengikut bilangan sama ada polis ataupun tentera. Kadangkala kedatangan nama mereka itu ada dalam senarai di kem tertentu, cara kebetulan mereka membuat operasi. Bila mereka membuat operasi di pedalaman ataupun di luar negara kadangkala kita tidak dapat hendak menyerahkan kertas itu tepat masanya, sebab penyerahan pos ini kita

serahkan ialah hari yang keempat selepas penamaan calon dan mesti diserahkan kepada pusat mengira sebelum pukul 5.00 petang hari pengiraan ataupun hari mengundi tersebut. Jadi, kalau dalam masa itu tidak dapat diuruskan sudah barang tertentu ada di antara mereka itu yang tidak mengundi sebagaimana yang dikatakan tadi.

Oleh kerana kita hendak melihat sebagai kerajaan yang telus maka pada tahun ini apabila kita membuat penyerahan kertas sampul utama undi pos di kem-kem tentera dan di tempat-tempat polis tertentu, kita akan menggunakan lebih kurang seramai 300 orang pegawai, penolong pegawai pendaftaran yang dilantik oleh SPR sendiri. Maknanya orang SPR sendiri akan datang untuk menyerahkan sampul keutamaan undi pos tersebut. Kita percaya apabila ini kita buat kita akan memastikan supaya kertas undi itu benar-benar diserahkan orang yang hadir dan mana orang yang hadir kita akan tahu surat itu tidak diserahkan. Maknanya tidak ada peluang orang lain akan mengundi kertas orang lain sebab kita menyerahkan kertas itu kepada tentera ataupun polis yang berkenaan. Ini kita akan buat, insya-Allah, pada tahun ini supaya kita benar-benar melihat keadaan ini berlaku dengan sebaik mungkin supaya kita tidak ada kekeliruan dalam masalah undi pos ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya kemenangan Yang Berhormat bagi Peringat ini adalah hasil daripada penyelewengan yang telah dilakukan dalam pengundian pos. Ini jelas. Baru-baru ini pun pendaftaran semakan pengundi, kita dapati pengundi-pengundi yang tidak ada di dalam kem yang didaftarkan itu melebihi daripada 1,000 orang. Ini jelas.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya kira tidak perlu Yang Berhormat bangun, ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bangun atas apa Yang Berhormat?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: *[Pembesar suara tidak dihidupkan]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:dan kita jelas dalam pilihan raya yang lepas pun setelah peti-peti undi lain dibuka, semuanya PAS menang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Saya hendak minta dia*[Pembesar suara tidak dihidupkan]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: tetapi setelah peti undi di dalam kem tentera dibuka, maka didapati PAS telah kalah. *[Disampuk]* Ini telah membuktikan kepada kita bahawasanya ada penyelewengan dan ada penyalahgunaan kuasa di dalam undian pos. *[Disampuk]*

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Sebut dekat luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *Point of Order.*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kenapa *hot* semuanya ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu. Yang Berhormat bagi Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *Point of Order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang ke berapa?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* 36(6) Sangkaan Jahat. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah cabar, kalau dia berani cabar, sebut di luar sekarang juga. Lepas ini buat sidang akhbar di luar *[Tepuk]* Jangan buat sangkaan jahat dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat. Tuduhan liar – 36(6). *[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Inilah budaya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Cabar-mencabar itu bukan dalam bidang kuasa saya. Saya hendak tegaskan di sini Yang Berhormat bagi Tumpat, soalan itu kenalah relevan dan janganlah Yang Berhormat kemukakan sesuatu soalan itu berasaskan kepada andaian ataupun tanggapan sendiri. Yang Berhormat boleh soal.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat, lebih daripada relevan. Soalan saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Kuasa dan keputusan Kerusi, bukan Yang Berhormat sendiri yang buat keputusan. *[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan berhasrat untuk membenarkan pemerhati daripada parti-parti politik untuk masuk di dalam kawasan kem tentera semasa pilihan raya ataupun pengundian dijalankan? Saya rasa kalau kerajaan benar, saya rasa kerajaan betul-betul demokratik dan saya tabiklah.

Dato' Haji Muhammad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tabiat parti PAS suka membuat pembohongan dan membuat tuduhan yang liar. *[Tepuk]* Semua orang tahu, sedangkan pembohongan dan buat fitnah merupakan satu perbuatan yang paling zalim. Sebab apa apabila kita membuat pembohongan, pembohongan ini dipakai oleh orang ramai dan bertindak di atas pembohongan kita.

Jadi, kalau jadi apa-apa bererti orang yang membuat pembohongan itu telah menzalimi keseluruhan rakyat yang terlibat. Jadi, sebab itulah menjadi satu kebiasaan kepada parti PAS. Jadi, kita berharap tahulah bagaimana menilai standard pemikiran dan perkara-perkara yang hendak dibangkitkan PAS itu semata-mata untuk mencari *political mileage*. Itulah sahaja perjuangan yang kita nampak sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sebab itu saya nyatakan tadi oleh kerana kita hendak menentukan perjalanan undi pos ini berjalan lebih baik, maka pada tahun ini kita buat penyeliaan kertas undi itu diserahkan oleh pegawai yang kita lantik daripada SPR sendiri.

Jadi, setakat ini mengenai dengan ejen ataupun wakil calon untuk melihat sendiri kita belum fikirkan lagi. Tetapi di antara langkah-langkah itu kita fikir dan kita akan laksanakan untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini betul-betul telus dan ikhlas.

5. **Datuk Philip Yong Chiew Lip [Gaya]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pendatang tanpa izin di negeri Sabah telah dihantar pulang sejak tamatnya Program Regularisasi; dan
- (b) berapakah jumlah pendatang tanpa izin di negeri Sabah sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak Program Regularisasi dilaksanakan pada 1 Mac hingga 31 Ogos 1997, seramai 46,656 orang pendatang tanpa izin iaitu 26,895 orang Filipina dan 19,761 orang Indonesia telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Bilangan pendatang tanpa izin di negeri Sabah pada masa ini dianggar seramai 100 ribu orang.

Datuk Philip Yong Chew Lip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam tiga bulan ini, kes pembunuhan berlaku adalah begitu rumit sekali oleh pendatang haram. Hampir tidak kurang daripada 10 orang yang dibunuh dan enam daripadanya adalah rakyat Sabah. Adakah kementerian sedar perkara ini dan apakah tindakan diambil kepada pendatang haram?

Kedua, rakyat Sabah sudah sampai satu tahap perasaan takut kerana nyawa diancam. Apakah tindakan yang akan diambil kerana nampaknya walaupun sudah beribu-ribu pendatang haram dihantar balik tetapi masih begitu ramai di Sabah? Adakah program ini dapat dijalankan oleh kementerian secepat mungkin?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa masalah pendatang tanpa izin di negeri Sabah adalah terkawal, cuma segelintir masyarakat ataupun segelintir pemimpin di negeri Sabah sahaja yang beranggapan bahawa perkara ini tidak terkawal. Umpamanya, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan setakat bulan September 1999 melalui agensinya iaitu Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah dan Labuan sebanyak 14 siri operasi telah dijalankan iaitu empat di Kota Kinabalu, tiga di Sandakan, tiga operasi di Tawau dan masing-masing satu operasi di Keningau, Ranau, Lahad Datu serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman selanjutnya, setakat ini seramai 10,474 orang iaitu 4,890 orang Filipina, 4,208 orang Indonesia dan 1,376 orang lain-lain warganegara telah ditangkap untuk tahun ini. Pada tahun yang sudah-sudah iaitu pada tahun 1997, lebih kurang 8,670 orang pendatang tanpa izin telah diusir balik. Pada tahun 1998, lebih kurang 13,517 orang pendatang tanpa izin diusir balik dan setakat ini daripada tahun 1990 hingga bulan September 1999 umpamanya 130,316 pendatang tanpa izin telah diusir balik ke negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, jadi jelas dan nyata bahawa kerajaan komited untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin ini tetapi masalah ini iaitu masalah dengan pembunuhan di mana-mana negara sama ada negara maju, negara tidak maju memang terdapat pembunuhan sama ada ada pendatang tanpa izin ataupun bukan pendatang tanpa izin, pembunuhan sentiasa berlaku.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Semasa lawatan saya ke pedalaman kawasan saya sendiri di Baram, Sarawak. Saya sedar bahawa ramai orang asing yang masuk ke negeri Sarawak itu tanpa izin dan saya percaya mereka ini datang untuk bekerja dalam hutan mencari benda-benda berhasil daripada sumber hutan umpamanya, mencari kayu gaharu ataupun sarang burung dan lain-lain.

Saya ingin tahu adakah kerajaan sedar dengan masalah ini dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi membanteras dan menghalang pendatang tanpa izin seperti ini?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, tidak dinyatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat di hutan belantara mana pendatang-pendatang ini. Sama ada dari hutan Kalimantan iaitu dalam kawasan negara jiran kita ataupun dalam kawasan Malaysia. Kerajaan setakat ini tidak sedar ada kegiatan-kegiatan mencari sarang burung di

kawasan belantara yang telah disebutkan tadi. Kalau Yang Berhormat mempunyai informasi yang terperinci mengenai perkara ini, sila kemukakan laporan kepada kementerian berkenaan untuk tindakan diambil seterusnya.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] tidak hadir]

[Soalan No. 7 - Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran] tidak hadir]

8. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) syarat-syarat kawalan modal kewangan yang akan dilonggarkan supaya lebih banyak pelabur asing dapat mengambil bahagian dalam sektor pembangunan negara; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang menggantikan kadar pertukaran wang asing dengan satu kadar yang lebih mencerminkan nilai mata wang Ringgit yang sebenar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bendera bersama Ahli Yang Berhormat bagi Lumut yang dijadualkan akan dijawab pada hari ini kerana ia berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada tamatnya tempoh pemegang modal portfolio selama satu tahun pada 31 Ogos 1999, aliran keluar bersih dana portfolio adalah sebanyak AS\$1.7 bilion sejak 1 September hingga 22 Oktober 1999. Namun begitu, aliran keluar mingguan secara purata telah berkurangan pada bulan Oktober 1999, minus AS\$23 juta atau minus RM87.4 juta sehari berbanding dengan bulan September minus AS\$61 juta atau minus RM231.8 juta sehari.

Jumlah aliran keluar ini mencerminkan sebahagian besar dana portfolio asing masih terus dilabur di negara ini. Sebarang aliran keluar modal jangka pendek adalah untuk sementara waktu dan mampu dibiayai oleh *reserve* luar negara yang berjumlah sebanyak AS\$29.99 bilion pada 15 Oktober 1999. Dana asing dijangka akan kembali untuk melabur semula di negara ini dalam bulan-bulan yang akan mendatang memandangkan asas-asas ekonomi negara yang dijangka terus bertambah kukuh. Kawalan modal yang sedia ada bertujuan untuk mengawal spekulasi ke atas Ringgit dan menstabilkan aliran modal jangka pendek.

Pada hakikatnya, modal jangka pendek asing tidak boleh diharapkan sebagai sumber pembiayaan negara kerana modal ini mudah berubah aliran. Sebaliknya modal pelaburan langsung asing jangka panjang merupakan sumber pembiayaan penting bagi pembangunan negara. Oleh yang demikian, kerajaan tidak mengenakan sebarang kawalan ke atas aliran masuk dan keluar pelabur langsung asing yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Pelabur-pelabur asing langsung adalah bebas menghantar pulang dana pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, pertanyaan berkaitan dengan kelonggaran kawalan modal untuk menggalakkan pelaburan asing ke negara ini untuk membiayai pembangunan adalah tidak berkaitan.

Saya ingin menekankan bahawa matlamat penetapan kadar pertukaran Ringgit adalah untuk mewujudkan keadaan stabil demi memudahkan perdagangan luar Malaysia serta membantu pemulihan ekonomi negara. Pada masa ini kadar pertukaran Ringgit adalah secocok dengan asas-asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, kadar pertukaran Ringgit semasa berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat perlu terus dikekalkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat kerana itulah dalam beberapa bulan ini saya nampak

jawapan daripada pihak kerajaan itu sudah berulang-ulang, mengatakan langkah itu sudah begitu sempurna sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bilakah agaknya Yang Berhormat, kawalan modal kewangan ini akan diberhentikan memandangkan badan WTO pun sudah hendak melaksanakan liberalisasi dan pihak Amerika Syarikat dan pihak Eropah [Disampuk] Soalan sudah tanya tetapi ini untuk menerangkan keadaan supaya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:Yang Berhormat dapat menjawab dengan tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soal terus Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: [Disampuk] Ya, saya terus. Dia kacau sahaja ini.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tidak percaya diri sendirilah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tolong dia beri jawapan yang tepat. [Disampuk] [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi itu bilakah – saya hendak ulang kerana kacau ini. Bilakah kerajaan menganggap masa yang tepat, persis dan jitu untuk menarik balik kawalan ke atas modal kita memandangkan pergolakan dan pancaroba dunia sekarang ini. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita katakan tadi sebelum kita menarik balik, kita kena melonggarkan dahulu, sebelum kita tarik balik. Jadi, longgar dahulu [Ketawa]

Jadi, apa yang kita buat Sistem Levi yang telah dimudahsuaikan pada 21 September 1999 dengan pengenaan levi setara sebanyak 10%. Dahulu kita katakan 30% dalam masa kawalan, selepas itu kita kenakan 10% tetapi sekarang ini kita beri purata Sistem Levi yang telah dimudahsuai ini mulai pada 21 September, kita kenakan 10%.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa sekatan kawalan ini ialah secara terpilih bukannya sekatan kawalan secara langsung kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa pelabur-pelabur asing langsung iaitu FDI adalah bebas menghantar pulang dana pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, pertanyaan yang berkenaan tidak relevan.

Keduanya, selagi *International Financial Architecture* dengan izin, tidak dirombak kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk menghapuskan dan untuk mengapungkan duit kita di pasaran.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan dan memberi angka-angka berkenaan dengan jumlah mata wang yang mengalir ke luar negeri.

Jadi, saya hendak tanya apakah jumlah nilai mata wang yang telah dibawa keluar dari Malaysia sejak 1 September tahun ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini baru mula dalam masa sebulan dan kita masih lagi melihat *net commoditive inflow* dan *outflow foreign funds* dan apabila dapat kita menetakannya, melihatnya saya akan beritahu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

9. **Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Akta Universiti dan Kolej Universiti sekarang perlu dipinda bagi menghalang orang-orang tertentu daripada menggunakan universiti untuk mempengaruhi penuntut-penuntut supaya antikerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum bercadang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti Pindaan 1996. Perlu ditegaskan peruntukan di dalam akta ini ialah untuk menghalang penglibatan pelajar dalam politik ekstremis dan tidak membina. Peruntukan ini juga dikekalkan untuk memastikan pelajar-pelajar tidak menumpukan perhatian kepada kumpulan-kumpulan politik tertentu.

Di samping itu, pihak universiti sentiasa mengawasi aktiviti pihak-pihak tertentu yang cuba menghasut agar membenci kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di Universiti Malaya, ada satu demonstrasi mahasiswa mahasiswi dan kemukakan memorandum kepada beliau dan beliau mengalu-alukan dan ada bercakap dengan mereka sikap ini sebagai satu *constructive engagement* tetapi Yang Berhormat Menteri Pendidikan menganggap bahawa ini tidak melanggar tata tertib dan bahawa tindakan tata tertib perlu diambil dan saya tahu ada notis dikeluarkan untuk memanggil pelajar-pelajar tersebut menghadapi satu *enquiry* kenapa ada bercanggah sikap dalam perkara ini.

Di satu pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata inilah *constructive engagement* di pihak yang lain Yang Berhormat Menteri pendidikan kata inilah melanggar tata tertib. Bolehkah satu jaminan dibuat bahawa tidak ada tindakan akan diambil terhadap mahasiswa mahasiswi tersebut dan bahawa ruang memberi pendapat diberi kepada mahasiswa mahasiswi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tidak ada dua orang yang sama cara dia berfikir. Mesti ada....

Tuan Lim Kit Siang: Kerajaan dua pendapat dalam satu hal.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya kata bukan kerajaan, dua orang, bukan kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Bukan kerajaan, saya cuma kata tidak ada dua orang, saya tidak habis cakap lagi, Yang Berhormat itu duduk sekejaplah. Apa ini! Disiplinlah, kita tidak habis cakap apa pun sudah menjerit-jerit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Budak-budak!

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya kata....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *Very childish.*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *Very childish father.*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya baru hendak cakap, belum habis ya. *Okey, point* pertama saya kata tidak ada dua orang yang sama cara dia berfikir, *that is a general statement.*

Tuan Lim Kit Siang: Satu kerajaan tidak boleh dua pendapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Eh, saya bukan cakap bab kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *I am talking about two different persons thinking.*

Tuan Lim Kit Siang: *One government.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hoi, menurun nombor ekorkah, hah? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *Of course one government, what are you talking about? Okey, baik. Jadi.....*

Tuan Lim Kit Siang: *Don't be double tongue.*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *Apa double tongue? Youlah double tongue. You sepuluh tongues.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *Apa, Don't, don't, don't, don't.....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Balik kepada jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *Jangan beri saya panas, saya bercakap baik-baik. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: *Bukan double tongue?*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *Childish father. [Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *Saya hendak cakap pun tidak boleh, jadi dari segi Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dia pun ada pandangan dia, soal apa yang dia hendak buat, dia berdasarkan kepada aturan, dia buat apa dia hendak buat dan kita menghormati pandangan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita Sukan Olimpik what is the problem? [Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan duduk]*

Tuan Lim Kit Siang: *Action, apa yang tidak jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa berdiri tidak mahu jawab.....*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *Eh, balik minum susulah budak. [Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: *Jawab bahawa tindakan-tindakan diambil terhadap pelajar.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Itulah dia tidak jawab.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat, sabar.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, apa bentuk tindakan....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak, *don't stand up*.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Eh, apa membising ini?

Tuan Lim Kit Siang: Jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Engkau ingat engkau banyak *terrorkah*, Lim?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Ahli Parlimen boleh duduk dan cakap, saya pun boleh duduk cakap!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Eh Apek, balik rumah minum susulah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mereka boleh buat, kita pun boleh buat. Kita duduk dan cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa bising ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya ada kata, apa sebab Yang Berhormat Menteri hendak mengambil keputusan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Macam orang hilang bini, oh. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:..... tunggulah dia buat kerja dia, itu jaminan saya boleh beri, dia belum selesai lagi, jamin tahi minyak apa!

Tuan Lim Kit Siang: Mana jamin?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa jamin?

Tuan Lim Kit Siang: Apa tak gunalah, *resign*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak nasihatkan Yang Berhormat sekalian supaya sabar.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa sabar dengan manusia macam ini, bangkai ini mesti sabar?

Tuan Lim Kit Siang: Dia bukan manusia, lebih teruk lagi.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat. Saya juga dapati bahawa terdapat ahli-ahli yang tertentu yang suka cakap tanpa meminta keizinan, ini satu keterlaluan saya rasa.

Beberapa Ahli: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Dan mereka yang terlibat janganlah buat berulang kali sehingga saya terpaksa menamakan mereka. Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya hormat Tuan Yang di-Pertua, saya bangun. [Ketawa] Saya tidak macam yang sebelah situ. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa pelajar-pelajar yang nampak antikerajaan berpunca daripada pensyarah, kadang-kadang naib canselor universiti itu, dia melantik semua *head faculty* pun yang antikerajaan, itu sebabnya. Lepas itu kita dok salah kepada pelajar, pelajar ini dihasut tiap-tiap hari oleh pensyarah-pensyarah dan *head faculty*, kadang-kadang naib canselor, saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setengah daripada naib canselor itu antikerajaan, jadi kita kena perbetul di peringkat atas itu supaya perkara-perkara ini dapat diambil tindakan. Jangan salahkan pelajar, setengah pelajar itu dihasut tiap-tiap hari. Pembangkang ini pun kalau kita hasut tiap-tiap hari suruh masuk Barisan Nasional, dia masuk. [Ketawa]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa mempunyai hubungan yang rapat dengan semua universiti terutama sekali naib-naib canselor dan apa jua keputusan yang hendak dibuat biasanya kita ada hubungan di antara satu sama lain. Saya tidak nafikan sebagai manusia biasa, masing-masing, macam saya kata tadi, tidak ada dua orang itu sama cara dia berfikir tetapi kita akan cuba pastikan dalam suasana dan keadaan tertentu kita cuba pastikan seboleh-bolehnya keputusan yang dibuat itu biarlah yang tepat dan tidak merugikan mana-mana pihak.

10. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapakah terdapat rancangan membina kilang pelebur aluminium seperti dalam Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar mengenai kilang penapis Alumina di Bintulu memandangkan kerajaan pernah mengatakan bahawa ia tidak akan membina kilang pelebur di sana.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan tapak projek sebenar adalah di Tanjung Simlanjau iaitu lebih kurang 50 kilometer dari Bandar Bintulu dan cadangan projek ialah untuk penapis alumina dan bukan untuk membina kilang pelebur aluminium. Adalah dimaklumkan bahawa Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) terperinci projek ini disediakan oleh pihak pemaju projek dan ianya sedang disemak oleh Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Sumber Air dan Persekitaran Sarawak. Penyemakan pelaksanaan projek ini akan mengambil kira kesesuaian tapak dan kesan-kesan kepada alam sekitar.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kilang penapis alumina ini, yang sebenarnya adalah pelebur aluminium dicadangkan untuk dibina di sana juga dan mengapakah ada pendapat yang berbeza daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan laporan dalam EIA untuk kilang penapis alumina ini dan kementerian kini dalam proses menilai laporan EIA bagi kilang penapis alumina ini adalah tepat. Mengapakah tidak ada laporan EIA yang komprehensif bagi loji pelebur aluminium yang dicadangkan di sana juga dan kilang besi dan lain-lain kilang yang dicadangkan dibina di sana juga. Sepatutnya takkan kesan kumulatif EIA semua juga dan bukannya satu persatu kerana benda yang sedikit tidak sama dengan keseluruhannya.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bintulu. Persoalan yang dikemukakan ialah kilang pelebur aluminium oleh Yang Berhormat bagi Bintulu, saya menjawab bukan pelebur, *smelting*, dengan izin, penapis, - *correction* dan perkara ini sedang dinilai. Belum ada penentuan khusus lagi, dinilai dan kalau dikata hendak bawa perkara-perkara yang lain lagi, itu *irrelevant*, Tuan Yang di-Pertua.

11. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah perkembangan terkini kes keracunan (*arsenic*) bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim. Siapakah yang didapati bertanggungjawab. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap kes itu.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak polis masih meneruskan siasatan ke atas kes keracunan *arsenic* Dato' Seri Anwar Ibrahim. Pihak polis akan mengemukakan hasil siasatan tersebut kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya apabila selesai siasatan yang dijalankan.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah motifnya sipendakwa itu yang sengaja mendedahkan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim telah diracuni. Saya ingin tahu apakah tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap sipendakwa itu, oleh kerana perkara ini telah menjejaskan imej kerajaan khususnya dan juga menakutkan orang asing datang ke negara ini oleh sebab takut diracuni oleh mana-mana pihak.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada siasatan polis, jika ada bukti menunjukkan bahawa niat tujuan untuk, ini berpandu kepada keputusannya. Setakat ini saya tidak dapat keputusannya tetapi kalaulah diandaikan keputusannya menunjukkan bahawa hasilnya tidak ada keracunan dan didapati bahawa niat aduan yang sebenar ialah bermotif lain dan jika ada bukti-bukti tertentu saya percaya pihak polis akan mengambil tindakan undang-undang sewajarnya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana kita sedia maklum, kesan daripada pembohongan dan fitnah yang dibuat oleh peguam dari Jelutong menyebabkan rakyat berada dalam keadaan yang resah – berlaku demonstrasi dan sebagainya, ini kita dapati ada pihak pembangkang melalui akhbar *Harakah* memainkan isu ini – meniupkan semangat supaya rakyat benci dan percaya kepada fitnah ini. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang kepada *Harakah* ataupun mengharamkan supaya *Harakah* ini tidak dikeluarkan yang boleh memesonkan fikiran rakyat dan selalu menabur fitnah melalui *Harakah* yang tidak bertanggungjawab ini.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Dewan yang mulia ini pada hari pertamanya telah pun mencabar Yang Berhormat bagi Jelutong untuk membuat tuduhan berkenaan di luar Parlimen dan di luar mahkamah. Nampaknya beliau tidak memberi sambutan, bermakna apa yang dikatakan itu adalah pembohongan semata-mata. Dan jika *Harakah* mengambil alih pembohongan itu untuk terus membohongkan rakyat, maka mereka juga (kalau mereka berlandaskan kepada prinsip Islam) mereka juga melakukan perkara yang menentang Islam. Sebenarnya, kalau ini yang sebenar, kita akan kaji semula maklumat ataupun berita-berita yang dikeluarkan oleh *Harakah* (dan akan dikaji dan kalau boleh) kalau didapati ada landasan undang-undang kita akan ambil tindakan.

12. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban di Sarawak : -

- (a) mengadakan bahasa Iban sebagai elektif dalam maktab-maktab perguruan di Sarawak; dan
- (b) menempatkan pegawai bahasa Iban di bahagian kurikulum dan Ibu Pejabat Pendidikan di Sarawak.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan belum menawarkan bahasa Iban sebagai satu bidang pengkhususan di maktab-maktab perguruan memandangkan bahasa Iban tidak ditawarkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Syarat pengkhususan sesuatu bidang di maktab-maktab perguruan adalah kepujian dalam mata pelajaran berkenaan di peringkat SPM. Walau bagaimanapun, kursus bahasa Iban ada ditawarkan untuk kursus-kursus pendek kepada guru-guru terlatih di maktab-maktab perguruan Sarawak.

Jawatan Pegawai Bahasa Iban telah diwujudkan di Jabatan Pendidikan Sarawak semenjak 16 Mei 1992. Pegawai berkenaan ditempatkan di bahagian kurikulum sebagai penyelarasa mata pelajaran Bahasa Iban.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui saya, warga Kementerian Pendidikan adalah terdiri daripada orang-orang yang berkelayakan, terlatih, bijak dan pandai dan isu ini telah dibawa perhatian kementerian sejak 1984 dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa tindakan berjalan dengan, dengan izin, *at a glacial pace*, mengapa begitu susah untuk menyelesaikan perkara ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sama ada bahasa Iban ini boleh dijadikan bahasa elektif di maktab-maktab perguruan ianya banyak bergantung bila urusan-urusan yang ada hubungkait dengan soal-soal kebahasaan dan urusan pentadbiran itu dapat diselesaikan bagi membolehkan bahasa itu dijadikan sebagai satu bidang pengkhususan di maktab. Saya suka menjelaskan, ianya melibatkan banyak perkara yang kadangkala saya perhatikan *highly technical* yang perlu diatasi sebelum kita muktamadkan satu-satu perkara.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negara kita ini kita mempunyai banyak *ethnic minority* yang mempunyai bahasa mereka tersendiri seperti saya sendiri seorang daripada kaum Orang Ulu Kenyah dan kami sendiri mempunyai bahasa kami sendiri. Saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah pusat bahasa etnik di negara kita supaya bahasa-bahasa mereka ini dapat dikekalkan pada masa depan nanti supaya bahasa-bahasa etnik seperti bahasa Orang Asli, bahasa Orang Lun Bawang, Kayan, Kenyah, Kelabit, Berawan dan lain-lainnya tidak dilupakan pada masa hadapan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dari segi prinsipnya kita tidak menyekat penggunaan, penggalakan, amalan bahasa-bahasa suku kaum yang ada di negara kita ini dan sebarang pihak boleh mengambil apa juga inisiatif untuk cuba sama-sama memastikan khazanah dan perbendaharaan kita itu dapat dipelihara secara bersama-sama, cuma siapa yang hendak mengambil inisiatif sama ada di peringkat dan lain-lain, ini saya fikir banyak bergantung kepada minat semua pihak yang terlibat. Dari segi kerajaan, kita memberikan jaminan bahawa semua bahasa boleh digalakkan, digunakan dan diamalkan.

13. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada semua haiwan, binatang dan burung telah "bebas" daripada penyakit Virus Nipah dan J.E. Apakah jaminan bahawa penyakit ini telah selesai di musnahkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Bagan, berdasarkan aktiviti pemantauan yang dijalankan, tiada kes-kes baru penyakit Nipah dan J.E. di kalangan ternakan khinzir, lain-lain haiwan dan burung dilaporkan semenjak bulan Mei 1999. Walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti pemantauan sentiasa diteruskan untuk memastikan ternakan khinzir dan lain-lain haiwan dan burung adalah bebas dari jangkitan-jangkitan virus tersebut dan untuk mengesan dengan cepat jika ada berlaku jangkitan virus Nipah dan J.E.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Merujuk kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kerajaan kita cuba menyakinkan pihak Singapura khususnya supaya menerima khinzir hidup atau daging khinzir dari negara kita dieksport ke negara Singapura.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini oleh kerana bekalan khinzir yang ada dalam negara kita ini hanya cukup untuk kegunaan dalam negara kita, maka belum sampai masa lagi kita memberi jaminan kepada kerajaan Singapura atau kepada pihak luar daripada negara kita tetapi Walau bagaimanapun, saya percaya mereka sentiasa mengikuti perkembangan dalam negara kita. Jadi, kalau penyakit atau virus ini tidak ada, maka saya yakin mereka akan mempercayai bahawa apa sahaja ternak yang dikeluarkan oleh negara selamat daripada virus-virus tersebut.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat mengesahkan baru-baru ini dikatakan bahawa beberapa anggota yang terlibat dalam menyekat penyakit virus Nipah – anggota-anggota tentera dan anggota kerajaan juga terkena dengan virus tersebut dan dikatakan baru-baru ini dari Atlanta mereka telah datang untuk menyiasat perkara itu dalam 40 hari dahulu dan dikatakan telah merebak kepada beberapa orang dan apakah sebab ini berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil supaya ia tidak merebak kepada orang ramai.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan oleh kerana bidang tugas ini – penyakit kepada manusia adalah bawah bidang tugas Kementerian Kesihatan, saya minta maaf, saya hanya penyakit kepada binatang sahaja. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini tumpu kepada mergastua, binatang sahaja. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, apabila binatang-binatang liar ataupun jinak mati ataupun menghidap penyakit virus, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan Veterinar dan apabila ada lebih banyak binatang yang mati kerana virus, apakah prosedur untuk mengesan dan mencegah virus ini.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Sebagaimana yang saya jelaskan bahawa tanggungjawab kementerian saya ialah dalam bahagian ternakan atau binatang sahaja. Apabila kita dapati sesuatu ternakan itu mati atau didapati berpenyakit, maka pertamanya sampel

Dr. Tan Seng Giaw: *[Berbincang dengan rakannya]*

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Kepong! Kalau you bertanya, dengarlah dahulu, janganlah toleh ke lain, soalnya membuang masa Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar! Macam mana kita mesti lihat, asyik lihat kepada dia sahaja. *[Ketawa]* Hai, macam mana Yang Berhormat ini, kalau kita dengar macam ini pun tidak boleh.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Kalau Yang Berhormat duduk melihat, maksudnya membuang masa kementerian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada! Saya dengar di sini!

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Saya hendak beritahu prosedur tadi, kalau Yang Berhormat menumpukan kepada fail dan lainnya, maka macam mana jawapan perlu diberi? Jadi, kita kerajaan bukan main-main!

Yang Berhormat, prosedurnya kalau kita dapati ada ternakan atau binatang yang sakit atau mati, maka pertamanya kita mengambil, kalau mati kita mengambil sebahagian dagingnya dan darahnya supaya dihantar sampel itu kepada makmal kita di Ipoh. Dari situ maka kita akan dapat mengesan apa sebenarnya kematian atau penyakit yang tersebut. Itu prosedurnya. Dan kalau didapati penyakit itu merebak, maka satu *task force* akan ditubuhkan bagi mengesan ke mana lagi dan laporan-laporan daripada pegawai-pegawai Veterinar di seluruh negeri, daerah akan diambil.

Jadi, walau bagaimanapun, itulah tindakan-tindakan yang kami ambil dari masa ke semasa.

14. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan keadaan sisa pepejal di seluruh Wilayah Persekutuan amnya dan di kawasan Kepong (Jinjang Utara) khasnya. Bilakah tapak pelupusan sampah dan longgokan sampah di Jinjang serta pencemarannya dapat diselesaikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil perhatian tentang tahap kebersihan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuklah mengenai masalah sampah longgokan dan tapak pelupusan sampah di kawasan Kepong.

Sehubungan itu beberapa langkah telah dilaksanakan oleh DBKL dan Syarikat Alam Flora bagi menangani masalah sampah longgokan. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) membuat kutipan sampah longgok secara berjadual;
- (ii) mempertingkatkan program penguatkuasaan dan intipan oleh Unit Kawalan Selia DBKL;
- (iii) mengambil langkah-langkah *preventive* dengan menanam pokok-pokok secara *instant* dan memasang *railing* di kawasan-kawasan yang dijadikan longgokan sampah; dan
- (iv) memasang papan tanda peringatan melarang buang sampah di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai tapak sampah longgokan.

Untuk mengatasi masalah tapak pelupusan sampah di Taman Beringin pula, usaha-usaha sedang dirancang oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut. Di antara usaha-usaha yang sedang dirancang ialah pembinaan stesen, pemindahan, dengan izin, *transfer station* di tapak pelupusan sampah berkenaan.

Di samping itu, tapak pelupusan sampah baru di Hulu Selangor juga sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam masa satu hingga dua tahun lagi.

Dengan pembinaan stesen pemindahan sampah ini kelak, masalah tapak pelupusan sampah akan terkawal.

Pada masa ini kerja-kerja pembaikan semula, *rehabilitation*, dengan izin, tapak pelupusan sampah di Taman Beringin juga akan dilaksanakan seperti mengeluarkan gas, serta menanam pokok-pokok lanskap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Kepong, cuba pendekkan soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang pendek, saya sentiasa memendekkan soalan saya.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat dan ini bukan kesalahan Yang Berhormat kerana baru sahaja mengambil alih jawatannya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa pihak kerajaan berjanji untuk menutup tapak pelupusan sampah di Taman Beringin pada hujung tahun yang lepas, tetapi masih ada kegiatan dan ini memang saya simpati kerana susah hendak kita ganti tapak yang lain. Tetapi lebih 20 tahun dah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan berhujah lagi, tidak ada masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bukan hujah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tidak ada masa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat baru sahaja memegang jawatan, beliau tidak begitu faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Cukup!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi boleh dikuatkuasakan dengan berkesan, itulah masalahnya.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pengutipan sampah-sampah di kawasan DBKL pada masa ini dijalankan oleh Alam Flora Sendirian Berhad dan Alam Flora baru sahaja mengambil alih tugas ini daripada DBKL. Alam Flora terpaksa mengutip ataupun sampah yang dijana setiap hari di Kuala Lumpur ialah 2,500 tan. Dan ini melibatkan 312,000 kediaman dan 23,000 unit rumah kedai.

Pada masa ini Alam Flora mempunyai lebih kurang 2,500 orang pekerja dan juga telah pun melantik 62 kontraktor. Dan setakat ini Alam Flora mempunyai 287 buah mesin dan juga lori yang setengah-setengahnya diambil alih daripada DBKL. Daripada segi peruntukan kewangan yang kita gunakan, untuk kutipan sampah rumah, RM49 juta, sampah pasar RM3.5 juta, sampah longgok ataupun *illegal dumping* RM2.7 juta, membersihkan jalan dan juga longkang RM37 juta dan kita memberikan 5% lebihan kepada kos ini dan semua ini melibatkan kos sebanyak RM95.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, jadi yang menjadi masalah kepada Alam Flora ialah, kalau mereka hendak memperbaiki lagi sistem ini maka mereka terpaksa menggantikan pekerja-pekerja manual kepada mekanikal. Dan satu lagi, mereka juga perlu - yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan kepada mereka ialah supaya kita menggunakan *incinerator* dan kalau dahulu misalnya empat, lima tahun dahulu apabila *incinerator* ini dicadangkan kepada DBKL, pada masa itu harganya cuma RM400 juta, tetapi hari ini *incinerator* yang hendak digunakan ataupun direkomen dicadangkan kepada DBKL oleh kerana kita selalu buang sampah yang basah, maka *incinerator* ini perlulah *heavy duty* dan kosnya pada hari ini menjangkau lebih kurang RM1 bilion.

Jadi, itulah sebabnya dahulu kerajaan bercadang hendak menggunakan *incinerator*, maka *dumping site* ini kita tidak buat cadangan yang lain tetapi oleh kerana kita menanggukkan penggunaan *incinerator*, maka itulah kita telah mencadangkan supaya kita buka satu lagi *dumping site* untuk menampung *dumping site* di Taman Beringin yang telah pun penuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa untuk Soal Jawab sudah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1, 6, 7, dan 15 hingga 20 akan dijilid dalam buku berasingan]

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Cheras bangun ya. Ada apa Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk Peraturan Mesyuarat 43 berkaitan keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari kelmarin saya dan rakan saya Yang Berhormat bagi Bagan ada mendakwakan bahawa Kedai Cenderamata Parlimen dioperasikan tanpa lesen perniagaan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga dijadikan satu pusat promosi barangan pilihan raya Barisan Nasional.

Pada ketika itu, Tun Speaker, ada memaklumkan kepada Dewan bahawa perkara ini akan disiasat dan satu jawapan diberikan dan saya minta supaya jawapan ini dapat dimaklumkan kepada Dewan ini hari ini, tetapi sebelum saya meminta jawapan, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan yang saya menganggap adalah penting dan perlu dikemukakan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan ditujukan kepada siapa Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai: Kepada Tuan Speaker dan saya merujuk kepada satu peraturan yang baru iaitu Peraturan Mesyuarat 79 iaitu mengenai kepada *House Committee*.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kedai cenderamata Parlimen itu pada mulanya dijalankan oleh *Commonwealth Women Parliamentary Group* (CWPG) dan nama baru sekarang ialah *Commonwealth Women Parliamentarian*, tetapi digantikan pula oleh seorang pengusaha persendirian dan saya difahamkan bukan sahaja kedai itu tidak mempunyai apa-apa lesen perniagaan yang tidak patutnya berlaku kerana Bangunan Parlimen adalah bangunan di mana sebuah institusi perundangan tertinggi di negara kita ini dan haruslah menjadi satu teladan dan bukan sahaja tidak ada lesen dijalankan secara haram tetapi setahu saya sewa pun tidak bayar, adakah ini benar. Sewa tidak dibayar kepada Parlimen Malaysia dan kalau ini benar, apakah sebabnya kerana Kedai Cenderamata Parlimen itu semua perbelanjaan dan pembiayaannya renovasi dan kelengkapan-kelengkapannya adalah ditanggung dan dibayar oleh Parlimen Malaysia.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya pun boleh sebut *point of order* juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak mencelah sedikit. Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Selepas ini saya masih ada beberapa persoalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi menyimpang daripada Ini salah gunakan tafsir 79. 79 menyatakan ".....kesenangan dan kemudahan serta khidmat-khidmat [*Pembesar suara ditutup*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar! Saya hendak mencelah sekarang ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Saya mencelah sekarang ini dan Yang Berhormat bagi Cheras, setahu saya Yang Berhormat memang sudah membangkitkan perkara ini dan minta

Tuan Tan Kok Wai: Ini persoalan yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Cuma Yang Berhormat, cuba hendak mendalaminya, saya tahu dan saya rasa Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat, bangkitkan sahaja. Kalau Yang Berhormat hendak memberikan hujahnya, ada peluang-peluang yang lain, khususnya dalam perbahasan yang berikut.

Jadi, Yang Berhormat, berhubung dengan apa yang dibangkitkan tadi itu, sama ada keputusan telah pun dibuat ataupun apa keputusan yang berhubung kait dengan perkara yang dibangkitkan kelmarin itu, saya rasa perkara ini sedang disiasat dan sebaik sahaja ianya dimuktamadkan maka keputusannya akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat, janganlah mengambil kesempatan ini untuk berucap.

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai, duduklah!

Tuan Tan Kok Wai: Saya bukan ambil kesempatan. Saya ingin mempertahankan imej kewibawaan dan kemuliaan Dewan ini. Parlimen Malaysia dan juga mempertahankan integriti Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak Yang Berhormat. Saya tidak berniat hendak menegah Yang Berhormat daripada berucap – tidak! Itu sebabnya saya nasihatkan Yang Berhormat, biar pun perkara ini cukup penting seperti mana yang didakwa, Yang Berhormat bolehlah bangkitkannya dalam perbahasan yang berikut. Faham Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua ialah Pengerusi kepada *House of Committee* yang seharusnya membuat keputusan sama ada di mana-mana bahagian Parlimen ini boleh dipergunakan oleh mana-mana pihak. Saya menimbulkan perkara ini kerana ini satu perkara yang paling serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: Kalau satu jawapan yang tidak memuaskan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat. Sebenarnya tiada sesiapa yang mempertikaikan ianya tidak penting ya. Cuma saya nasihatkan Yang Berhormat, bila Yang Berhormat bangkitkan perkara ini dalam perjalanan perbahasan, maka jawapan itu tetap akan diberi.

Tuan Tan Kok Wai: Bukan, memandangkan perkara sudah ditimbulkan hari kelmarin dan Tun Speaker pun sudah memberi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, itulah sebabnya saya katakan, keputusan itu sebaik sahaja ianya telah pun diperolehi, maka ianya akan dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan ini.

Tuan Tan Kok Wai: Baiklah, tetapi saya berniat baik, saya ingin membantu Tuan Yang di-Pertua, dalam siasatan dengan membekalkan lebih banyak lagi bahan-bahan untuk disiasat, misalnya sewa dan juga ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hoi, tak payahlah hai. Hai budak sekolah! *Chico, sit down chico.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

Tuan Tan Kok Wai: Dan juga kemudahan pun dalam kedai cenderamata itu seperti *air-cond*, telefon dan sebagainya, semua itu adalah hak Parlimen Malaysia dan bilangnya dibayar oleh Parlimen Malaysia, adakah ini benar. Ini satu persoalan penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Kalau hendak bantu Kerusi, saya ucapkan terima kasihlah. Dan nasihat saya tetap demikian. Yang Berhormat bangkitkan kemudian dalam perbahasan – boleh?

Tuan Tan Kok Wai: Bukan, kerana perkara ini pun sudah ditimbulkan, Tuan Speaker pun memberi jaminan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Saya cakap tidak ertikah? Saya cakap, nanti Yang Berhormat boleh *elaborate*.

Tuan Tan Kok Wai: Saya mengemukakan satu perkara lagi, hanya satu perkara, misalnya

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Saya boleh beri!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Beri peluang kepada saya Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ada Peraturan Mesyuarat 79. [*Pembesar suara ditutup*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: Saya masih *on the floor*. [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu, nanti dahulu.

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Sabar Cheras! Yang Berhormat, biasanya sesiapa pun kalau hendak bangun hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat, kita sebutkan sahaja dan bukannya kita berhujah seterusnya Yang Berhormat. Kalau boleh secara ringkas dan padat. Itu saya layan. Tetapi Yang Berhormat, nampaknya sekarang ini kerana berhujah, hendak memberikan maklumat yang lebih terperinci, saya rasa peluang itu ada, nanti dalam perbahasan. Boleh?

Tuan Tan Kok Wai: Ada satu perkara lagi. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang baru

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tak, saya sudah cakap. Baru atau lama saya sudah cakap dan Yang Berhormat seolah-olah tidak erti apa yang saya cakapkan tadi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Tan Kok Wai: Saya memang faham! Tetapi sebagai bahan penerangan kepada Tuan Yang di-Pertua, satu bahan baru ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia tak tahu bahasa Melayu, hai budak tak tahu bahasa Malaysiakah?

Tuan Tan Kok Wai: Budak nakal, sila duduk! [*Bertutur dalam bahasa Cina*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Budak tak cukup inci, *sit down!*

Tuan Tan Kok Wai: Budak nakal apa ini? Hormatilah Pengerusi!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hormati Pengerusilah, you tak hormat dia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat,

Tuan Tan Kok Wai: Ya, Tuan Yang di-Pertua, satu bahan baru, pelekat yang saya dapati daripada Kedai Cenderamata Parlimen itu iaitu satu pelekat plastik dengan logonya

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Kerusi tahan dia, tak beri dia cakap, minta dia duduk Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Tan Kok Wai: Logonya Bangunan Parlimen Malaysia dan juga perkataan 'Parlimen Malaysia', ini boleh diguna di mana-mana cermin kereta atau bangunan mana-mana dan saya difahamkan kos pengeluaran ini atau *production* pelekat ini mungkin sepuluh sen atau dua puluh sen sahaja tetapi jualan item ini satu pelekat RM4.50.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, itu dia berniaga, you tak mahu beli, you punya fasallah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta semua duduk ya, minta Cheras sila duduk.

Tuan Tan Kok Wai: Tetapi yang serius sekali, Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bukan barang kawalan.

Tuan Tan Kok Wai: Bukan harga jualannya. Saya bimbang

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, ini bukan barang kawalan, dia hendak kacau buat apa?

Tuan Tan Kok Wai: Saya bimbang imej dan integriti Parlimen Malaysia dicemarkan kerana mungkin ada orang dengan niat jahat menyalahgunakan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Budak kecil, duduklah!

Tuan Tan Kok Wai:menyalahgunakan pelekat ini misalnya *stranger* yang datang ke Parlimen tanpa kawalan keselamatan masuk senang sahaja

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bertutur dalam bahasa Cina*]

Tuan Tan Kok Wai: Ataupun penjenayah dan orang yang tidak bertanggungjawab mungkin memperalatkan pelekat ini untuk membuat sesuatu yang tidak diinginkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah Cheras ya, kita telah memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ada lagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: Misalnya *collar pin* dengan Parlimen logo, misalnya *batch* dengan Parlimen logo [*Pembesar suara ditutup*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, cukup, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, saya minta Yang Berhormat .duduk sekejap, saya hendak bercakap, ya. Saya rasa Pengerusi telah bagi

peluang Yang Berhormat untuk bercakap panjang semalam, hari ini sudah bercakap, banyak masa terbuang.

Saya tidak nampak mengapa Parlimen ini, Dewan ini harus kita gunakan perbahasan untuk Kedai Parlimen, kita ada bisness yang lebih mustahak [*Tepuk*] dan kita telah berjanji bahawa perkara itu akan disiasat dan pengaduan Yang Berhormat tidak akan disia-siakan, kita akan siasat, kalau perlu keputusan, kita akan buat keputusan yang sewajarnya. Jadi, saya tidak nampak kenapa kita harus berdebat dalam Parlimen ini berkaitan dengan Kedai Parlimen. Saya rasa Dewan ini dibuat untuk perbahasan yang tertentu sebagaimana hari ini, *Supplementary Budget* dan bukan berkaitan dengan Kedai Parlimen.

Tuan Tan Kok Wai: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Kalau Parlimen Malaysia tidak boleh dijadikan satu teladan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Tan Kok Wai: dan penyalahgunaan kuasa berlaku di sini, macam mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya telah katakan.....

Tuan Tan Kok Wai:Parlimen Malaysia boleh dipertahankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita menerima aduan Yang Berhormat tetapi bagi masa untuk kita menyiasat dan kita tidak boleh berdebat berlanjutan berkaitan dengan perkara Kedai Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap Yang Berhormat boleh terima. Bagi kita masa untuk....

Tuan Tan Kok Wai: [*Meyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita berjanji:....

Tuan Tan Kok Wai: [*Meyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat. Kita berjanji akan memberitahu Yang Berhormat penyiasatan kita.

Tuan Tan Kok Wai: Sebab saya takut ada satu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta Yang Berhormat Yan.

Tuan Tan Kok Wai: satu perubahatan berlaku di Parlimen di mana satu pihak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....Yan kena sambung.

Tuan Tan Kok Wai: dari pentadbiran bangunan Parlimen Malaysia bersubahat dengan satu pihak....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat. Minta Yang Berhormatcukuplah. *Please...cukuplah.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tidak boleh terima. Mengikut Peraturan Mesyuarat, Yan kena sambung ucapan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya, ada apa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap ya. Tanjong sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya, tidak dengar.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya minta kerjasama daripada Tuan Speaker. Selagi seseorang Ahli tidak dipanggil untuk bercakap, tidak harus berdiri untuk bercakap. *[Disampuk]* Saya rasa Ahli Yang Berhormat sudah melanggar undang-undang, sudah dua tiga kali. Saya minta daripada Tuan Yang di-Pertua supaya bertegas dalam perkara ini kerana Dewan ini bukan hendak membincangkan tentang harga yang mahal dan harga yang murah, perkara yang kecil yang harus kita bincangkan. Saya amat bersetuju dengan Datuk Speaker tadi – kita bertegas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, baiklah. Saya telah menjelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong ya.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order.* Saya tidak mahu bahas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Tanjong, sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: mengenai perkara ini. Saya tidak mahu bahas apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Cheras tetapi saya mahu tanya kenapa satu perkara yang begitu kecil mengenai Kedai Cenderamata, mengenai maruah Parlimen ini dan kalau mengenai maruah Parlimen ini tidak boleh selesai, apa guna kita berbahas. Kenapa perlu lebih daripada satu hari? Baru di sini sahaja, kenapa perlu lebih daripada satu hari untuk siasat? Patut boleh disiasat dengan masa yang pendek dan tutup Kedai Cenderamata ini oleh kerana sangat jelas ada bersubahat beberapa orang Ahli Parlimen Barisan Nasional dalam perkara ini menyalahguna kuasa dan kedudukan dalam Parlimen. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa perlu lebih dari satu hari?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baik, Yang Berhormat. Saya telah mengumumkan sudah dua kali. *[Disampuk]* Kita akan menjalankan siasatan dan secepat mungkin kita akan bagi pengumuman berkaitan dengan aduan Yang Berhormat. Ya, Setiausaha, silakan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 29 Oktober, 1999.

RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PEMBUBARAN) 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta bagi memansuhkan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 untuk mengeluarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) (NO.2) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 1999

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lapan puluh satu juta lima ratus ribu satu ratus (RM81,500,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18

Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut hendaklah disahkan." [25 Oktober 1999]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Yan diminta sambung.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak menarik perhatian Dewan, Perkara 79 ini hanya boleh digunakan apabila ia mengenai dengan *privilege*, tentang berkaitan dengan kesenangan, kemudahan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan yang terdapat bagi ahli-ahli Majlis. Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat ruling atas apa yang tidak terang tadi bahawa Yang Berhormat bagi Cheras *abuse*, menyalahgunakan Perkara 79. Saya minta nanti, Tuan Yang di-Pertua, pembangkang masa sekarang ini guna cara apa jua dan Yang Berhormat bagi Tanjong menokok tambah – dia kata ada dua tiga orang pula Ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada kaitan dengan kedai. Ini sudah tidak ada modal – menggunakan apa jua, kononnya mempraktikkan demokrasi, *this is abuse of democratic right, abuse* Perkara 79.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua, jangan dibenarkan kepala Cheras ini – Cheras tol ini menggunakan Perkara 79 untuk cuba mendapatkan perhatian, mendapatkan mileage untuk kepentingan politiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:supaya diperhatikan mereka jangan menyalahgunakan Perkara 79.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat semua. Kalau membangkitkan Peraturan Mesyuarat, biarlah kena pada tempatnya. Jangan sampai Dewan ini terkeliru dan kita membuang banyak masa untuk berdebat pasal Peraturan Mesyuarat dan perkara-perkara yang tidak bersangkutan. Saya harap semua ambil perhatian. Ya, sila teruskan Yang Berhormat Yan.

11.27 pagi

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya mengatakan bahawa tidak ada seorang rakyat Malaysia yang harus menyatakan bahawa mereka tidak mendapat nikmat daripada kemerdekaan, malah dalam kita membahaskan rang undang-undang ini juga kerajaan memberi subsidi yang begitu banyak kepada rakyat. Di Malaysia ini, macam yang saya kata semalam, di saat-saat itu itu mengandung, ibu dan anak itu telah mendapat subsidi daripada kerajaan dan anak itu juga mendapat subsidi bantuan pendidikan dan terakhir dengan bantuan pekerjaan diberi kepada mereka.

Di dalam Supplementary Bill kita ini, minyak masak pun diberi subsidi sebanyak RM5.3 juta. Begitu juga tong gas, Tuan Yang di-Pertua. Tong gas – kerajaan memberi subsidi, ini mungkin tidak disedari oleh rakyat terutama sekali parti pembangkang, parti PAS dan DAP bukan sedar ini semua. Tong gas sebanyak RM126 juta yang disubsidikan oleh kerajaan. Jadi, keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua – rakyat Malaysia ini mendapat subsidi sama ada dia di kampung, di bandar atau di mana-mana pelosok tanah air kita ini.

Akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kelaku-kelaku parti Barisan Alternatif, konon. Itupun tiru nama kita – Barisan. Tidak usah buat muka bodohlah, Arau. Tiru nama dan kemudian sanggup..... Ini saya hendak beritahu PAS – PAS takut pada Lim Kit Siang daripada Tuhan. *[Disampuk]* Sanggup tolak, tidak jadi Parti PAS itu parti Islam, negara Islam. Itu dia, kerana takut pada Benggali, takut pada..... *[Disampuk]* Woi, budak pendek duduk diamlah, budak kecil duduk diam. *[Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Cheras]* Lu tidak cukup inci duduk diam. Nanti saya bagi lagi rendah turun nanti.

Inikah perjuangan Islam? Saya hendak bertanya kepada parti PAS, inikah perjuangan parti Islam, menipu orang kampung.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:kononnya..... Hei, Tanjong duduk. *[Disampuk]*. Tanjong duduk. Saya tidak ada masa dengan you.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak bagi jalan.

Tuan Karpal Singh: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Pembohong besar. Dalam mahkamah pembohong, merata pembohong. You mahu bohong saya lagikah? Duduk!

Seorang Ahli: Benggali!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak bagi jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jelutong, duduk Jelutong.

Tuan Karpal Singh: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Duduk!

Beberapa Ahli: Nombor berapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *Point of order* nombor berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada *point of order* Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *Point of order* nombor berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap ya. Saya hendak tanya dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tanya, tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Tuan Karpal Singh: *Point of order*, ya. Saya bukan Benggali, saya orang Singh – Punjabi. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Yan. Sila ingat ya. Dia bukan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Benggali dengan Singh apa beza? [Ketawa] Benggali – orang Melayu kata Benggali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu tidak sanggup mengiktirafi keturunan dia, bermaknanya dia bukan manusia. Saya keturunan Melayu. Yang Berhormat dari MCA keturunan Cina – Tionghua. MIC, Tamil. Ada yang Jawa dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat Jelutong tidak mengaku dirinya Benggali sedangkan memang dia Benggali, cuma dia tidak pakai serban – ini bukan manusia, ini orang Hainan kata *nang bo ti nang, kui bo ti kui* [Ketawa], hendak kata orang bukan orang, hantu bukan hantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila teruskan ucapan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Saya hendak beritahu depa. [Ketawa]. Jadi, saya hendak beritahu Parti PAS ini. Ini sudah tinggal 2 orang. Tadi, Yang Berhormat Marang apabila dengar saya bercakap, dia bangkit keluar, penakut dia itu. Saya hendak beritahu – sanggup menipu orang kampung, mengatakan PAS perjuang Islam, perjuang Islam tetapi apabila hendak duduk dalam Barisan Bertindak, Barisan Alternatif dengan parti DAP, DAP kejut sedikit pun sudah takut. Mana ada telur ini? Mana ada pemimpin-pemimpin PAS? Saya cabar ini, kalau anak jantan, balik jawab. Ini kononnya apabila menang pilihan raya, baru hendak tubuh parti, 48 kerusi hendak bertanding. Hendak tubuh kerajaan macam mana? Boleh bohong orang kampunglah, orang buta huruf. Orang cerdik ini tidak boleh pakai pak haji-pak haji hoi!

Saya hendak beritahu Arau, berdosa ini, dok membohong rakyat. Kelmarin Mat Sabu kata, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kata “Oh, kalau pilihan raya, keputusan mungkin ada rusuhan, Barisan Nasional merusuh”. Saya hendak beritahu Barisan Nasional termasuk DAP, Yang Berhormat bagi Jelutong – parti yang disiplin.

Tuan Haji Noh bin Omar: [Bangun]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kami Sila.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat cabar PAS supaya menyatakan pendirian kerana takut dengan DAP – satu sahaja DAP yang bukan Islam dalam Barisan Alternatif pun dia takut. Yang Berhormat hendak tak cabar lagi? [Ahli Parlimen bagi Bagan dan Cheras keluar Dewan]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hei Bagan, kenapa keluar? Cheras!

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat setuju tak kalau kita cabar PAS ini, esok suruh dia bawa Perlembagaan PAS. Hari ini pun tidak mengapa. Ada bawa Perlembagaan PAS? Saya ada. Hendak pinjam, saya boleh bagi. Tetapi dengan syarat kena baca Fasal 6(6) Perlembagaan PAS, apa dia cakap? Jadi, kita cabar supaya dia baca sendiri Perlembagaan dia bawah 6(6). Kalau tidak ada Perlembagaan, saya boleh bagi. Ada pada saya, Perlembagaan PAS yang menunjukkan dia bukan sahaja bohong rakyat – tidak menghormati Perlembagaan PAS sendiri demi untuk mengelirukan orang kampung. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan setakat orang kampung, Tuhan pun depa membohong. Tuhan Maha Kaya, Maha Berkuasa pun PAS sanggup bohong, menyeleweng. Membohong apa ini, berdosa.

Tuan Hashim bin Haji Jasin: [Bangun]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak takutkah Tuhan? Duduk Yang Berhormat. Saya tidak ada masa Yang Berhormat tetapi tidak mengapalah, sahabat. Saya bagi *chance*. [Ketawa]

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Yan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Yan dan juga Tanjong Karang yang mengambil berat kepada parti PAS ini. Kononnya apabila kita membuat perjanjian dengan parti Alternatif termasuk DAP bahawa kita telah membuat sesuatu yang membahayakan diri kita. Dia tolong peringat – ingatkan balik kepada PAS supaya jangan melakukan benda itu. Bila BN khususnya UMNO mula jujur dengan PAS? Hendak nasihatkan PAS?

Dan saya suka hendak menyebutkan di sini – kalau sekiranya dalam manifesto itu tidak disebutkan penubuhan negara Islam, apakah Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Yan dan juga Tanjong Karang sedar bahawa Rasulullah s.a.w juga dalam hendak menuliskan satu perjanjian dengan orang Quraisy, dia sanggup untuk membuang perkataan *Min Muhammad Rasulillah- Rasulillah* itu dibuang. Digantikan Muhammad bin Abdillah sebab tidak dipersetujui oleh orang Quraisy pada ketika itu.

Sedarkah Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ah... sudahlah. Ini dok dakwah pasal apa pula? Cukuplah.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Bukan. Saya.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang bagi sedikit

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya hendak buat penjelasan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, saya bagi.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Sedarkah Yang Berhormat bahawasanya dengan tidak menyebut Rasulullah itu tidak akan menghakis Rasul kepada Nabi Muhammad. Sama juga dengan apabila kita tidak sebut sahaja negara Islam tetapi mereka menerima Islam sebagai ad-din – mana lebih baik?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ada dua kes Yang Berhormat. Ini Tanjong, apa Tanjong?

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap, Yang Berhormat. Ada *point of order*.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order* nombor berapa?

Tuan Lim Kit Siang: You duduk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Nombor berapa? Beritahulah. Beritahulah dulu, budak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Panggil dia duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: You duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk ya. *Point of order.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *Not your business.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila, sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh dua orang berdiri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini masa saya bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: *You sit down.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Biasanya kalau ada yang membangkitkan *point of order*....

Tuan Lim Kit Siang: *You sit down.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejaplah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Duduk!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita tidak ada banyak masa. Dia membangkitkan *point of order*. Saya kena dengar ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *You duduk. That is not your business.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *Don't... sit down.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *Don't want to sit down, we stand up together.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *Alright. We stand up together.* Itu disiplin. Dia duduk, saya berdiri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *Hei, bloody stupid!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Bloody stupid* apa di Dewan ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, 'bloody stupid' itu *unparliamentary*. Minta tarik baliklah Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik dulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *Actual fact you are damn bloody stupid, so what?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik, halau dia daripada Dewan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Halau you dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ...

Lim Kit Siang: 44....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Semua orang cakap dia mahu kacau, Tuan Yang di-Pertua, ini apa jenis *opposition* ini?

Tuan Lim Kit Siang: 44. 'Bloody stupid' dia mahu tarik balik, kalau tidak, ambil tindakan tatatertib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Yan, kita dalam Parlimen ini saya tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat. Minta Yang Berhormat secara *gentlemen*, tarik balik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya kata 'you damn bloody stupid', *of course you are damn bloody stupid*. Saya tarik balik, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah dia tarik balik?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang: Dia mahu pandai-pandai sahaja tidak guna, adakah dia tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat perkataan-perkataan *unparliamentary* itu kalau diucapkan dalam Parlimen, kita sebagai ahli Parlimen kita kena tarik balik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Berhormat bagi Tanjong ini....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada 'tetapi', ada tarik balik atau tidak tarik balik?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hei, berapa kali tarik balik? Saya tarik you baru tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong minta duduk sekejap. Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini selesai dulu, tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Yan, saya tertakluk kepada peraturan mesyuarat, mintalah Yang Berhormat tarik balik biar jelas saya dengar perkara 'bloody stupid' itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah saya akan tarik baliklah, tidak ada masalah, benda ini memang saya boleh tarik balik tetapi minta Yang Berhormat bagi Tanjong jangan jadi perangai macam orang gila talak...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hei, you diamlah lu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya hendak selesaikan...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* ..saya berdiri atas *point of order* ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya akan selesaikan. Minta duduk.

[Yang Berhormat bagi Yan bangun dan menyampuk]

[Yang Berhormat bagi Rompin bangun dan menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Rompin, sekejap ya, minta duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Rompin dan Tanjong minta duduk, kalau tidak, tidak boleh selesai. Yang Berhormat minta duduklah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Siapa kamu hendak halang dia..*[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Yan, saya minta perkataan tarik balik itu sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak tarik, Tuan Yang di-Pertua, dia dok kacau saya ini fasal apa, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap Tanjong, saya hendak selesaikan..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tengok, saya hendak tarik, dia duduk..

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, tarik balik sahaja lagi ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Selesailah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri atas *point of order*. Saya kata tarik balik, tarik balik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* 36(10)(c).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila baca.

Tuan Lim Kit Siang: "Perkataan-perkataan yang harus tidak boleh keluar perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-

musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia". Tadi Yang Berhormat ada mengeluarkan satu perkataan yang sangat menghinakan kaum Tionghua khasnya kaum orang Hainan. Saya terperanjat ahli-ahli Parlimen MCA tidak berani berdiri untuk jaga maruah kaum Tionghua apabila dihinakan di mana Tuan Yang di-Pertua orang kaum Hainan. Ahli Parlimen dia kata '*nang botinang kui boti kui*'. Itulah satu perkataan, satu ayat sangat menghina kaum Hainan yang ada di sini, MCA Hainan pun tidak berani berdiri depan saya. Semua malu, MCA, Gerakan, mana ahli Parlimen kaum Tionghua?

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu dia tarik balik, minta maaf. Minta tarik balik perkataan ini. Itu satu penghinaan mempersendakan kaum Hainan dan oleh kerana itu kepada kaum Tionghua mahu tarik balik dan minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya cadang dia dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan untuk tindakan diambil menghinakan orang Hainan termasuk Timbalan Yang di-Pertua seorang Hainan, termasuk ahli-ahli Parlimen MCA, Gerakan orang Hainan tetapi tidak ada keberanian untuk berdiri. Malu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat Yan, minta duduk sekejap, dia minta *ruling*. Saya mohon maaf Yang Berhormat semua, saya tidak berapa mengerti perkataan Tionghua fasal saya bukan orang Tionghua. Tetapi saya minta masa untuk kita ...

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*] Kalau mereka ada keberanian...

[*Beberapa ahli menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sekejap, ada orang Tionghua bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk mempertahankan atau berdiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, satu-satu Yang Berhormat. Yang Berhormat minta duduk.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Pokok Sena ini pun macam saya juga, tidak berapa tahu Tionghua. Minta orang Tionghua cakap. Sila-sila.

Tuan Fu Ah Kiow : Tuan Yang di-Pertua, tadi Ketua Pembangkang telah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pembesar suara, Yang Berhormat, sila-sila.

Tuan Fu Ah Kiow: Ketua Pembangkang telah cuba menimbulkan perasaan permusuhan antara ahli-ahli Parlimen yang gunakan peraturan tersebut, dia sendiri yang menyalahgunakan peraturan, hendak menyalahkan? Tuan Yang di-Pertua, perkataan tadi yang disebutkan itu Hainan. Saya tidak tahu ada ahli Parlimen yang Hainan atau tidak. Saya tidak tahu sama ada perkataan itu menyinggung perasaan atau tidak kena tanya orang yang berbahasa dalam bahasa Hainan baru tahu. Jadi, jangan memainkan perasaan perkauman di Parlimen ini.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Tuan Fu Ah Kiow: Duduk, duduk, saya belum habis lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini siapa yang *ada right of the floor?*

Seorang Ahli: *Shame*, apalah..

Tuan Fu Ah Kiow: *You sit down.*

Tuan Lim Kit Siang: *You disgrace.*

Tuan Fu Ah Kiow: *You sit down first.*

Tuan Lim Kit Siang: *You are disgrace.*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: You malu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat, minta duduklah kalau macam itu.

Tuan Fu Ah Kiow: Pembangkang, *you sit down first.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kalau..

Tuan Lim Kit Siang: Kalau berani cakap...

Tuan Fu Ah Kiow: *You sit down first.*

Tuan Lim Kit Siang: Malulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya hendak cakap, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa MCA, malu! *Are you ashamed with yourself?*

Tuan Fu Ah Kiow: *You sit down first.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya ingat cukuplah Yang Berhormat sudah bagi penjelasan. Saya selaku orang bukan Tionghua tidak tahu, jadi maknanya penjelasan kedua-dua Yang Berhormat yang tahu bahasa ini bercanggahlah. Saya tidak boleh buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh siasat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Pokok Sena ini, apa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: ...tanya rakan Timbalan Yang di-Pertua siasat dan buat keputusan apabila Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*, saya akan timbulkan lagi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, suruh dia duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Pokok Sena sibuk ini apa hal Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya hendak bagi penjelasan. Itu ada peribahasa. 'Orang pun bukan orang, hantu pun bukan hantu', memang sesuai dengan pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]...pandai daripada ahli Parlimen MCA!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat macam inilah ya...

Tuan Lim Kit Siang: Ahli Parlimen MCA, dua-dua malu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat macam inilah. Yang Berhormat cukuplah, kita sudah buang masa banyak.

Tuan Lim Kit Siang: Ini malu, tidak berani untuk mempertahankan maruah Hainam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya akan rujuk kepada orang yang tahu perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Fu Ah Kiow: Saya belum menerangkan perkara ini.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa, tidak mahu putus atau mahu putus atau mahu rujuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya akan rujuk. Yang Berhormat, saya kata saya akan rujuk. Cukup, Yang Berhormat. Tidak apalah Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang tidak ada maruah jangan cakap lagilah.

Seorang Ahli: Ini 'paria' punya...

Tuan Lim Kit Siang: 'Paria', tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah, cukup. Yang Berhormat, kita telah buang masa Dewan banyak, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah. Saya telah buat keputusan perkara ini kita akan rujuk kepada orang yang lebih tahu dan kita akan cuba buat pengumuman sebelah petang. Bersetuju?

Tuan Lim Kit Siang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Okey. Yan, masa sudah habislah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Macam mana? Duduklah, penakut dia itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habislah. Saya bagi sedikit masa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia orang bertengkar, saya rugi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: 'Injury time'. Saya bagi lima minit ya. Lima minit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okeylah. Ini kes 'aniaya' ini, dia orang bergaduh, kita pula rugi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya manusia yang boleh bertimbang rasa, macam tadi itu adalah peribahasa, bukan saya tuduh orang-orang Hainan macam itu. Macam peribahasa Melayulah, orang kata '*kaki bangku*', '*buta perut*'. Itu Melayu punya peribahasa. Macam saya kata kepada Arau '*buta perut*', itu peribahasa. Betul tidak Arau? Ini peribahasa, tidak boleh marah, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan Hainan ...

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Boleh marah sebab tuju itu kata Arau.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, ini saya hendak tanya Arau setuju atau tidak setuju yang '*buta perut*' itu. Bukan maknanya saya tuju kat Arau.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Kalau Yan '*buta perut*', saya setuju.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha..itu dia kata kat saya. [*Ketawa*]. Itu yang pakai serban mengata kat orang. Itu macam mana?

Tuan Chang See Ten: Penjelasan, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada Yang Berhormat minta penjelasan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya minta penjelasan. Saya hendak faham tujuan Ahli Yang Berhormat sebut perkataan tadi itu, adakah tujuan menerangkan bahawa PAS bila berdepan dengan masyarakat Melayu, dia katakan sesuatu dan bila berdepan dengan masyarakat Cina dia kata yang lain-lain. Seperti parti DAP juga, begitu. Bila dia berdepan dengan masyarakat Cina dia kata PAS tidak akan ...bukankah negara Islam tetapi berdepan dengan masyarakat lain dia kata yang bukan-bukan. Ini memang bercakap dua cara dalam masyarakat lain-lain. Tujuan mereka, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Yan, adakah tujuan itu begitu dan tidak bertujuan untuk menyentuh perasaan kaum Tionghua atau kaum Hainan, ini memang tujuan begitu?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang benar. Kalau dalam Islam ia panggil munafik kepada orang PAS ini. Tetapi saya sebenarnya bukan bangun hendak mengatakan, jatuhkan maruah Hainan kerana mereka pun – kita seMalaysia, satu buah negara. Tetapi ini adalah peribahasa yang terpaksa saya gunakan untuk orang-orang DAP dan PAS yang tidak faham apa dia perjuangan, pembohong kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lain kali gunakan peribahasa Melayu supaya semua mengerti, ya. [*Ketawa*] Setuju tidak?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, tambah masa. Saya beritahu. Pasal kalau saya beritahu peribahasa Melayu, Yang Berhormat Tanjong tidak faham. Yang Berhormat Tanjong akhir-akhir ini macam orang gila talak, Tuan Yang di-Pertua. Melompat-melompat dalam Dewan Rakyat sebagai pemimpin pembangkang. Maki hamun macam orang kena penyakit rasuk hantu [*disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya minta Yang Berhormat Yan ini kalau hendak beri peribahasa Cina beri dalam Bahasa Malaysia. Misalnya contoh dalam peribahasa Cina yang berkata, orang jahat selalu kata orang lain jahat, itu sahaja – beri terjemah kepadanya. Jangan dok kata, "*nang bo tinang, kui bo ti kui*" itu. Itu dia marah. Kata dalam Bahasa Malaysia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena, saya belajar inilah dari Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Tetapi pokoknya saya

hendak minta daripada parti pembangkang makin dekat pilihan raya makin kelam kabut mereka. Maki hamun macam orang rasuk hantu, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun naik terkejut. Yang Berhormat bagi Arau yang lilit serban, Yang Berhormat bagi Marang lilit serban, sudah keluar daripada perjuangan, maki hamun kemudian Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kata kelmarin kalau Barisan Nasional tidak boleh terima pilihan raya mungkin bergaduh. Saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini, bijak parti PAS kami tidak pernah tunjuk perasaan. Yang perlingkup bendera di kampung PAS, yang memaki hamun bila kami membuat ceramah ialah PAS. Yang memaki hamun ramai orang Islam di atas pentas di khalayak ramai ialah parti PAS. Saya tidak pernah memaki orang PAS di hadapan khalayak ramai. Saya tidak pernah naik atas pentas. Tambah ini – Hindu, you duduk diam, jangan cakap banyak, bagi penampar. You gelak apa saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya gulung. Saya pun cemperaklah ini sebab kelam kabut kerana mereka tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap baliklah kepada sense, balik kepada pemikiran yang waras, jangan parti pembangkang Barisan Alternatif ini diperalatkan oleh barat, diperalatkan oleh Yahudi untuk merosakkan negara kita ini, untuk melingkup negara kita ini, jangan guna al-Quran dan hadis untuk memesongkan rakyat kampung, berdosa ustaz, berdosa Ahli-ahli Yang Berhormat sekali, tidak takutkah dengan neraka. Hanya dengan harapan kerusi dalam Parlimen gaji setakat ini kita sanggup menipu kepada rakyat, bohong kepada rakyat. Begitu juga DAP maki hamun kepada kerajaan seolah-olah kerajaan ini tidak pernah membuat perkara yang baik. Tidak baikkah negara macam ini lagi. Yang Berhormat bagi Jelutong *as a lawyer, you enjoy everything*. Lagitidak baguskah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya hendak ikat, gulung susah hendak ikat pula nanti. Jadi, saya berharap kepada parti-parti pembangkang, parti-parti alternatif, gunakan budi-bicara kita. Menang pilihan raya secara gentleman.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Perbaiki diri sendiri dahulu.

Tuan M. Kulasegaran: Ya, ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Biadap ini. Dia kacau saya dengan tidak berdiri. Inilah pakai serban janggut merambu, perangai macam budak-budak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya terkasar, saya tarik balik, ini perasaan. Tetapi saya hendak beritahu kepada parti-parti pembangkang supaya respect antara satu sama lain. Jangan Yang Berhormat bagi Tanjong, bila hendak maki masuk dalam dewan, lepas itu keluar. Sekejap lagi masuk, maki lagi dalam Dewan. Macam orang menurun nombor ekor, Tuan Yang di-Pertua. Ini perangai apa, sebagai seorang pemimpin. Malulah sedikit, saya ini muda. Yang Berhormat tua daripada saya, tidak boleh ke respect?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih jauh, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

11.51 pagi

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)(No.2) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk menyatakan sokongan saya terhadap keputusan pihak kerajaan untuk tidak menswastakan sepenuhnya perkhidmatan perubatan di negara ini. Keputusan ini membayangkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang kepayahan dan keperluan rakyat. Keputusan kerajaan untuk tidak menswastakan perkhidmatan perubatan di negara ini sepenuhnya bermakna semua rakyat tidak kira ras dan status ekonomi akan dapat menikmati perkhidmatan kesihatan ketika perlu dengan bayaran yang mampu ditanggung.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, sebelum ini telah terdapat banyak perdebatan di semua peringkat masyarakat mengenai kewajaran dan justifikasi untuk menswastakan perkhidmatan perubatan di negara ini. Sungguhpun kerajaan pada suatu ketika dahulu mungkin mempunyai sebab-sebab tertentu yang mendorongnya untuk mengkaji kemungkinan menswastakan perkhidmatan perubatan. Hakikatnya ialah sekiranya penswastakan perkhidmatan perubatan dilaksanakan pada masa sekarang, ramai orang mungkin tidak mampu membiayai kos perkhidmatan perubatan atau kemudahan penjagaan kesihatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dapat kita perhatikan, sebab utama orang ramai membantah cadangan menswastakan perkhidmatan perubatan adalah kerana mereka bimbang mereka tidak akan mampu menanggung caj perkhidmatan yang tinggi. Walaupun telah terdapat Akta Perkhidmatan dan Kemudahan Penjagaan Kesihatan Tahun 1998, yang mewajibkan klinik dan hospital swasta memaparkan kepada orang ramai kadar caj perkhidmatan masing-masing, ini tidak menyelesaikan masalah caj perkhidmatan tinggi yang dikenakan oleh klinik atau hospital swasta. Memanglah kerajaan boleh meneruskan dan merealisasikan cadangan penswastakan pada masa akan datang dengan syarat satu skim yang sempurna mesti dirumuskan bagi membantu orang ramai membiayai kemudahan penjagaan kesihatan. Skim ini mungkin boleh diwujudkan sebagai sebahagian daripada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau wujud dalam bentuk insurans perubatan premium dengan tidak munasabah tidak kira apakah skim yang diwujudkan dan bilakah skim ini diwujudkan. Apa yang jelas ialah kita masih belum mempunyai satu skim baru yang sempurna yang dapat membantu orang ramai membiayai perkhidmatan perubatan yang diperlukan. Oleh yang demikian, demi kepentingan rakyat jelata secara amnya adalah lebih baik perkhidmatan perubatan tidak diswastakan sepenuhnya pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengekalkan kewujudan klinik dan hospital awam, kerajaan juga harus mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan di klinik-klinik dan hospital-hospital ini demi mencapai kemajuan yang bermakna dan seimbang. Mutu perkhidmatan perubatan dan kemudahan penjagaan kesihatan di negara ini juga perlu dipertingkatkan secara berterusan. Sungguhpun klinik dan hospital awam mengenakan caj perkhidmatan yang jauh lebih

murah berbanding dengan klinik dan hospital swasta, ini bukanlah satu alasan yang sah untuk menjadikan hospital dan klinik awam institusi kesihatan kelas kedua negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengamatan saya walaupun wajah luaran hospital-hospital awam tidak setanding seni bina bangunan sesetengah hospital swasta yang kelihatan seperti kondominium. Kebanyakan hospital besar mempunyai peralatan perubatan yang lebih canggih serta doktor-doktor pakar yang lebih ramai berbanding dengan hospital swasta. Cabaran bagi hospital-hospital besar awam sebenarnya ialah bagaimana untuk menggunakan peralatan perubatan moden serta kepakaran ini dengan cara yang optimum bagi mendatangkan kebajikan yang maksimum kepada kesihatan rakyat. Di samping itu, saya juga berharap supaya peralatan moden serta perkhidmatan kepakaran dapat diwujudkan di hospital-hospital negeri dan daerah demi mengurangkan perpindahan pesakit-pesakit kronik ke hospital-hospital besar. Ini adalah untuk mengurangkan ketidakselesaan yang dialami para pesakit serta keluarga mereka dan merupakan salah satu aspek penting dalam menawarkan perkhidmatan yang bermutu kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, mahu ataupun tidak, kita terpaksa menerima hakikat semakin banyak klinik dan hospital swasta akan diwujudkan di negara ini sungguhpun pengurusan institusi perubatan ini bukanlah sesuatu yang mana kerajaan mempunyai pengaruh secara langsung, kerajaan sekurang-kurangnya harus mengambil langkah memastikan pihak swasta yang diberi kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan perubatan tidak menguruskan klinik dan hospital masing-masing seperti perniagaan yang hanya mementingkan keuntungan tanpa menghiraukan nilai-nilai kemanusiaan.

Akta Perkhidmatan dan Kemudahan Penjagaan Kesihatan 1998, mengandungi peruntukan yang menuntut semua klinik dan hospital swasta supaya tidak menolak kes-kes kecemasan walaupun pesakit tidak mampu membayar wang pendahuluan yang ditetapkan.

Saya berharap kerajaan akan bertindak tegas terhadap sebarang aduan berkaitan dengan keengganan klinik dan hospital swasta memberikan rawatan segera kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu dalam kes-kes kecemasan. Amalan yang mendiskriminasi pesakit-pesakit kurang mampu adalah sesuatu yang bertentangan dengan hasrat negara untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi antara rakyat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melibatkan diri dalam perkhidmatan perubatan dalam negara ini, pihak swasta juga membuat pelaburan yang banyak dalam sektor pendidikan. Penubuhan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta telah memberi peluang kepada ramai rakyat Malaysia untuk menerima pendidikan peringkat tinggi dengan kos yang munasabah. Kemudahan melibatkan pendidikan tinggi dalam negeri melalui program francais atau bersekutu menjadi amat bermakna dalam konteks masalah kegawatan ekonomi yang sedang dialami oleh negara. Ini adalah kerana dengan memberi peluang kepada lebih ramai rakyat Malaysia belajar dalam negeri, kita akan dapat mengurangkan pengaliran wang keluar negara dan pada masa yang sama membantu melahirkan lebih ramai warganegara yang berpendidikan tinggi demi menyambut cabaran pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan IPTS memainkan peranan yang penting dalam melatih sumber manusia yang berpengetahuan demi pembangunan negara adalah perlu bagi kita untuk memastikan bahawa kualiti pendidikan yang ditawarkan di IPTS berada pada paras yang memuaskan. Memanglah kita faham bahawa tidak banyak IPTS yang mempunyai kemampuan dari segi kewangan. Untuk menyediakan kampus yang sebesar dan selengkap institusi pengajian tinggi awam tetapi kita tidak boleh bertolak ansur dengan kualiti kuliah yang merosok serta kursus yang tidak terancang yang ditawarkan oleh IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, banyak aduan telah kita dengar berhubung dengan kegagalan IPTS dalam menawarkan perkhidmatan yang dijanjikan. Antara contohnya ialah kegagalan IPTS meneruskan sesuatu kursus atas alasan kekurangan pelajar atau pertukaran kandungan kursus tanpa perbincangan dengan pelajar terlebih dahulu. Selalunya keputusan sedemikian adalah berlandaskan pertimbangan dari segi perniagaan. Dalam soal ini saya berharap Lembaga Akreditasi Negara dan Jabatan Pendidikan Swasta dapat mengawal dengan lebih ketat operasi IPTS bagi memastikan kualiti dan tradisi ilmu dapat dipertahankan di IPTS di samping menolak elemen komersial yang berlebihan, yang menganaktirikan kepentingan para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus memandang serius perkembangan tidak sihat yang wujud di sesetengah IPTS serta mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mempertahankan kredibiliti dan integriti pendidikan swasta di negara ini. Isu ini menjadi bertambah kritikal apabila negara kita bercita-cita untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Kita perlu sedar bahawa para pelajar IPTS bukan sahaja terdiri daripada rakyat tempatan, kini telah terdapat ramai pelajar asing menuntut di IPTS negara ini. Sekiranya keraguan tentang komitmen atau kesungguhan segelintir IPTS dalam mengendalikan pendidikan peringkat tinggi tidak dihapuskan dengan segera, usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai warga asing untuk menerima pendidikan tinggi negara ini tidak akan mendatangkan kesan sebagaimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kualiti pendidikan di IPTS, kualiti di IPTA juga dipersoalkan kebelakangan ini. Orang ramai mula meragui kebolehan akademi graduan IPTA yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam masa yang lebih singkat berbanding masa dahulu. Sudah terdapat ahli-ahli akademik dari Universiti Malaya yang menyuarakan pendapat bahawa tempoh masa pengajian yang dipendekkan daripada 4 tahun kepada 3 tahun mendatangkan kepada implikasi negatif terhadap proses pembelajaran mahasiswa-mahasiswi.

Lembaga Jurutera Malaysia pula mengumumkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi Malaysia setelah tempoh pengajian dipendekkan daripada 5 tahun kepada 4 tahun tidak akan diiktiraf sebagai kelayakan akademik yang minimum untuk tujuan pendaftaran sebagai seorang jurutera berdaftar. Ini juga bermakna ijazah yang berkaitan tidak layak memohon untuk menjadi jurutera profesional.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan matlamat pendidikan kita bukan sahaja untuk melahirkan graduan yang lebih ramai dari segi kuantiti tetapi juga mengeluarkan lepasan univesiti yang lebih berkualiti. Saya sangat berharap pihak kerajaan terutama Kementerian Pendidikan dapat mengkaji semula keputusan memendekan tempoh pengajian di IPTA tempatan.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Wangsa Maju.

12.07 tgh.

Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahas bersama-sama rakan Yang Berhormat berkenaan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999 (No.2).

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas kejayaan kerajaan memulih semula ekonomi yang telah melalui kemelesetan yang sungguh teruk, yang paling teruk dalam sejarah ekonomi moden negara kita ini dengan berbagai langkah yang telah dilaksanakan khususnya berkaitan dengan kawalan modal terpilih dan meletakkan *fixed rate* bagi mata wang Ringgit kita.

Langkah yang diambil oleh kerajaan dengan begitu tegas dan berani, rata-rata telah dikutuk oleh negara-negara maju dan ahli-ahli ekonomi *orthodox* atau *main stream*, apabila kita melaksanakan langkah-langkah termasuk langkah-langkah kawalan terpilih ini. Bagaimanapun nyata bahawa apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan itu, walaupun tidak mengikut pandangan-pandangan ramai, termasuk daripada Barat ianya telah berjaya dan berhasil untuk memulihkan ekonomi.

Ruang yang telah dibolehkan dengan pelaksanaan dasar-dasar ini telah memberi kita kesempatan untuk mengambil alih atau mengambil kembali kekuasaan kita ke atas pembuatan dan pelaksanaan kewangan dan dasar fiskal negara yang telah diancam dengan proses globalisasi terutamanya pembentukan globalisasi dalam sistem kewangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, satu kesan daripada langkah-langkah yang telah kerajaan ambil ini ialah memberikan kita keupayaan syarikat-syarikat dan bank-bank menyusun semula atau disusun semula supaya mengembalikan kekukuhan asas-asas ekonomi bagi perniagaan dan pembuatan yang menjadi kekuatan pada ekonomi kita sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu akan masalah yang berlaku dari krisis kewangan tersebut telah membawa peningkatan pinjaman yang usang. Masalah peningkatan kadar faedah yang telah menjejaskan beberapa perniagaan, yang sebenarnya mempunyai asas yang cukup kukuh tetapi oleh kerana kedudukan kewangan yang tidak menentu itu sudah membawa kepada, di tempat-tempat lain akan kemuflihan dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh perkara ini kerana di dalam konteks kita membangun semula ekonomi dan mengharapkan belanjawan 2000 meneruskan usaha memantapkan pemulihan ekonomi tersebut. Satu perkara yang jelas ialah isu penstrukturan semula syarikat-syarikat. Kita tahu bahawa kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa penyusunan semula pinjaman korporat iaitu CDRC dan ia telah menjalankan tugas bagi syarikat-syarikat yang besar, yang strategik.

Kita juga faham bahawa Danaharta dan Danamodal telah membolehkan pembiayaan semula bank-bank untuk mereka meneruskan kadar pinjaman kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga ini. Bagaimanapun saya melihat bahawa dari analisa-analisa dan komentar-komentar, pelaburan daripada syarikat-syarikat ataupun pelaburan swasta masih lagi di tahap yang agak lembab walaupun keadaan sudah mula membangun. Dari *index business confidence* yang dikeluarkan oleh MIER baru-baru ini, nyata bahawa keyakinan syarikat-syarikat untuk melabur sudah meningkat, namun ianya masih pada tahap yang agak rendah berbanding dengan apa yang dilaksanakan melalui pelaburan ataupun perbelanjaan kerajaan. Ini sememangnya berlaku dalam keadaan pemulihan daripada kemelesetan iaitu perbelanjaan kerajaan melalui *deficit financing* ialah cuba menjana pemulihan ekonomi.

Walau bagaimanapun, sambutan daripada pihak swasta masih lembab kerana masih menunggu beberapa perkara termasuk mungkin pilihan raya dan juga menunggu akan inisiatif daripada pelaburan luar untuk masuk ke dalam ekonomi kita. Namun saya merasakan bahawa kedua-dua pihak, iaitu pihak bank dan juga pihak swasta dapat memainkan peranan yang cukup mantap untuk memulihkan ekonomi seterusnya.

Saya menyebut tentang hal ini berkaitan dengan peranan bank dan perniagaan ataupun syarikat-syarikat ini haruslah berbentuk *partnership* ataupun satu rakan kongsi yang mana kedua-duanya saling memberi peranan untuk mengukuhkan kedua-dua belah pihak. Memang bank-bank harus memerhatikan kedudukan pinjamannya, terutama sekali pinjaman yang tidak berbayar, maka dengan pengawasan yang kukuh dari Bank Negara, oleh itu mereka harus patuh kepada apa yang diarahkan. Ini adalah satu kelebihan daripada negara kita apabila melaksanakan kawalan modal terpilih di mana Bank Negara

adalah satu-satu punca dan faktor, di mana kita telah boleh menggunakan ruang yang diberi dengan tempoh pengawalan ini untuk membiayai semula bank-bank, mengambil alih NPL yang tidak dapat diselesaikan oleh syarikat-syarikat melalui Danaharta dan Danamodal. Bagi syarikat-syarikat yang berupaya, maka diberi peluang untuk menyusun semula pinjaman masing-masing.

Walau bagaimanapun, saya menyarankan supaya pihak bank dan ini adalah satu perkara yang menyusahkan mana-mana pihak dan saya tahu bahawa bank-bank memang bersikap positif dalam hal ini, memberi peluang kepada syarikat-syarikat ini. Kalau tidak dibela mereka akan terjerumus dan muflis dan membawa kepada pengangguran melalui pembuangan pekerja dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, atas dasar inilah maka sebagai *partner* atau rakan kongsi, bank-bank janganlah menumpukan kepada soal mendapatkan pulangan pinjaman masing-masing sahaja tetapi sebenarnya mengeluarkan pinjaman baru untuk membolehkan syarikat-syarikat ini sama ada membetulkan balik perbelanjaan ataupun pelaburan masing-masing ataupun meneroka bidang-bidang baru supaya mengambil kesempatan kebangkitan pemulihan ekonomi ini semula.

Jadi, peranan yang lebih *accommodative* inilah yang kita harapkan dan memang banyak bank dan saya ucapkan tahniah dan penghargaan sebagai orang yang berniaga bahawa peranan ini dimainkan sungguh berkesan bagi mereka memulihkan semula syarikat dan perniagaan masing-masing. Dalam hal inilah, maka saya rasa dalam belanjawan yang akan datang ini berkaitan dengan belanjawan tambahan yang sedang kita bahaskan ini juga harus menyediakan tabung-tabung yang telah diumumkan dan tabung-tabung ini terus dilaksanakan melalui bank-bank supaya bank-bank juga diarah menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap supaya pengeluaran ataupun *draw down* daripada tabung-tabung ini memang seperti yang dikehendaki oleh kerajaan sendiri bahawa ada peruntukan yang begitu besar namun ianya tidak dikeluarkan, mungkin bank merasa takut atau bimbang atau bersikap *conservative* dalam soal membelanjakan ataupun mengeluarkan pinjaman-pinjaman baru ini, tetapi bagi pihak syarikat-syarikat inilah sumbernya untuk mereka melabur dan memulihkan semula perniagaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh dalam bidang sektor pembinaan, memang sektor pembinaan mempunyai kesan *multiply* yang besar dalam negara kita dan sebenarnya dengan perbelanjaan kerajaan memulihkan projek-projek infrastruktur ini, memulihkan sektor pembinaan dan pembuatan bahan-bahan binaan dan secara langsung juga memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang perlu, kalau tidak dibuang kerja.

Dalam hal ini banyak projek perumahan terutama sekali yang melibatkan projek penswastaan yang memerlukan pembinaan rumah kos rendah. Dahulu saya pernah sebut di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa dari segi *shortfall* dengan izin, dalam kadar atau pembinaan rumah kos rendah ini, punca utamanya ialah daripada penswastaan ataupun pembinaan oleh pihak swasta. Saya bersyukur, Alhamdulillah bahawa MTEN juga telah membuat pengumuman untuk menambahkan jumlah pengeluaran ataupun pembinaan rumah kos rendah ini melalui projek perumahan rakyat di kawasan saya sendiri dan juga di Wilayah Persekutuan kepada tahap RM35,000 dalam dua tahun yang akan datang ini.

Namun demikian saya merasakan bahawa ianya akan dapat diperbanyakkan lagi apabila tabung yang disediakan ini dapat digunakan untuk membiayai semula pihak-pihak pembinaan swasta yang terbengkalai projek rumah kos rendahnya kerana hutang ataupun pinjaman membina rumah-rumah kedai, rumah pangsa yang mewah dan rumah-rumah teres dan lain-lain hinggalah tertinggal yang *low cost housing* ini pada penghujung dan pada masa itu kita menghadapi kemelesetan.

Jadi, untuk memulihkan projek-projek ini maka eloklah digalakkan pinjaman secara langsung dan membolehkan supaya dibiayai semula projek-projek *low cost housing* swasta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya memang ramai mereka yang telah lama tinggal di rumah pangsa dan DBKL mempunyai dasar supaya dibuat rumah-rumah di bawah tajaan kerajaan iaitu DBKL termasuk yang MTEN anjurkan untuk tujuan disewa. Kita faham dan saya sampaikan juga kepada rakyat di Wangsa Maju dan juga di tempat lain bahawa ini adalah dasar untuk membolehkan orang yang tidak berkemampuan menyewa, seperti biasa tinggal di kawasan rumah-rumah panjang ataupun rumah-rumah DBKL ini atas dasar sewa. Tetapi ramai juga yang membangkitkan isu bagaimana mereka yang berupaya, setelah lama tinggal, 10 tahun lebih di rumah-rumah pangsa DBKL sebegini, yang menyewa selama ini untuk membeli rumah-rumah tersebut.

Saya jelaskan bahawa ini adalah perlu oleh kerana kita perlu memberikan rumah, bekalan rumah yang wajar untuk mereka yang berpindah daripada luar bandar ke bandar kerana kalau tidak semuanya dibangunkan dan dijual, ke manakah mereka ini akan dapat menampung tempat tinggal mereka.

Walau bagaimanapun hajat mereka untuk membeli rumah ini begitu berkobar-kobar kerana memanglah kita dapat faham bahawa keluarga mereka semakin membesar, mungkin pendapatan mereka pun makin naik walaupun tidak sampai RM1,500 maka mereka hendak sangatlah membeli rumah sendiri. Salah satu caranya, bank keluarkan pinjaman, keduanya, ada kemungkinan mendapatkan rumah-rumah ini. Masalahnya ialah bekalan rumah ini lebih rendah daripada permintaan, maka senarai berdaftar di dalam senarai *permanent low cost housing* di Perbadanan Perumahan Negara itu semakin panjang dan timbullah masalah apabila pihak swasta yang seharusnya membekal kuota mereka, terbengkalai projek-projek mereka maka ianya membawa kepada *shortfall* seperti yang saya sebutkan tadi.

Jadi, dengan tujuan inilah maka saya rasa pihak kerajaan perlu lebih tegas dalam usaha membiayai semula projek-projek ini melalui bank dan bank sendiri harus tahu bahawa permintaan untuk *low cost housing* ini memang semakin meningkat. Apa yang dikatakan jurang perumahan ataupun *housing gap* semakin meningkat. Jadi, dalam soal ini memanglah saya rasa sungguh baik kalau dalam belanjawan yang akan datang ini, bersangkutan dengan perkara ini, kalaulah kadar bayaran *mortgage* kepada bank untuk membeli rumah ini terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah, terutama sekali apabila kos rumah itu sudah pun meningkat daripada RM25,000 kepada RM45,000 satu unit supaya ianya dapat pelepasan cukai kerana ini akan membolehkan lebih ramai daripada mereka yang berhajat untuk membeli rumah daripada mereka yang sudah mampu ataupun golongan yang telah keluar daripada kemiskinan ataupun mendapat pendapatan yang rendah.

Jadi, hasil daripada pemulihan ekonomi ini akan menyeluruh iaitu pemulihan ini akan memberikan pekerjaan dan juga meningkatkan gaji mengikut kadar produktiviti negara sehinggalah kemampuan rakyat, kesejahteraan hidup dan taraf hidup rakyat semakin meningkat. Satu-satu puncanya dari segi *physical quality of life*, dengan izin ialah perumahan.

Jadi, itulah saya hendak tekankan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini supaya dapat diambil perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jelutong.

12.20 tgh.

Tuan Karpal Singh [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 21 Oktober 1999, ini adalah mengenai apa yang dikatakan oleh Presiden BBC, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Apa yang dia gunakan perkataan dalam Dewan yang mulia ini memalukan Dewan ini. Apa yang digunakan perkataan ke atas rakan saya Yang Berhormat bagi Tanjong - "*Tetapi kalau dia cakap secara berbudi bahasa, Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa panjang sangat? Ini tidak, saya kata macam orang lepas berpesta. Datang 'like a wild dog charging'., Kalau 'wild dog' itu tidak apa juga, ini 'wild bulldog'.*"

Apa yang dilaporkan dalam *STAR* bertarikh 22 Oktober 1999, perkataan itu tidak ada dalam *Hansard* tetapi apa yang saya difahamkan perkataan Yang Berhormat bagi Tanjong adalah '*a drunken dog*', seekor anjing yang mabuk, adakah itu benar? Sebaliknya orang yang disabit meminum arak dalam satu Mahkamah Syariah adalah Presiden BBC Ahli Yang Berhormat dari 'kawasan pemabuk', adakah itu benar, atau tidak disabit meminum arak dalam negeri Johor, bolehkah Presiden itu berdiri dan menafikannya, bolehkah jika berani.

Mengapa membuat pertuduhan seperti itu ke atas seseorang itu tidak bersalah, apabila seseorang yang membuat pertuduhan itu sendiri yang bersalah, pemabuk, siapakah pemabuk? Pemabuk adalah Datuk Ruhanie, 'Datuk' harus ditarik balik kerana seorang pemabuk tidak harus digelar dengan 'Datuk' itu, tidak berani, langsung tidak berani untuk menafikan. *I give you a warning, in future don't dare attack the DAP or the Leader, and for that matter anyone else*, dengan izin, dalam Dewan yang mulia ini. Malu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk-tajuk lain. Baru-baru ini apa yang dibangkitkan oleh saya dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim, apa yang saya bangkitkan dalam kes itu mengenai keracunan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah diasaskan ke atas.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 36(1). Seseorang itu mesti bercakap kepada perkara yang terlibat dalam akta induk. Ini perbincangan tentang perbelanjaan, apa kena mengenanya isu tentang peguaman, tentang kes dalam mahkamah sekarang, saya minta *ruling*, kepada perbelanjaan sama ada dipersetujui atau tidak dipersetujui, sama ada perbelanjaan itu disokong atau tidak disokong, ini bukan ucapan dasar, tunggu masa ucapan dasar ini kemudian, ini masa perbelanjaan, saya minta *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi perkara ini telah pun dikeluarkan, silap atau tidak itu telah pun dikeluarkan di dalam Dewan ini, saya sendiri telah mendengar banyak kali perkara ini telah pun dikeluarkan. Jadi tidaklah patut sekiranya saya tidak benarkan dia menjawab di atas tuduhan-tuduhan yang telah pun dikeluarkan ke atasnya. Silakan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Haji Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Seorang lagi bangkitkan point of order.

Tuan Haji Noh bin Omar: 35 (6) - "*Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada di dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan, jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu*".

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu Yang Berhormat Jelutong adalah peguambela kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, jadi dia kena declare berapa banyak dia dapat wang guamannya, kewangan yang ada barulah dia boleh bercakap. Kalau dia tidak boleh terang berapa banyak dia dapat, saya ingat dia tidak mengikut Peraturan 35 (6). Jadi kita hendak tahu berapa banyak duit yang dia dapat.

Tuan Karpal Singh: Biar saya jawab. Orang ini walaupun seorang lawyer tetapi tidak pandai, tidak ada apa-apa larangan dengan peraturan itu, tidak ada satu sen, percuma untuk keadilan. [*Tepuk*] *Are you satisfied?* Satu sen pun tidak kerana saya lawan untuk keadilan, bukan 'Parti Keadilan', keadilan.

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Karpal Singh: Cukup, itu penjelasan saya, tidak payah buang masa ke atas orang seperti itu. Saya ada lima belas minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang ada *point of order* lain?.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta dia ulang bahawa betulkah dia beri free service kepada

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata percuma, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Kita akan rekod. Saya tanya sebab satu tidak tahu selalunya Yang Berhormat ambil yuran yang tinggi, siapa tidak kenal Yang Berhormat. Tetapi saya pelik kalau kes-kes lain Yang Berhormat kenakan yuran, kes yang free service macam ini, kes-kes liwat Yang Berhormat ambil *free service*, kalau lepas ini Yang Berhormat boleh dapat *free service* pula, itu yang saya tanya. Salahkah saya bertanya, mana ada peguam yang tidak mengambil yuran, beritahu saya, semua peguam akan ambil yuran, Yang Berhormat sebagai peguam mestilah ambil yuran.

Tuan Karpal Singh: Pencuri masa saya. Pencuri ini harus disabit.

Tuan Haji Noh bin Omar: Jadi saya ingat selepas ini Yang Berhormat mungkin dapat *free service*, sebab itulah semuanya free.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, jangan buang masa ke atas seorang pencuri masa saya, hak saya dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, pada 10 September 1999, berdasarkan sijil ini, sijil yang diperolehi daripada *Gribble Pathology* dari Melbourne. Walaupun di bawah nama 'Subramaniam' tetapi nama 'Subramaniam' kita gunakan kerana jika nama 'Dato' Seri Anwar Ibrahim' digunakan, Gribble di Malaysia yang dipunyai oleh Vincent Tan, hantu ini, oleh itu nama ini digunakan tetapi apa yang penting adalah isi kandungan laporan itu 'Urine Arsenic 23.0 UG/G' itu bermakna 77 kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah hak saya untuk membangkitkan perkara itu kerana pelanggan saya berada dalam satu keadaan bahaya. Bukan bohong kepada mahkamah, saya bukan seorang lawyer yang bohong di mahkamah, barangkali lawyer di dalam Barisan Nasional ada, saya tidak boleh beri jaminan bagi lawyer-lawyer itu. Baru-baru ini adakah baca apa yang dilaporkan dalam *Harakah* - '*The result that did not tell all*' bolehkah ini dibaca. [*Disampuk*] Bukan bohong punya paper.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat benarkan dia berucap, biarlah.

Tuan Karpal Singh: Bacalah laporan ini, laporan yang lengkap dan apa isi kandungannya sijil dari HUKM, bukan dinafikan tidak ada *arsenic poisoning*, apa yang dilaporkan adalah tidak ada *cronic* atau *accute arsenic poisoning*. Itu bukan bermakna tidak ada langsung, tidak faham semua itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya minta jalan.

Tuan Karpal Singh: Pengkhianat tidak dapat masa daripada saya, orang pengkhianat tidak ada. Bukan tidak berani, pengkhianat tidak harus ada dalam Dewan ini, di dalam kandang rusa-rusa di luar.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kenapa berani bercakap tetapi tidak berani mahu beri peluang?

Tuan Karpal Singh: Barangkali rusa-rusa pun tidak menerima pengkhianat ini di dalam kandang dia. Ini Dewan yang mulia. Cakap, siapa dia ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, cukuplah. *[Disampuk]*

Tuan Karpal Singh: Pengkhianat tidak boleh, pengkhianat tidak ada hak masa dari mana-mana pihak *[Disampuk]* peguam atau tidak peguam, tidak peduli. Saya teruskan.

Apa yang dilaporkan hari ini, di surat khabar, hantu ini Vincent Tan, siapa Vincent Tan ini....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang cukuplah, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan kepada dia, pengkhianat! Tidak berapa lama lagi tidak ada dalam Dewan ini, tentu kalah, kalah bawah tangan PAS, tentu kalah. Tetapi apabila kalah dia masuk ke *Senate*, ada kandang lain di sana, bukan satu kandang, kandang rusa-rusa di luar, kandang *Senate* di sana, mana Ibrahim Ali? Pengkhianat! *[Disampuk]* Saya tidak ada masa, saya ada beberapa isu. Apa yang dilaporkan hari ini di dalam surat khabar hantu ini ialah Vincent Tan. Siapa Vincent Tan ini?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Machang. Dia tidak memberi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dia kata peguam-peguam Barisan Nasional.....

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya tidak akan memberi jalan kepada dia. Pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau berani menuduh mesti berani

Tuan Karpal Singh: Tidak berapa lama lagi tidak akan ada lagi di dalam Dewan ini. Tunggu kalah. Kalah di bawah tangan PAS, tentu kalah. Tetapi apabila sudah kalah akan masuk ke *Senat*. Ada kandang lain di sana. *[Ketawa]* Bukan ada satu kandang, kandang rusa-rusa di luar, kandang *Senat* di sana. Mana Ibrahim Ali? Katak, pengkhianat. Tidak ada masa, Tuan Speaker.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Isu saya minta.....

Tuan Karpal Singh: No, no. Tidak ada masa, Tuan Speaker. Saya mahu menjalankan beberapa isu ...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Penakut.....

Tuan Karpal Singh: Jangan main-main.

Tuan Haji Noh bin Omar: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tak, saya nak bangun atas *point of order*..

Tuan Karpal Singh: Kerajaan, Tuan Speaker, panik.

Tuan Haji Noh bin Omar: *Point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *point of order*.

Tuan Karpal Singh: Jangan buang masa, tidak ada *point of order*, setengah jam sahaja.

Tuan Haji Noh bin Omar: 36(6), "*Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain*". Tadi dia telah menuduh peguam-peguam Barisan Nasional. Saya juga peguam, jadi dia ada sangkaan jahat kepada peguam-peguam Barisan Nasional. Dia menganggap kita peguam Barisan Nasional ini dengan sangkaan yang jahat. Jadi saya minta dia tarik balik tuduhan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Silakan Yang Berhormat bagi Jelutong. Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Saya teruskan. Dia yang cari pasal, bukan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah tu, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Jika berani, boleh jumpa di mahkamah, bila-bila masa, semua sekali, sekali gus. Saya boleh mempertahankan sendiri. Jangan main-main dengan Jelutong. [*Disorak*] Saya baca apa yang ada di dalam *The Sun*.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuduhan yang dibuat di dalam Dewanpenakut, kalau dituduh dalam Dewan

Tuan Karpal Singh: Pengkhianat, duduk. Ini bukan Dewan untuk pengkhianat. Ini Dewan Rakyat, bukan dewan pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:pembohong.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Karpal Singh: Pengkhianat yang pembohong, bukan saya.

Tuan Haji Noh bin Omar: ...penakut.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:penakut dan pembohong besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, masa Yang Berhormat berjalan ini.....

Tuan Karpal Singh: Bolehkah saya mendapat hak saya untuk meneruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Tetapi janganlah sebutkan apa-apa berkenaan dengan mereka itu.

Tuan Karpal Singh: Dia yang kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia yang kacau.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:jangan sampai peguam Barisan Nasional tidak berguna. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. [*Tepuk*]

Tuan Karpal Singh: Pengkhianat, duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Machang, cukuplah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Berani buat tuduhan tetapi tidak mahu bertanggungjawab. Inilah peguam yang tidak ada standard.

Tuan Karpal Singh: Pengkhianat, duduk. Tuan Speaker, bolehkah saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh, boleh.

Tuan Karpal Singh: Saya meneruskan. Apa yang dilaporkan di dalam surat khabar hari ini, *The Sun* – 'Karpal Singh under fire'. Kenapa? Bukan saya takut. Perdana Menteri takut, menggunakan kuncunya, Vincent Tan untuk membuat beberapa pertuduhan yang tidak berasas khususnya, *I charged the happy fee for depending* Datuk Seri Anwar Ibrahim - ada di sini. [*Seorang ahli menyampuk: pegi dah!*]. Kedua, saya mempunyai harta benda di luar negeri, di Thailand khususnya. Mana bukti? Tidak ada apa-apa harta benda yang luar daripada negara ini. Pembohongan, mengapa? Mengapa menggunakan surat khabar-surat khabar seperti ini? Mengapa? Ada sebab kerana Yang Amat Berhormat dalam masa tidak beberapa lama lagi, hari Khamis, harus dihadapkan ke mahkamah, dalam kandang saksi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu tidak bersangkutan dengan benda ini. Biarlah.

Tuan Karpal Singh: Ini adalah kaliber - kaliber kerajaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Jika dia masuk ke dalam kandang saksi, dia masuklah di dalam kandang saksi, janganlah hendak mengatakan sesuatu perkara yang berkenaan dengan perkara itu. Tidak bersangkutan.

Tuan Karpal Singh: Standard kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Membuat tuduhan seorang *lawyer* tidak harus mempunyai *immunity* di dalam mahkamah. Membuat satu *contempt of court act* untuk menarik balik *immunity* itu. Siapa doktor ini yang bermain dengan peguam-peguam? Sebagai hakim, Tuan Speaker juga mengetahui bahawa *from time in memory*, *immunity* ada diberikan kepada seorang hakim, peguam, *prosecutor*, *juryman* atau saksi-saksi yang mengambil kandang saksi itu. Siapa orang ini? Siapa yang mahu menarik hak yang kami ada?

Tuan Speaker, dalam kes Datuk Param Cumarasamy ini, World Court, Mahkamah Dunia, ada memutuskan dengan verdict 14-1. Dalam fahaman saya, seseorang itu adalah dilantik oleh kerajaan Malaysia yang tidak berani untuk membuat sebulat suara 15. Tetapi itu perkara lain. Apabila sesuatu keputusan sudah dicapai oleh World Court itu, mengapa tidak dihormati oleh kerajaan? *Why are they prosecuting* Datuk Param Cumarasamy, mengapa menerima keputusan itu? Ada dikatakan oleh kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini adalah satu keputusan *advisory*. Jika *advisory*, kenapa sebelum perbicaraan itu diteruskan, mengapa menerima aku janji untuk menerima keputusan World Court itu. Apabila World Court itu telah membuat keputusan, tidak mahu menghormati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Karpal Singh: Saya gulung. Tuan Speaker, dalam zaman rayuan kepada *Privy Council*, rayuan itu adalah, apabila suatu keputusan dibuat oleh Majlis Privy pada masa itu, adalah *advisory*, kerajaan bukan terikat dengan keputusan itu. Tetapi sebagai pengalaman, Tuan Speaker, tidak ada satu kes di mana apabila keputusan telah diberi dalam bentuk *advisory* yang tidak diterima oleh kerajaan.

Saya merayu kepada Tuan Speaker barangkali sebagai 'Yang Arif' pada satu masa dahulu ada di mahkamah untuk memberi nasihat kepada Perdana Menteri. Perdana

Menteri adalah kawan rapat kepada Tuan Speaker. [Ketawa] Barangkali dapat memberi sedikit ajaran kepada dia. Jangan main-main dengan the judiciary atau undang-undang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Mas.

12.40 tgh.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor[Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk bersama-sama berucap dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)(No. 2) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana negara kita sekarang ini adalah sebuah negara yang aman, makmur dan maju juga terkenal di seluruh negara. Walaupun kita dapati negara-negara jiran kita sebagai contohnya akibat daripada tekanan kuasa-kuasa besar, ekonomi negara mereka runtuh. Kedudukan keamanan negara mereka tidak terjamin dan keadaan negaranya berada di dalam keadaan huru-hara.

Walaupun negara kita menghadapi berbagai-bagai tekanan ancaman daripada luar menyebabkan ekonomi kita runtuh sekejap, bank kita menghadapi masalah, peniaga-peniaga kita menghadapi masalah tetapi kita bersyukur kehadiran Allah S.W.T. di atas kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara kita segala masalah yang dihadapi itu dapat kita atasi dengan sebaik mungkin yang boleh. Kalau dahulu bank kita menghadapi masalah tetapi setelah proses penggabungan dibuat di dalam negara kita ini, bank kita telah dapat menyelesaikan masalah. Masalah hutang, NPL telah dapat diselesaikan melalui Danaharta. Bank juga sekarang ini telah dapat memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga terutama sekali golongan bumiputera yang masih memerlukan kepada bantuan daripada institusi-institusi kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam penggabungan di antara Bank Bumiputra dan Commerce Asset, Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak mengambil perhatian ialah penggabungan ini adalah amat baik dan yang keduanya telah dapat melahirkan sebuah lagi institusi kewangan secara Islam dengan wujudnya bank muamalah di dalam negara kita ini. Walaupun kewujudan satu lagi institusi kewangan ini adalah hasil daripada perjuangan pemimpin-pemimpin negara kita ini mahu melihat sebuah lagi institusi kewangan secara Islam selain daripada Bank Islam ialah sebuah bank muamalah yang menjalani erniagaan secara syariah, secara Islam. Tetapi yang saya hendak menarik perhatian di sini ialah bank muamalah ini di negeri Kelantan digabungkan satu cawangan sahaja iaitu di cawangan Kota Darul Naim hasil daripada gabungan sepuluh buah cawangan Bank Bumiputra di negeri Kelantan.

Akaun simpanan bank secara muamalah ini berjumlah lebih kurang 53,000 orang penyimpan di bank muamalah ini. 53,000 orang ini dikendalikan oleh 28 orang kakitangan sahaja. 53,000 ini merupakan akaun pelanggan yang ketiga terbesarnya di negara kita ini. Dengan 28 orang kakitangan, 12 orang pegawai satu orang bukan perkeranian dan 14 orang sahaja perkeranian.

Pertamanya, dengan jumlah akaun yang begini besar, dengan kakitangan yang sedikit ini maka sudah tentulah bank ini menghadapi masalah untuk memberi layanan yang sebaik mungkin kepada pelanggan-pelanggannya, ditambah lagi satu sahaja cawangan muamalah ini di Kota Bharu, di Kota Darul Naim. Bagaimana penyimpan-penyimpan yang berada berjauhan umpamanya yang berada di negeri Kelantan, di Gua Musang, yang berada di Pasir Putih, Kuala Krai dan yang berada di merata tempat dahulunya menyimpan di cawangan-cawangan Bank Bumiputra, di situlah juga ada simpanan muamalahnya, tetapi dengan hanya satu cawangan sahaja di Kota Bharu, di Kota Darul Naim, ini sudah tentulah menimbulkan banyak masalah kepada penyimpan-penyimpan yang mahu bermuamalah dengan bank secara Islam ini.

Saya meminta kepada Kementerian Kewangan supaya berunding dengan bank berkenaan menambahkan lagi cawangan-cawangan di seluruh negeri Kelantan ini bagi memudahkan penyimpanan-penyimpanan ini untuk bermuamalah, berkira bicara menyimpan dengan bank yang berunsurkan Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak sebut ialah mengenai perkara yang dibangkitkan oleh pembangkang sama ada di mahkamah, di Parlimen dan juga di pentas-pentas ceramah politik di merata tempat di dalam negara kita ini. Di dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi kita juga diserang oleh musuh-musuh, kuasa-kuasa besar di dunia ini tetapi tidak ketinggalan juga parti-parti pembangkang yang terdiri daripada DAP, ataupun PAS dan juga Parti KeADILan ini dengan membawa berbagai-bagai dakyah dan fitnah kepada kerajaan kita ini yang boleh menimbulkan perasaan benci di kalangan rakyat dan menimbulkan permusuhan di kalangan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah. Akhir-akhir ini ialah mengenai dengan isu keracunan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kita boleh terima kenyataan daripada seorang peguam di mahkamah, kononnya beliau mendapat laporan daripada hospital dari Australia yang menggunakan nama Subramaniam yang satu-satunya kalau mengikut peraturan penjara, peraturan yang dibuat ini, ujian yang dibuat ini pertamanya telah menyalahi undang-undang penjara. Setiap orang yang berada di penjara sudah tentunya mereka kena mengikut peraturan. Kalau dia tidak sihat, kalau dia sakit, kena laporkan kepada pengawal penjara, kepada doktor yang bertanggungjawab sama ada dia ini betul-betul sakit dan hendaklah diperiksa mengikut peraturan yang tertentu. Tetapi di dalam hal ini laporan yang di terima, di atas nama orang lain, nama Subramaniam yang tidak ada kena mengena dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengatakan ini air kencing yang diuji daripada Dato' Seri Anwar Ibrahim ialah isterinya dan peguamnya daripada Jelutong yang bercakap merapu sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, yang saya hendak menarik perhatian di sini ialah mengenai dengan tuduhan, tuduhan melulu daripada Jelutong di mahkamah, kononnya pihak kerajaan, pihak-pihak yang berkuasa kerajaan yang bertanggungjawab meracuni Dato' Seri Anwar Ibrahim sehinggakan rambutnya gugur, kepalanya sakit dengan niat hendak membunuh seorang bekas pemimpin negara kita ini.

Kalaulah kenyataan ini benar kononnya pemimpin kerajaan yang bertanggungjawab, Perdana Menteri kita yang bertanggungjawab untuk membunuh Dato' Seri Anwar Ibrahim, kita tidak kisah, kita boleh menyokong siapa sahaja yang hendak menzalimi orang lain. Tetapi kenyataan ini adalah kenyataan yang melulu yang tidak berasas dan yang paling sedih lagi ialah pemimpin-pemimpin parti pembangkang ini berceramah di merata negeri di seluruh negara kita ini. Turun ke kampung ke kawasan saya, menangis seolah-olah Dato' Seri Anwar ini tidak cukup lagi ditangkap, tidak cukup lagi dipukul, hendak diracuni, hendak dibunuh pula. Ada di kalangan orang-orang tua terutama sekali golongan wanita, perempuan kita ini menangis kesian kepada Dato' Seri Anwar dibuat begitu rupa. Tetapi apabila diperiksa, diuji, dikaji oleh pihak Hospital Universiti Kebangsaan, didapati Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak diracun sebagaimana yang didakwa oleh pihak peguam Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, huru-hara telah berlaku, tunjuk perasaan telah berlaku, kecaman terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan telah berlaku, mengakibatkan polis telah tercedera, orang awam yang tidak bertanggungjawab juga tercedera, pelabur-pelabur luar yang hendak datang ke negara kita ini juga telah curiga, ekonomi kita jatuh maka sudah tentu perkara ini bukan kita boleh pandang satu perkara yang kecil. Sepatutnya pihak kerajaan, Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian yang serius supaya mereka yang bertanggungjawab ini hendaklah diambil tindakan bukan sahaja di bawah Akta Polis tetapi hendaklah diambil tindakan di bawah ISA supaya

Jelutong juga yang memulakan isu ini ditangkap di bawah ISA Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Teluk Intan.

12.52 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di kalangan murid-murid di negara ini, banyak kes yang kita telah ketahui adalah kes-kes *indiscipline*. Baru-baru ini di Banting di mana seorang guru telah menggunakan kasut dia menghentam kepala seorang budak dan bila murid sekolah itu menangis, lagi dia hentam pula. Perkara itu telah menjadi satu isu yang sangat besar dan bukan sahaja di Banting di Selangor dan saya difahamkan di banyak tempat di seluruh negara. Apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian berkenaan supaya perkara-perkara ini dapat dielak. Bila kerap kali perkara ini dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, kementerian menjawab bahawa guru-guru yang berkualifikasi tinggi telah dihantar atau murid-murid disalahkan tetapi apakah perkara-perkara ini sangat berulang kebelakangan ini.

Baru-baru ini saya difahamkan dua hari dulu di mana satu tempat di Selangor juga, beberapa murid telah berkumpul, memijak dan menghentam seorang guru hingga dia pengsan. Kerap kali perkara ini kalau tidak diambil tindakan, satu situasi yang tidak elok akan terjadi. Baru-baru ini di Ipoh di mana seorang murid sekolah telah diberhentikan menghadiri sekolah untuk dua minggu di sekolah Sumitek Ipoh. Selepas itu dikatakan bahawa Guru Besar tersebut mengatakan bahawa ibu bapa dia perlu berjumpa dengan Guru Besar untuk menyelesaikan perkara itu. Dalam situasi tersebut murid-murid itu dikatakan telah juga terlibat dalam beberapa hal aktiviti kriminal dan *indiscipline*, akan tetapi kita ada beberapa peruntukan yang tertentu untuk guru-guru mengambil tindakan dan satu di antaranya adalah menggunakan rotan dalam kes yang *extreme*, tetapi kes di Ipoh ini, Guru Besar tersebut telah memanggil ibu bapa murid itu datang ke sekolah dan menggunakan rotan, merotan murid tersebut di depan semua murid sekolah. Ini telah menyebabkan ibu bapa dan murid-murid sangat marah kerana memalukan murid dan ibu bapa tersebut hingga bapa tersebut menangis..

Saya difahamkan dia terpaksa membuat perkara itu kerana jika dia tidak ikut arahan Guru Besar maka murid itu tidak akan dibenarkan belajar di sekolah tersebut dan perkara itu telah dibangkitkan oleh Menteri Pendidikan, mengatakan bahawa apa yang dibuat oleh sekolah, oleh Guru Besar sekolah itu adalah betul. Selepas itu dia menarik balik perkataan itu mengatakan bahawa Guru Besar itu tidak mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada. Macam mana seorang menteri boleh berkata sedemikian dan boleh menarik balik perkataan tersebut. Apakah yang akan dibuat supaya perkara macam ini dapat diatasi dan jika tidak diatasi kita akan menghadapi satu keadaan di mana ramai murid yang *indiscipline* tidak ada satu cara untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai penglibatan wanita dalam perkembangan ekonomi, politik dan sebagainya di negara ini. Dikatakan di antara konvensi-konvensi beberapa negara di mana Malaysia telah terima pakai dan setuju, mengatakan bahawa sekurang-kurangnya 30% dari semua pekerja atau apa-apa *ability* akan diberi keutamaan kepada wanita-wanita ini, akan tetapi di Dewan yang mulia ini sendiri saya difahamkan hanya 7.8% adalah dari wakil wanita yang menjadi Ahli Parlimen. Perkara ini bukan aneh, ia terjadi di semua tempat di mana mereka bekerja atau tempat di mana mereka terlibat dalam hal-hal wanita terutama sekali baru-baru ini satu kumpulan *Women Agenda for Change* yang telah disokong oleh 76 NGOs mengatakan bahawa 11 perkara yang khusus perlu diambil, memberi perhatian supaya tindakan yang tegas dapat diambil untuk mengatasi masalah pokok wanita. Di antara 11 isu itu dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris:

“ (i) *Women and development*; (ii) *Women and participatory democracy*; (iii) *Women culture and religion*; (iv) *Violence against women*; (v) *Women and land*; (vi) *Women and health services*; (vii) *Women and the law*; (viii) *Women and work*; (ix) *Women and aids*; (x) *Women and environment*; and (xi) *Women, health and sexuality*”.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara ini kerap kali telah dibangkitkan bukan sahaja di Dewan yang mulia ini tetapi di beberapa forum di negara ini. Saya hendak tahu, apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh kerajaan. Baru-baru ini bila satu soalan dikemukakan oleh seorang Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini, menteri berkenaan telah menjawab bahawa tindakan akan diambil supaya di mana-mana situasi yang boleh sekurang-kurangnya 30% dari semua pekerja atau Wakil Rakyat atau dari Majlis Tempatan atau di Dewan Undangan Negeri semestinya adalah dari golongan wanita dan saya hendak tahu setakat ini, berapakah peratus pencapaian yang telah dibuat dan apakah dorongan atau galakan yang telah diberi oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin mengatakan mengenai hakisan kepercayaan kepada kerajaan. Kita tahu kebelangan ini satu diantaranya adalah Suruhanjaya Pilihanraya, di mana hari ini juga bila saya mengemukakan satu soalan mengenai undi pos. Setiausaha Parlimen menjawab bahawa pada kali ini lebih kurang 300 orang akan dilantik untuk menyiasat dan menentukan bahawa lebih kurang 270,000 orang *postal voters* ini akan dikenal pasti dan mereka akan terima semua undi-undi pos ini. Tetapi beliau tidak memberi satu jawapan yang munasabah adalah macam mana dengan agen-agen, *candidate* di mana kita tahu di situasi yang lain semua agen, *polling agent* akan dibenarkan menyaksikan atau memastikan bahawa *postal voters* akan diberi kepada pihak-pihak yang tertentu atau mereka ada hak untuk menerimanya. Baru-baru ini kita telah baca dalam surat khabar dan juga di mass media dikatakan ramai orang yang tidak ada hak telah mengundi atau tidak pernah undi dalam undi pos bila mereka bekerja sebagai tentera, polis dan sebagainya. Ada juga dikatakan orang yang tidak berhak telah pangkah untuk mereka untuk perkara macam ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Teluk Intan. Kalau tidak ada yang hendak sambung itu, sila Bukit Mertajam.

2.30 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999. Walaupun baru-baru ini kejadian banjir berlaku di merata tempat di seluruh negara tetapi didapati tiada peruntukan tambahan di bawah Kementerian Pertanian diberi kepada mereka. Saya ingin bertanya adakah peruntukan yang sedia ada mencukupi untuk semua program memperbaiki saluran, sungai dan parit oleh Jabatan Parit dan Saliran dalam semua negeri. Sudahkah peruntukan untuk tujuan ini bagi tahun ini digunakan dengan berkesan untuk mengurangkan masalah banjir kilat dalam banyak negeri Semenanjung Malaysia dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak sampai ke hujung sekali Johor dan di Sabah dan Sarawak. Nampaknya baru-baru ini tiada satu negeri yang bebas daripada bencana banjir yang merugikan harta-benda, ternakan dan kilang-kilang bernilai berjuta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengkaji masalah banjir ini berasaskan persamaan perbelanjaan air atau *water budget equation*, dengan izin, sebelum kita sampai belanjawan untuk tahun depan kita mesti kaji sedikit persamaan perbelanjaan air dahulu untuk mengatasi masalah banjir. Bagi sesuatu kawasan jumlah input air itu mesti diseimbangkan dengan jumlah *output* air supaya tidak berlaku masalah kekurangan. Kalau kekurangan ianya menghasilkan kemarau. *Output* – kalau ada kelebihan air ianya menghasilkan banjir seperti sekarang ini dalam kawasan itu. Input air itu terdiri daripada hujan dan aliran air masuk melalui sungai atau parit iaitu (*surface flow-ins*). Output air itu pula terdiri daripada aliran air keluar melalui sungai atau parit (*surface run-offs*), proses peng wap (evaporation), penyerapan tanah (*infiltration*) dan penyimpanan (*storage*).

Jadi, masalah kita mula bila alam semula jadi diganggu oleh manusia sehingga persamaan belanjawan air itu tidak dapat diseimbangkan untuk kawasan-kawasan yang rendah. Cuaca yang buruk membawa penambahan hujan lebat dan penambahan air masuk kawasan rendah akibat hakisan kawasan bukit kerana penebangan pokok-pokok atas bukit. Jika La-Nina tidak sampai pada tahun lepas, 'Wendy' pun sudah tiba tahun ini. Air dari kawasan bukit-bukau Kulim, Kedah Selatan contohnya yang telah dimajukan sebagai kawasan perumahan didapati mengalir ke hilir Sungai Junjung melalui kawasan Kampung Manggis dan Kampung Tongkang, Permatang Tinggi, Seberang Prai Tengah menyebabkan banjir kilat dan juga tragedi derailment keretapi pada pagi Isnin, 25 Oktober ini.

Titi landasan KTM di Kampung Manggis yang terlibat itu memang terlalu rendah berbanding dengan paras Sungai Junjung dan tambak sungai yang baru diperbaiki satu-dua minggu sebelum ini. Pada masa yang sama terdapat aliran air keluar melalui sungai dan parit terhalang kerana kekurangan kecuraman dan sungai-sungai yang terlalu cetek atau tersumbat. Didapati banyak sungai menjadi terlalu cetek kerana tersumbat tanah atau sampah sarap. Sungai Junjung dan Sungai Juru adalah dua batang sungai yang penting di kawasan Seberang Prai Tengah. Dahulu kedua-dua sungai adalah dalam agaknya lebih kurang lebih daripada 15 kaki dalam dan lebar juga. Tetapi sekarang pengumpulan tanah pasir dari kawasan hulu dalam sungai-sungai tersebut menyebabkan sungai-sungai itu menjadi sangat cetek. Keberkesanan mengalir air disingkatkan lagi dengan adanya pokok-pokok nipah dan rumput-rumpai atau tumbuhan yang lain, sampah-sarap dalam sungai.

Kuala Sungai Junjung dan Kuala Juru adalah dua kawasan yang lebih cetek lagi kerana tanah lumpur di bawa ke sana oleh proses pasang surut air laut. Semua ini menghalang aliran air sungai keluar ke laut. Usaha Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mencuci sungai ada dijalankan, tetapi malangnya tidak cukup menyeluruh dan tidak cukup kerap sehinggakan bila kontraktor bekerja di hulu sungai, bahagian hilir sungai sudah tersumbat. Secara am aras sungai itu tidak cukup dalam. Bila tetambak-tetambak tinggi dibina di dua belah sungai, nampaknya kita sedang membina tetambak atas permukaan bumi sahaja, macam membina tetambak pada permukaan kepala di mana ada guna untuk mempercepatkan aliran air bila air datang dengan *volume* yang besar dalam masa yang singkat. Lagi pun, sungai-sungai itu perlu dicuci dari hilir ke hulu, bukan dari hulu ke hilir, arah cuci itu sudah salah. Di bahagian hilir itu perlu dicucikan terlebih dahulu supaya membenarkan air itu senang pergi ke laut.

Jabatan Pengairan dan Saliran perlu mempercepatkan lagi kerja-kerja pembinaan pintu kawalan banjir selebar 32 kaki lengkap dengan pam air di Kampung Keramat, Bukit Tengah supaya memberi laluan air yang cepat keluar ke laut yang lebih berkesan berbanding dengan pintu air lama yang hanya berukuran 4 kaki lebar sahaja. Tidak hairanlah kalau kita lihat kawasan Bukit Mertajam sekarang ini di bawah air. Oleh kerana itu, hari ini saya mesti suarakan dan bangkitkan semua ini di sini supaya dapat perhatian Kementerian Pertanian. Dengan proses penyerapan air oleh tanah berkesan atau tidak itu bergantung kepada ketelusan lapisan tanah kawasan berkaitan sama ada tanah itu berbentuk

pasir yang telus kepada air ataupun tanah campuran pasir dan tanah yang telus pada air ataupun tanah liat sahaja yang tidak telus pada air.

Kehilangan pokok dan tumbuhan atas permukaan tanah dan bukit juga menyebabkan pengurangan penyerapan air oleh pokok-pokok dan tumbuhan-tumbuhan. Pembangunan kawasan-kawasan perumahan juga mengubah lapisan tanah atas bumi sampai kadar penyerapan disekat. Terdapat kawasan-kawasan bukit di Bukit Mertajam, Bukit Bendera dan tempat-tempat lain sedang menghadapi masalah kehilangan pokok-pokok sehinggakan air bukit tercurah ke kawasan-kawasan rendah yang berdekatan. Contohnya, kawasan Berapit yang tidak pernah dibanjiri dahulu juga dilanda banjir bila air dari kawasan Bukit Mertajam turun dengan begitu cepat sahaja.

Penyimpanan air oleh *Water Retention Ponds*, *Wetlands*, *Artificial Lakes* dan sebagainya adalah satu cara untuk menyimpan air lebihan yang terlalu banyak sementara menunggu didiscaj ke dalam laut. Malangnya, banyak kawasan sawah padi yang dahulu boleh simpan air sekarang diubah syarat untuk menjadi tapak pembinaan rumah dan ditimbus tanah, ditinggikan dan dikonkritkan sampai air tidak boleh masuk atau keluar dari kawasan itu.

Jabatan Pengairan dan Saliran mesti mencari tapak-tapak yang sesuai untuk dijadikan *Water Retention Ponds* atau *Wetlands* supaya dapat selesaikan masalah banjir kawasan Permatang Tinggi, Juru dan Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam di kawasan Seberang Perai Tengah. Parit Sisir Juru yang merupakan parit lebar 70 kaki, dalam 10 kaki dan panjang 4 km adalah satu parit selari Sungai Juru yang boleh menyimpan air, yang boleh mainkan peranan *Water Retention Ponds*.

Selain daripada itu di kawasan Juru beberapa taman perumahan boleh diselamatkan daripada banjir kilat hanya jika satu water retention area boleh disediakan di tepi Parit Lima supaya air yang lebih itu boleh disimpan dalam kawasan itu sebelum pam mengeluarkan air ke Sungai Juru. Satu kawasan *Wetlands* perlu dikenal pasti di Seberang Perai Tengah, mungkin pihak *Penang Development Corporation* (PDC) dengan izin, yang mempunyai satu simpanan tanah bank simpanan tanah yang luas dalam SPT boleh memberi bantuan.

Penduduk-penduduk kawasan SPT masih menunggu-nunggu lagi tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mesti turut membantu dalam hal ini kalau kita berharap boleh selesaikan masalah banjir kilat dalam jangka masa yang tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Veterinar Bukit Tengah, Bukit Mertajam adalah sebuah pusat penyelidikan haiwan untuk rantau Malaysia utara yang telah memberi perkhidmatan yang baik. Pusat ini pun dilanda banjir. Saya ingin meminta Kementerian Pertanian supaya memperbaiki Pusat Veterinar ini supaya tidak dibanjiri lagi. Perkhidmatan penyelidikan serta kawalan penyakit haiwan di kawasan Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak Utara telah dijalankan dengan berkesan di pusat ini. Saya berharap tiada sebarang rancangan oleh Kementerian Pertanian untuk memindahkan Pusat Veterinar itu. Pusat Veterinar itu memberi perkhidmatan yang cemerlang dalam kajian, kawalan dan rawatan penyakit haiwan. Jadi, saya harap pusat itu boleh dikekalkan di tempat yang sama iaitu di Seberang Perai Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Mentakab.

2.44 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling mengenai dengan perkara yang disebutkan pagi tadi. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata dia akan merujuk kepada seorang pakar dalam dialek Hainan tentang sebutan oleh Yang Berhormat bagi Yan. Sebutan itu adalah '*nang bo ti nang, kui bo ti kui*' untuk mensifatkan PAS yang bermuka dua, berlidah dua, cara begitu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak minta sebagai pakar dalam bahasa tersebut dan juga sendiri sebagai seorang Hainan buat satu ruling sama ada itu telah menghina perasaan orang Cina, kalau tidak, ini bermakna Ketua Pembangkang sengaja hendak memainkan isu perkauman di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat yang berikutnya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, nampaknya ada satu tugas yang agak luar biasa ditujukan kepada saya. Walaupun saya tidak pernah mendakwa diri sebagai seorang pakar bahasa ataupun pakar loghat Hainan tetapi kebetulan saya keturunan Hainan dan saya rasa elok juga kalau saya buat ruling, suatu keputusan ini untuk menangkis sebarang kekeliruan yang mungkin timbul.

Walaupun ungkapan tersebut '*nang bo ti nang, kui bo ti kui*' ini sebutan yang tepat, kalau ikut sebutan saya. Disebut tadi oleh Ahli Yang Berhormat bagi Yan. Beliau sepatutnya kena beri penjelasan tentang maksudnya dan bukan saya. Walaupun demikian, maksudnya senang sahaja, ianya membawa makna bahawa, "Manusia bukan manusia, hantu bukan hantu". Maksudnya ianya boleh juga ditafsirkan sebagai bermuka-bermuka ataupun makhluk yang bukan berupa manusia ataupun hantu.

Walaupun demikian, ungkapan sedemikian dahulu pernah muncul dalam filem P.Ramlee [*Ketawa*] tetapi di dalam Dewan yang mulia ini buat pertama kalinya saya dengar dan saya minta ungkapan sedemikian khususnya, ungkapan yang khusus ini sebab ianya membawa makna yang agak negatif untuk perli seseorang ataupun sesuatu pihak. Ya, walaupun ianya diguna pakai tetapi saya memang tidak galakkan penggunaannya.

Walaupun demikian, saya hendak tegaskan bahawa ungkapan itu walaupun saya tidak galakkan tetapi ianya telah pun disebut dan ianya ditujukan kepada sesuatu pihak yang tertentu, maka soal di mana ia menurunkan martabat keturunan Hainan dan sebagainya itu tidak timbul sebab dalam setiap bahasa ataupun loghat itu, baik bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan sebagainya memang ada perkataan-perkataan, istilah-istilah yang tertentu untuk memaki hamun ataupun bahasa yang kurang sopan. Itu memang ada, untuk perli seseorang, itu ada, takkanlah semua bahasa itu semuanya dianggap secara negatif. Bahasa itu memang neutral, cuma terpulang kepada penggunaannya dan ianya ditujukan kepada siapa?

Itu sahaja Yang Berhormat dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan setakat itu sahajalah. Sebab ini pun saya tidak nampak sangat ianya patut dipolitikkan, apatah lagi kalau ianya sengaja diungkit-ungkitkan untuk menyakiti hati ataupun perasaan ahli-ahli yang lain. Ini bukan sesuatu yang membina. Sekian.

Ya, kita lanjutkan perbahasan kita. Had tempoh tetap 15 minit.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Belum cakap lagi ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Belum cakap lagi ya?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Menggeleng kepala]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

2.48 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: *[Ketawa]*
 Saya ingat Yang Berhormat bagi Mentakab mahu cakap. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin membangkit perkara dalam Rang Undang-undang Perbekalan ini berhubung dengan B.4 iaitu berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Sebab apabila keadaan masa kita sekarang ini boleh dikatakan demam pilihan raya. Tetapi apabila disemak dalam pendaftaran pilihan raya baru-baru ini kita dapati banyak perkara yang dilakukan terutama sekali oleh pihak parti pembangkang PAS. Ahli Yang Berhormat bagi Arau tidak ada hari ini.

Parti pembangkang PAS ini dalam kawasan saya dia boleh melaporkan kepada SPR apabila berlakunya masa penyemakan semula. Dia boleh mematikan ahli-ahli UMNO ini, misalnya dia pergi lapor kata sianu bin sianu ini telah meninggal dunia. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya ini kenapa perkara ini boleh berlaku, tiba-tiba tengok orang yang menyokong kerajaan ini meninggal dunia, meninggal dunia, lepas itu kalau yang tidak meninggal dunia pula tukar ke tempat yang lain, yang jauh. Perkara ini boleh berlaku dalam SPR. Tidak adakah satu syarat supaya apabila seseorang itu hendak melaporkan tentang kematian seseorang, mesti ada syarat-syaratnya. Tunjuk surat matikah, ataupun ada ahli-ahli pembangkang ini yang bertugas di dalam Suruhanjaya Pilihanraya ini. Ini saya inginkan penjelasan mengapa sebab perkara-perkara ini berlaku.

Dalam kawasan saya pengundi baru yang masuk, yang dibangkitkan oleh pembangkang ini kononnya pengundi hantu, seolah-olahnya SPR ini, kerajaan ini melakukan sesuatu perkara yang tidak betul. Sebenarnya parti pembangkang ini yang buat perkara yang tidak betul. Dalam kawasan saya pengundi-pengundi yang datang dengan tidak ada alamat yang tetap, lebih kurang enam ribu orang. Majoriti saya 5,800 – pi aje lah. Lagi sekali pilihan raya sebab enam ribu ini yang tidak ada alamat, dia cuma ada dalam kampung ini, dia tidak ada nombor rumah.

Misalnya saya beri contoh, sianu bin sianu ini tinggal di Jalan Makam, kita cari tidak jumpa. Dia akan datang pada pilihan raya, selalunya pilihan raya masa ini, pengundi-pengundi PAS ini. Dia datang pukul lima petang, dia mari dengan satu van, dia masuk, dia mengundi keluar. Ini pengundi hantu tetapi yang mereka tuduh ini DAP, PBS, PAS tuduh seolah-olah kerajaan yang membuat perkara ini. Sebenarnya mereka ini macam pepatah Cina kata, “Orang jahat selalu fikir orang lain jahatlah” *[Ketawa]* Ini betulkah? Dalam bahasa Cinanya, kalau seseorang itu dia mempunyai perut yang kecil, dia selalu dok fikir orang lain jahat. Itu *direct translation*, kalau tidak bahasa Cina ini, dia kata “Orang jahat ini selalu fikir orang lain jahat”. Macamlah kawan saya dari Bagan. Selalu kata orang lain jahat. Inilah, perkara ini mereka telah buat jahat, menipu cara melapor orang UMNO ini mati, orang menyokong Barisan Nasional ini sudah meninggal dunia, lapor.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila kita semak semula tidak larat perbetulkan. Kita tidak larat perbetulkan kerana penyokong kita masih hidup

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun ya. Bagan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sila, sila. Saya beri *chance*. Potong *injury time*.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, kita dengar percakapan daripada Yang Berhormat bagi Pokok Sena bukankah ini menunjukkan ada kelemahan di dalam pentadbiran SPR. Cuba tanya kepada jiran Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Bukit Bendera. Sama ada pemilih di kawasan beliau, adakah pendatang asing yang datang bukan dari kawasannya. Di kawasan saya, di Butterworth ada ramai yang pindah pergi ke

dia punya kawasan. Cuba hendak menyokong Ketua Menteri Pulau Pinang tetapi DUN Ketua Menteri itu ada di kawasan Parlimen yang di sebelah Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Kita Barisan Nasional, kerajaan pun kita tidak mahu perkara-perkara macam ini.

Jadi, cara Yang Berhormat daripada pembangkang cakap itu seolah-olah SPR tidak betul, kerajaan tidak betul, Barisan Nasional ini tidak betul. Kita pun tidak hendak macam ini. Sebab kita belum tahu yang datang itu hendak menyokong kerajaan atau yang hendak membangkang kerajaan. Ini kita tidak tahu, saya pun tidak suka. Kita Barisan Nasional, kerajaan pun tidak suka perkara ini berlaku. Sebab itu saya bangkitkan perkara ini supaya SPR dapat membetulkan keadaan

Tuan Lim Hock Seng: Sokong, saya sokong.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ya, sokongkan? Kita hendak betulkan kerajaan, kita tidak tahu siapa yang mari.

Lagi satu perkara, orang boleh daftar sekarang dengan beri kad pengenalan, duduk alamat di Kuala Lumpur, saya hendak mengundi di Kubang Pasu, boleh. Sepatutnya tidak boleh, dia kena ikut alamat dalam kad pengenalan. Kalau alamat saya di Jitra, Nombor 4, Jalan Taman apa di Jitra, baru saya boleh daftar di sini, saya hendak mengundi di Jitra. Tetapi alamat di Kuala Lumpur, pergi daftar di sini, kawan yang jaga pendaftaran itu ahli PAS, yang hangit sedikit, dia tolong kira tidak apa boleh. *[Ketawa]* Dia daftar jadi pengundi, ini pengundi hantu. Bukan daripada kita, kita tidak pernah buat kerja macam itu.

Selama ini Kerajaan Barisan Nasional memerintah, kita tidak pernah buat perkara ini sebab itu Tuhan tolong kita. Tuhan tolong kita, apabila pembangkang sembahyang hajat, lagi sembahyang lagi teruk, kita sembahyang hajat, lagi sembahyang lagi senang. Ini bukan Ahli Yang Berhormat bagi Bagan sembahyang hajat. Ini PAS. Bagan sembahyang hajat lain pula. *[Ketawa]* Perkara ini Tuhan menolong kita kerana kita menjalankan perkara-perkara yang benar. Kita pun tidak mahu.

Saya percaya yang duduk di meja di barisan menteri, timbalan menteri mereka ini pun tidak mahu perkara ini berlaku sebab kita belum datang yang datang itu betul-betul menyokong kita. Dalam kawasan saya, enam ribu orang, barangkali empat ribu orang sokong saya tetapi saya tidak suka juga. Dia datang secara mengejut, barangkali mari *last minute*, dia tidak sokong pun pi juga. Bukanlah mesti saya jadi calon, tahun depan barangkali saya tidak jumpa Yang Berhormat. Saya belum tentu, kami Barisan Nasional tidak tentu jadi calon. Tetapi pembangkang dia tentu jadi calon, cuma menang sahaja yang tidak tentu *[Ketawa]* Kami tidak tentu bertanding, sesiapa sahaja bertanding, asalkan Barisan Nasional menang, sebab kita percaya hanya Barisan Nasional sahaja yang boleh *[Tepuk]* memerintah negara ini dengan aman.

Kalau DAP memerintah, kita belum tentu *[Disampuk]* bukan setakat hancur, habis pembangkangnya digantung, dia tidak gantunglah, dia simpan, dia gantung tidak boleh masuk politik, dia ambil, dia bicarakan habis. Ini memang sifat pembangkang. Yang Berhormat pun belum tentu lagi, kalau naik belum tentu jadi menteri DAP lagi. *[Ketawa]* Sebab nanti dia angkat habis anak pihak dia, semua habis, baru dia beri kepada Yang Berhormat. Nombor satu dia Perdana Menteri, anak dia Timbalan Perdana Menteri, menantu dia menteri-menteri. Yang Berhormat belum tentu. Tetapi kami Barisan Nasional kita adil, kita pun tidak mahu perkara-perkara ini berlaku.

Kita cukup adil, tengoklah *Harakah* ahli 500,000 boleh cetak *Harakah* sebanyak dua juta jual di merata-rata kedai. Kami tidak berapa peduli tetapi oleh sebab maki terlampau ini kita terpaksa menyuarkan supaya *Harakah* diambil tindakan. Untuk ahlinya 500,000 misalnya, kalau sampai tetapi dicetak dua juta. Dijual di merata ceruk, di super

market pun ada jual. Mana boleh macam ini? Sebab itu kita bangkitkan perkara ini sebab perkara ini tidak munasabah.

Ada lagi yang hendak bangkit tanya? Tidak, tidak apa, bagus. Dia setuju dengan saya, sebab *Harakah* bukan DAP punya [Ketawa] PAS punya. PAS pun tidak bangun tanya? [Ketawa] Kita beri peluang kalau dia hendak tanyakan. Ini kita minta sebab *Harakah* tadi yang dibangkitkan oleh pembangkang, yang dibangkitkan oleh 'Jelutong'kah, 'lutong'kah, itu. Saya selalu celaru 'jelutong' dengan 'lutong' ini adalah lebih kurang sama. Jelutong jenis pokok, binatang yang suka duduk atas pokok, 'jelutong' itu adalah 'lutong'. [Ketawa] Jadi samalah, kalau saya tersalah panggil 'jelutong' sebab saya punya *pronunciation* itu kadang-kadang 'je' itu perlahan. Sebab itu saya panggil Yang Berhormat 'lutong'.

Dia bangkit tadi tanya kita, tidak bacakah *Harakah*? Hendak baca apa *Harakah*. *Harakah* ini dia membohong dua puluh empat jam. Apa yang dicakapkan oleh ahli PAS, itu yang dicetak dalam *Harakah*. Jadi, kita sudah dengar PAS bercakap, tidak payahlah baca *Harakah*. Dia membohong sahaja. Jadi, perkara ini kita patut untuk kepentingan masa depan kita menuju ke alaf baru. Kita punya cogan kata itu memang bagus 'Bersatu Teguh Ke Alaf Baru'. Ini menghuruharakan lagi teruk menuju ke alaf baru ini, *Harakah* yang dok buat la ni.

Saya minta sebab sekarang ini balik kepada B.4. Saya minta – siapa yang hendak jawab ini, tidak nampak siapa pun. [Ketawa] Minta SPR ini mengkaji supaya benar-benar orang yang mengundi di kawasan itu benar-benar orang yang berhak. Tidaklah kita bukan takut tetapi oleh sebab sekarang ini PAS cakap ikut kampung, buatlah macam mana tipu helah pun, asalkan kita menang. Ini saya dengar ahli-ahli PAS bercakap, ahli-ahli, bukan pemimpin, ahli sahaja. Kot mana pun kita tipu helah, macam mana kena menang. Jadi, macam-macam cara. Apabila hendak mendaftar mengundi mereka guna macam-macam cara. Kalau dia tahu kata, saya dia tidak berani tukarlah, tidak berani lapor kata mati sebab nama saya di kampung ini, kawasan saya terkenal. Tetapi orang-orang yang di kampung dilaporkan telah meninggal dunia, dilaporkan telah bertukar.

Jadi, minta SPR supaya perkara-perkara ini kalau mati, mesti tengok surat mati. Kalau bertukar, mesti alamat dalam kad pengenalannya mesti ada pertukaran alamat, kalau tidak, jangan diterima dan orang yang bekerja dengan SPR itu mesti benar-benar orang yang berkecuali, kita tidak mahu orang yang bekerja SPR ini sebelah kerajaankah, sebelah siapakah, mesti berkecuali. Ini yang saya

Tuan Lim Hock Seng: Ya, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: sekejap, beri habis ayat ini. Lebih kurang sepuluh minit saya beri. [Ketawa]

Orang yang bekerja dengan SPR ini kalau tidak berkecuali, jadi susah. Kita tidak mahu yang tidak berkecuali, kalau dia hendak pro sedikit-sedikit itu tidak apalah, bukan! Pro belah kerajaanlah tidak apa. Sekarang ini saya tengok guru-guru yang diambil untuk bekerja dalam pilihan raya, banyak yang terdiri daripada ahli PAS, yang daripada awal-awal lagi telah mengatakan kepada kawan-kawannya mereka akan menggunakan kuasa-kuasa yang ada padanya untuk memainkan peranan dalam pilihan raya supaya Barisan Nasional ini kalah. Perkara-perkara ini sepatutnya SPR mengambil tahu supaya benar-benar pegawai-pegawai yang hendak menjadi pegawai pilihan raya itu – dia panggil ROKah, *presiding officer*, ketuanya RO tetapi assistantnya ini *presiding officer*, benar-benar orang yang berkecuali. Kalau DO-DO yang berkecuali, jangan kata DO pegawai kerajaan sahaja, pegawai kerajaan pun banyak yang - minta maaf, yang ada ini semuanya bagus-bagus tetapi ada DO dan ADO dalam kawasan saya yang PAS, yang bakal menjadi

calon, kalau dia tidak dapat menjadi calon dia menjadi *presiding officer*. Ini yang kita hendak, supaya mengkaji perkara ini supaya adil kepada semua. Okey.

Tuan Lim Hock Seng: Berkenaan dengan alamat. Saya difahamkan Yang Berhormat ada keluarga dan ada rumah di Kuala Lumpur tetapi kawasan di Pokok Sena. Saya ingin tahu alamat Yang Berhormat seperti yang dicatat dalam kad pengenalan itu alamat Kuala Lumpur atau Pokok Sena. Kalau alamat di Kuala Lumpur tidak boleh mengundi di Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya?

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: You mahu tengok sekarangkah alamat saya. You mahu tengok sekarangkah alamat saya? [*Ketawa*] Alamat saya mesti alamat dalam kawasan, yang saya bangkit ini banyak puak di Kuala Lumpur yang tidak payah tukar alamat boleh pergi daftar beritahu kepada pegawai pendaftar itu saya hendak undi di sini, saya hendak undi di sana. Ini yang saya bangkitkan perkara ini. Macam saya memanglah alamat saya dalam kawasan saya, kalau tidak macam mana hendak menjadi calon pula.

Kalau yang saya telah difahamkan dahulu, masa yang lepas-lepas ini, orang yang hendak mengundi itu mesti kena tukar kad pertukaran alamat dahulu, tetapi saya diberitahu sekarang ini tidak payah. Dia duduk di Kuala Lumpur dia ikut pilih sahaja, dia hendak pilih mana, dia hendak undi di Kubang Pasu, kalau ada lebih kurang 15,000 orang pergi mengundi di Kubang Pasu terbanglah Perdana Menteri. Ini kena ambil tahu, SPR kena kaji betul-betul. Kena ada sesuatu syarat, orang Kuala Lumpur hendak mengundi di kawasan-kawasan itu mesti tukar alamat dahulu, mesti ada kad pertukaran alamat, kalau tidak dia tidak boleh mengundi. Kalau kata sahaja dia orang Kedah, dia hendak mengundi, ikut suka dia hendak mengundi mana, ini tidak boleh. Saya minta supaya SPR kaji perkara ini dan kaji tentang pegawai-pegawainya, *presiding officer*-nya supaya benar-benar orang yang berkecuali. Saya pun tidak mahu kalau orang itu berat sebelah, kadang-kadang dia berat belah kita, kadang-kadang dia berat – kita tidak mahu kata pihak Suruhanjaya Pilihanraya kata, “Oh, ada yang berat belah kerajaan”. Ini kita tidak mahu, mesti berkecuali semua. Kalau dia ada pro mana-mana pun pada hari pilihan raya dia mesti berkecuali, tidak begitu Machang?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara, sebab sekarang ini timbul sangat berhubung dengan perkara ini dalam pilihan raya juga. Kita tengok baru-baru ini dalam kawasan saya seorang cikgu telah ditangkap kerana buat soalan – dalam kawasan saya, Sekolah Kebangsaan Jabi – buat soalan yang semua Ahli Yang Berhormat sudah tengok. Saya telah bangkitkan perkara ini telah diambil tindakan supaya dipecat sebab kalau tidak pecat ia melarat kepada orang lain pula. Kalau kita tukar dia sahaja, puak-puak sana nanti sambut dia dengan gendang ‘keling’ apa semua, hero mereka. Jadi, perkara ini mesti diambil sebagai satu iktibar bahawa kalau hendak jadi guru, saya dahulu pun guru juga, mesti jadi guru betul-betul mengajar kanak-kanak sebab kalau hendak menjadi guru tetapi menjadi penghasut, itu bukan kerja dia sebab saya tahu pilihan raya ini banyak ambil guru untuk bertugas dalam pilihan raya. Ini saya tahu, kebanyakan guru telah diambil untuk bertugas dalam pilihan raya dan guru-guru ini saya minta SPR beri penerangan yang jelas supaya mereka ini benar-benar berkecuali, kalau tidak kita berasa tumpang semasa kita berkuasa. Selalu Azman Attar berkata “*when you are powerful, don't be a bloody fool*”, ini Azman Attar kata bukan saya kata. Boleh katakan Tuan Yang di-Pertua, ini saya quote, dengan izin. “*When you are powerful, don't be a bloody fool*”. Kalau tidak lepas pilihan raya baru hendak buat benda ini, kita jadi teruk. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah pihak SPR ini mengambil tindakan mengkaji supaya benar-benar pilihan raya ini kita jalankan dengan sempurna supaya bukan sahaja

dunia memandang kita sebagai kerajaan ini bersih, supaya pembangkang tidak bangkit, kita tahu pembangkang ini macam-macam, dia buat dia tuduh kita, ini macam peribahasa Cina yang saya kata tadi. Bila dia buat, sebelum kita tuduh dia, dia tuduh kita dahulu. Ini memang perkara biasa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya terpaksa hadkan kepada dua orang lagi sebab memandangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat hanya sehari sahaja yang diperuntukkan bagi perbahasan di peringkat dasar. Parit Sulong.

3.05 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan atas *Supplementary Bill* ini kerana inilah bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak mengemukakan peruntukan-peruntukan atau belanjawan secara politik. Saya mengatakan demikian kerana Kerajaan Barisan Nasional mengemukakan peruntukan dan bekalan tambahan ataupun belanjawan tambahan berdasarkan kepada kemampuan kewangan kerajaan itu sendiri. Saya menyatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semalam saya terbaca dalam akhbar-akhbar tempatan bahawa kononnya parti-parti yang mendakwa sebagai anggota Barisan Alternatif akan mengemukakan belanjawan parti tersebut untuk rakyat Malaysia yang akan dibentangkan pada besok pagi.

Pertamanya, sebagaimana sahabat-sahabat saya bertanya Parlimen manakah dia hendak bantangkan belanjawan tersebut, di Parlimen mana? *Is it in kangaroo Parliament?* Keduanya, di manakah sumber kewangan Barisan Alternatif? Belum mewujudkan kerajaan telah pun mempunyai inisiatif yang tinggi untuk menggubal satu belanjawan. Ini amat menghairankan kami semua, sungguh menghairankan kerana parti-parti ini terdiri daripada PAS, saya bacakan ikut prioritynya – PAS, lepas itu DAP, lepas itu ada KeADILan, lepas itu PRM – sebenarnya kedudukan DAP last sekali. Di mana dia ada duit? Di mana orang-orang ini dapat duit? Adakah mereka mempunyai sumber kewangan yang lebih besar daripada sumber kewangan kerajaan? Kalau itu hakikatnya, kita kena syak dia orang ini, kalau rizabnya, kalau sumber kewangannya lebih besar daripada kerajaan atau sama taraf dengan kerajaan atau kurang sedikit daripada sumber kewangan kerajaan, di mana mereka memperolehi wang ini yang mereka akan bantangkan dalam bentuk belanjawan Barisan Alternatif pada besok pagi? Itu pertanyaan saya yang sungguh menghairankan seluruh rakyat di seluruh negara.

Yang keduanya, semalam kita juga mendapat berita oleh akhbar-akhbar daripada seluruh negara di mana parti Barisan Alternatif dengan judulnya *Ke arah Malaysia Yang Lebih Adil* membentangkan manifesto baru. Dalam manifesto itu yang sungguh memeranjatkan, walaupun parti PAS menjadi parti yang paling tinggi kedudukannya di dalam Barisan Alternatif diikuti oleh KeADILan, PRM dan DAP, kita merasa satu perkara yang amat mengejutkan iaitu objektif parti PAS untuk mewujudkan sebuah negara Islam tidak pun termaklup di dalam manifesto tersebut dan semalam juga ada satu write up ataupun artikel di dalam akhbar menyatakan bahawa objektif parti PAS mewujudkan sebuah negara Islam itu tidak wujud di dalam perlembagaan parti itu sendiri. Hari ini kami mengambil inisiatif untuk mengkaji perlembagaan PAS. Di dalam Fasal 5(1) matlamat dan tujuan parti PAS ialah “*memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah*”. Itu sahaja yang ada, tidak adapun di dalam

perlembagaan ini mengatakan objektif utama parti PAS adalah untuk mewujudkan sebuah negara Islam. Ini hakikatnya dan apabila Presiden PAS ditanya selepas sidang akhbar melancarkan manifesto Barisan Alternatif, mengapakah objektif mewujudkan sebuah negara Islam tidak tersebut di dalam manifesto tersebut, dia kata, "Barisan Alternatif akan menjadi *foundation* atau asas kepada kewujudan sebuah negara Malaysia yang adil". Adakah ini suara Haji Fadzil Noor yang sebenar-benarnya ataupun suara Presiden PAS yang sedemikian dilaporkan oleh akhbar semalam adalah suara yang telah pun *being censored* – telah pun ditapis oleh seluruh kehendak Barisan Alternatif itu sendiri.

Yang ketiganya, dan sungguh menghairankan mereka menyuguhkan diri – *they package themselves*, dengan izin, mereka menyuguhkan diri kepada masyarakat Malaysia bahawa mereka mahu menjadi alternatif kepada Barisan Nasional tetapi pada waktu yang sama parti-parti Barisan Alternatif ini tidak berani menggunakan simbol yang sama di dalam pilihan raya yang akan datang. Apakah ertinya barisan seperti ini? Apakah ertinya barisan seperti ini yang hendak bertanding kononnya sebagai bersatu tidak berani menggunakan simbol yang sama? Adakah orang macam ini layak untuk mengemukakan satu *budget* untuk negara walaupun belum memerintah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat sedar atau tidak, di Kelantan dan Terengganu ia berbeza sedikit. Dia pergi tipu orang Kelantan, dia kata di Kelantan dan Terengganu dia kata mereka akan memakai manifesto yang berbeza pula kerana kononnya di sana diberitahu umat Islam di sana matlamat untuk membentuk negara Islam itu memang wujud walaupun di Kuala Lumpur dia cakap lain.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai hal ini tetapi soal double standard ini atau soal cakap lain di tempat lain dan cakap lain di tempat lain ini memang wujud di kalangan parti pembangkang dan soal ini saya rasa tidak menjadi asing kepada golongan pembangkang. Dua hari berturut-turut di dalam Dewan ini kita menyaksikan bagaimanakah pemimpin-pemimpin kerajaan dilempar dengan tuduhan-tuduhan yang amat melulu. Kalau mereka daripada PAS, walaupun PAS menjadi sahabat kepada angkatan ataupun Barisan Alternatif, PAS juga harus tahu bagaimanakah kedudukan kalau kita melemparkan fitnah. Al-Qur'an menyatakan bahawa kita tidak boleh menyatakan sesuatu perkara yang tidak benar walaupun di dalam usaha menuju dan mencari keadilan, walaupun di dalam usaha membuktikan kebenaran. Perdana Menteri semalam dituduh, banyak menteri dituduh, timbalan menteri dituduh, hari ini saya sekali lagi. Dalam tahun 1994 pembangkang pernah menuduh dengan tuduhan yang sama pagi tadi kepada saya. Saya sengaja tidak mahu bangun oleh kerana tuduhan itu dilemparkan kepada saya berdasarkan kepada fitnah yang ditebar di kawasan saya pada pilihan raya tahun 1990.

Pada tahun 1990 saya berhadapan dengan sebuah parti pembangkang. Walaupun dia berdiri atas parti Semangat 46 tetapi motivasi dan psikologinya adalah parti PAS. Bekas seorang pegawai agama negeri Johor, sewaktu bertanding masih lagi dalam perkhidmatan. Beliau digantung jawatan oleh kerana melanggar tata tertib, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam tetapi di dalam borang pilihan raya dia men'declare' dirinya sebagai pesara. Apabila saya mengemukakan pay slip ataupun slip gaji kepada pegawai pilihan raya di Batu Pahat pada hari itu, maka adalah banyak *conference* menerusi telefon sehingga kesahihan sama ada saya bertanding atau tidak atau menang tidak bertanding pada hari itu diumumkan pada pukul 4.30 petang, menjadi sejarah kepada diri saya dan orang yang mendakwa dirinya sebagai bekas pegawai agama Islam ketika itu bertanding sebenarnya masih lagi kakitangan kerajaan yang tidak bersara tetapi mungkin untuk memikirkan masalah undang-undang yang mungkin panjang, maka diizinkanlah orang itu bertanding dan apabila bertanding saya telah pun merujuk kepada beberapa pakar undang-undang,

saya hendak mengheret beliau ke mahkamah, saya hendak demand semua perbelanjaan pilihan raya yang saya belanjakan oleh pihak parti oleh kerana sebenarnya saya seharusnya menang tidak bertanding tetapi dalam hal ini orang inilah yang bertanggungjawab menaburkan seluruh fitnah kepada diri saya.

Saya maklum apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong tadi sebab itu saya tidak bangun, saya senyum sahaja. Saya amat maklum oleh kerana perkara ini ada dalam simpanan saya juga dan pihak pembangkang memang suka menyimpan barang-barang seperti ini supaya dijadikan bahan melempar fitnah di dalam Dewan, itu sahaja. Jadi, saya tidak mahu terperangkap dengan permainan seperti ini. Pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, saya sependapat dengan seluruh kawan-kawan. Kerajaan selalu apabila hampir pilihan raya diheret – dia tuduh sana, dia tuduh sini, macam-macam, seluruh tuduhan dan di dalam pilihan raya banyak perkara yang melanggar tatasusila Islam pun dilakukan oleh parti-parti yang mendakwa dirinya orang Islam. Dipaksa pengikut-pengikut bersumpah dengan Al-Quran di dalam masjid bahawa kita harus setia dan patuh kepada parti ini sahaja, tidak ada orang lain, kalau kita parti dengan orang lain, kita patuh dengan orang lain, kamu bukan Islam. Ini berlaku di kawasan saya, dua kali saya berhadapan dengan calon Parlimen pada tahun 1990 walaupun parti itu sudah tidak ada, saya kata psikologinya memang orang PAS. Pada tahun 1995 saya berhadapan dengan Pesuruhjaya PAS Negeri Johor. Dipaksa orang kampung bersumpah di dalam masjid, di dalam surau, saya check dengan sahabat saya dari Machang walaupun dahulu dia Semangat 46, di Kelantan tidak berlaku tetapi di Johor telah berlaku, extremism, tindak-tanduk melampau seperti ini.

Pada tahun 1990 dalam pilihan raya, orang-orang pekerja Barisan Nasional hampir-hampir mati dibunuh oleh penyokong-penyokong parti lawan. Pada tahun 1995, orang-orang Barisan Nasional diheret dengan segolongan pemuda bawa parang panjang di dalam kereta, adakah ini caranya kita menuntut dan mencari kuasa? Sebab itulah dalam pilihan raya kita bersyukur, pihak penagak undang-undang menerusi *public order* dan *security*, dia melaksanakan tugas dengan baik tetapi kalau keadaan sudah berlaku tengah malam, macam penyokong-penyokong Barisan Nasional Parit Sulong, satu ketika itu pukul 3 pagi, diheret oleh segolongan – dikidnap bukannya diheret, diculik oleh segolongan pendukung parti pembangkang dalam markas, dikepong sehingga terpaksa kita panggil polis untuk menyelamatkan orang-orang ini daripada dianiayai oleh golongan-golongan yang terlalu ghairah untuk menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional.

Pada tahun 1969, kalau diizinkan saya mengkaji sejarah balik, apakah peristiwa yang mencetuskan, peristiwa 1969, bukankah peristiwa tahun 1969 diiringi oleh preamble-preamble peristiwa yang berlaku seminggu, dua minggu sebelum pembuangan undi dan sebelum keputusan undi diumumkan kepada rakyat jelata. Apakah yang berlaku ketika itu? Ahli Parlimen daripada pembangkang yang duduk itu mesti tahu, siapakah puncanya, kita tahu, sejarah membuktikan dan sejarah tidak boleh diubah. Kita melihat bagaimana keghairahan setengah-setengah pendukung parti pembangkang di Old PJ, Jalan Othman, apa dikatakan kepada orang Melayu yang waktu itu dalam keadaan dibelenggu oleh psikologi kekalahan, apa yang dibuat kepada orang Melayu di samping menyatakan 'Melayu penyapu buruh', apa lagi yang ditegaskan. Adakah orang ini layak untuk propagate perpaduan.

Kita ingat lagi sejarah sebab itulah Kerajaan Barisan Nasional berusaha untuk memperkukuhkan perpaduan menerusi strategi-strategi sosio-ekonomi supaya wujud jurang-jurang yang dahulu lebar sekarang ini dirapatkan, kalau ada perbezaan di dalam pembahagian kekayaan negara, hari ini disamaratakan, kalau ada perbezaan-perbezaan dalam hal-hal lain, sekarang ini diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan Rakyat kali ini mengiringi pilihan raya yang akan diadakan tidak lama lagi, bila-bila sahaja boleh dilakukan ataupun mengiringi millenium yang akan mendatang. Millenium baru di mana millenium ini menuntut seluruh

warga negara Malaysia memperkukuhkan benteng kekuatan masing-masing, kalau tidak, kita akan disapu oleh kedatangan, konsep, prinsip, strategi yang mahu mengglobalkan kita semua, yang mahu mensamaratakan kita semua, tidak ada lagi soal nasionalisme, tidak ada lagi soal kebangsaan.

Sekarang ini hakikatnya, rakyat Malaysia telah pun mula menerima bahawa bangsa Malaysia itu pelbagai bentuk rupanya. Tetapi kalau menjelang pilihan raya ini ada golongan-golongan yang mahu meniupkan semangat perkauman dan perpecahan, kita harus menentang habis-habisan golongan ini. Ramai yang duduk di sini, saya tahu secara langsung mungkin ataupun tidak langsung, saya tidak tahu, tetapi mereka mengenal sejarah perpecahan, perbalahan rakyat bangsa Malaysia pada tahun 1969.

Sejarah perpecahan perbalahan bangsa Malaysia pada tahun 1969 itulah sekarang ini yang kita jadikan kekuatan untuk melandasi segala dasar, untuk melandasi segala strategi, untuk melandasi segala perjuangan Barisan Nasional ke arah yang lebih mantap bangsa Malaysia yang lebih bersatu-padu. Sebab itu, saya tidak hairan kalau ada pihak pembangkang hari ini telah pun *compromise* prinsip masing-masing. PAS terbukti walaupun tidak termaktub di dalam Perlembagaan Fasal 5(1), kononnya ada dia hendak mewujudkan, terbukti bahawa apa yang dicakap tidak ada di dalam Perlembagaan. Perjuangannya tidak berlandas Perlembagaan.

Saya tidak mahu mengatakan perjuangannya *unconstitutional pur* PAS, bermakna sebagaimana yang dituntut oleh PAS. Tetapi perjuangan PAS tidak tercatat di dalam hitam putih, perjuangan Barisan Nasional tercatat dalam hitam putih. Kita bergerak sebagaimana yang telah pun diputuskan, tetapi PAS sekarang ini dalam Perlembagaan tidak menyatakan perjuangan hendak mewujudkan negara Islam, di luar mendakwa bahawa mereka akan memperjuangkan kewujudan negara Islam, apabila diwujudkan 'barisan alternatif' mereka *compromise* cita-cita hendak mewujudkan sebuah negara Islam.

Di sini kita telah mengkaji, adakah ini bentuk, rupa, corak, sebuah parti yang mendakwa untuk mewujudkan negara Islam, sebuah parti yang menyebarkan kefahaman kepada seluruh pengikutnya supaya menjadi ekstrim bahawa orang Islam yang tidak menganggotai parti mereka adalah bukan Islam.

Pada pilihan raya tahun 1995, di tampal di seluruh masjid, di surau di kawasan Parit Sulong mengatakan tidak sokong Islam, tidak bau syurga, siapa yang sokong Islam bau syurga. Kebetulan ada salah seorang calon Dewan Undangan Negeri di Parit Sulong itu datangnya daripada tidak sokong PAS, tak bau syurga, kebetulan ada seorang calon dalam Dewan Undangan Negeri di Parit Sulong itu terdiri daripada kaum Tionghua. Saya kata beruntunglah sahabat saya, kalau hari ini you katakan saya sokong PAS, bau syurga, macam itulah dia *simplified, very much simplified* tetapi oleh kerana didokongkan dengan asakan mental, *brain washing* maka diterima, tak sokong PAS tak bau syurga.

Di kawasan saya, walaupun Johor agak terlalu *distance* dengan perjuangan PAS, tetapi sekarang ini nampaknya lebih ketara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak nyatakan di sini bahawa sekarang ini 'barisan alternatif' dalam keadaan yang bercelaru. Saya simpulkan, kalau mereka mahu menawarkan alternatif kepada kepimpinan, kepada kerajaan yang ada pada hari ini, tunjukkanlah bahawa saudara adalah barisan yang mantap, jangan jadi barisan yang bercelaru. Satu parti 'barisan alternatif', empat parti komponen tidak ada sepakat dalam menyatakan simbol. Satu parti yang diletakkan paling atas sudah *compromise* prinsip perjuangannya. Siapa akhirnya yang akan menang dan siapa akhirnya yang kalah, siapa akhirnya yang akan rugi, siapa akhirnya yang akan dapat

musibah sekiranya rakyat Malaysia terperangkap dengan cita-cita, dengan janji-janji 'barisan alternatif'.

Sebab itulah kami daripada Barisan Nasional akan bermati-matian berusaha meyakinkan rakyat bahawa Barisan Nasional *is still the best*, masih lagi yang terbaik untuk memimpin rakyat negara ini ke alaf maju di masa yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Machang, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

3.25 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Semakin hampir dengan pilihan raya umum yang ke-9, semakin menampakkan kepada kita bahawa 'barisan alternatif' atau kerajaan alternatif yang digambarkan oleh barisan pembangkang sebenarnya ialah suatu khayalan. Mereka sebenarnya duduk serumah, tidur kadang-kadang seabantal tetapi mimpi adalah lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah melihat dengan jelas sejak akhir-akhir ini bahawa barisan yang rapuh, barisan tanpa pendirian, barisan yang seakan-akan wujud suatu penipuan bukan sahaja kepada rakyat jelata tetapi di kalangan parti pembangkang ini pun, nampaknya sudah berlaku penipuan antara satu sama lain. Contohnya ialah seperti PAS apabila mereka bercakap dengan rakan mereka DAP, mereka menyatakan bahawa perjuangan barisan pembangkang ini diterima. DAP sebenarnya daripada awal-awal lagi telah memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia atau *meritocracy*. Ini diketahui sendiri oleh pemimpin PAS dan PAS menerima hakikat apabila mereka bersama di peringkat Kuala Lumpur.

Tetapi apabila mereka kembali ke negeri-negeri Melayu terutamanya negeri Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu, mereka pula memberitahu rakyat mereka bahawa persetujuan mereka itu sebenarnya ialah suatu muslihat, mereka sebenarnya ingin menipu DAP bagi mendapat sokongan bukan Melayu. Mereka memberitahu kepada orang Melayu walaupun di dalam 'barisan alternatif' ini tidak wujud perjuangan untuk menjadikan negara ini Islam, tetapi hasrat hatinya itulah yang sebenarnya.

DAP pula memberitahu rakan mereka, bahawa PAS sudah sanggup menggugurkan perjuangan Islam kerana menerima mereka sebagai suatu komponen parti dalam 'barisan alternatif'. Kedua-dua pihak saling tuduh menuduh dan saling menipu penyokong masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di antara mereka ini barisan yang begitu rapuh, barisan yang tidak kemas ini sebenarnya sudah wujud melalui pengalaman saya sendiri dalam tahun 1990.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nanti dahulu, saya habiskan. Sebelum saya beri jalan kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya akan tanya Ahli Yang Berhormat dan saya akan beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat selepas ini.

Kita ingin bertanya kepada DAP, apakah mereka bersedia menerima konsep pembentukan negara Islam yang dianjurkan oleh PAS, hari ini nyatakan pendirian betul-betul, jangan tipu rakyat. PAS memberitahu penyokongnya di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, walaupun menerima manifesto bersama di peringkat Kuala Lumpur tetapi di negeri-negeri ini, konsep untuk menjalankan Islam ataupun melaksanakan undang-undang Islam tetap di perjuangkan. Itu kata-kata PAS di empat buah negeri ini. Kita hendak tanya

juga pemimpin PAS yang ada dalam Dewan ini, apakah konsep *Malaysian Malaysia* yang dianjurkan oleh DAP itu mereka terima? Jawab dan beritahu kepada rakyat secara jelas dan nyata. Jangan bercakap lidah bercabang.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu daripada pengalaman kita bersama, mereka ini memang tidak boleh duduk bersama, pagi kita bermesyuarat dengan DAP, petang bermesyuarat dengan PAS, orang DAP tidak mahu dilihat bersama dengan orang pakai serban. Orang PAS tidak mahu dilihat bersama DAP takut hilang pengaruh, tetapi inilah cara yang mereka lakukan. Di akhir-akhir ini pembohongan ini sudah hampir ternyata, sudah nampak dengan jelas bahawa perjuangan PAS sebenarnya sudah lari daripada perjuangan asal.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Sebab itu selama ini apabila mereka menuduh Barisan Nasional ini adalah kafir kerana berbaik dengan bukan Islam, sekarang ini mereka berbaik dengan DAP semuanya sudah jadi halal. Sebenarnya banyak hukum agama yang telah diputarbelit oleh pemimpin PAS sejak mereka cuba untuk mencari pengaruh dalam negara ini. Misalannya pada suatu masa mereka pernah menyuarakan bahawa nikah dengan imam Barisan Nasional tidak sah, sembahyang dua imam, masjid Barisan Nasional tidak boleh digunakan kerana dibuat daripada wang haram, berbaik dengan bukan Islam adalah kafir, wanita tidak boleh bertanding kerana aurat, sokong PAS masuk syurga, mencarut dibenarkan dan sebagainya.

Banyak fatwa yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin PAS dulu dan sekarang ini sudah makan diri sendiri. Sebab itu, rakyat Kelantan pun sudah faham sekarang. Rakyat di negeri-negeri Melayu ini sudah faham

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun ya.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ahli Yang Berhormat bagi Machang, Yang Berhormat sedar atau tidak, dalam ceramah-ceramah PAS di seluruh negara kita ini, yang mengatakan ia menentang UMNO, menentang Barisan Nasional bukan kerana namanya UMNO, bukan kerana namanya Barisan Nasional, tetapi dia menentang UMNO kerana mengekalkan Perlembagaan penjajah, perlembagaan orang putih, perlembagaan taghut.

Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, perlembagaan negeri Kelantan yang di mana PAS memerintah sekarang ini, perlembagaan mana, undang-undang mana yang dia pakai hari ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi bentuk pembohongan. Sebelum pilihan raya tahun 1990, PAS mengeluarkan manifesto di Kelantan bahawa dengan izin Allah kalau dia menang di Kelantan, dia hendak pinda perlembagaan negeri, kerana dia menuduh perlembagaan negeri adalah perlembagaan taghut, perlembagaan kafir, itu yang dikeluarkan oleh manifesto PAS tahun 1990.

Kemudian dengan izin Allah menang, dua penggal berkuasa di Kelantan, bukan sahaja dia tidak pinda perlembagaan ini, tetapi sernua Wakil Rakyat PAS di Kelantan mengangkat sumpah berikrar mempertahankan perlembagaan yang pada satu masa dia tuduh sebagai perlembagaan kafir dan taghut. Perlembagaan inilah yang dipakai oleh PAS sekarang, sama dengan tuduh-tuduhan lain, misalannya masjid yang dibina oleh Barisan Nasional tidak boleh dipakai kerana dibina daripada wang haram. Tetapi masjid-masjid inilah yang diimamkan oleh penyokong-penyokong PAS dan memaki hamun UMNO sekarang.

Orang UMNO buat masjid, orang PAS tukang cat masjid dengan cat hijau. Tak ada kerja yang dia buat. Sebab itu saya katakan tadi, pembohongan-pembohongan ini makin nyata, misalnya pembohongan yang amat jelas ialah yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sendiri. Boleh menghukum bahawa mencarut itu dibenarkan dalam Islam. Saya rasa dia tak baca buku Shahnnon Ahmad itu, dia tidak baca.

Saya mengambil masa dan membaca dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya terpaksa sebut itu. Salah satu perkataan yang terdapat dalam buku itu ialah 'palat', minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya kalau mursyidul am PAS dengar dan baca buku tersebut, dia tidak akan mengeluarkan fatwa yang karut marut seperti itu.

Saya tidak terfikir bagaimana seorang yang bertaraf ulama, boleh memberi sokongan dan mengatakan bahawa Allah S.W.T. pun mencarut, membanding diri dengan Allah S.W.T. Inilah penyelewengan-penyelewengan hukum yang dilakukan oleh PAS ini.

Tuan Yang di-Pertua, hudud misalannya, hudud sebenarnya ialah untuk cari modal politik semata-mata. Saya tahu sebab saya duduk dalam ahli jawatankuasa semasa peringkat awal pelaksanaan, mahkamah dia tidak buat, hukum ada. Kalau tangkap orang hendak pergi bicara di atas jambatan. *[Ketawa]*

Langsung tidak munasabah, sebab di dalam akta tersebut, disebut, bahawa mahkamah-mahkamah kadi di Kelantan sekarang tidak ada bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan hudud yang dimaksudkan oleh Enakmen Jenayah Syariah II. Hanya mahkamah khas dan mahkamah rayuan khas. Yang membentuk mahkamah ialah Akta Mahkamah Syariah, ini tidak dipinda, mahkamah tidak diwujudkan, tetapi hukum hudud ada. Bagaimana dia hendak menjalankan hudud kalau mahkamah tidak ada. Jelas, bahawa mereka sebenarnya untuk bermain politik.

Bukan itu sahaja, mengajar penyokong-penyokong PAS, muslimat-muslimat turun ke bawah menyokong PAS masuk syurga, malah ada orang kampung apabila mati membawa bendera PAS masuk ke dalam kubur, seolah-olah mereka mahu menipu Munkar dan Nakir, mengatakan ini rakan kita, rakan kita tak payah, sebab ini syurga tanpa hisab. Inilah pembohongan-pembohongan yang dilakukan PAS.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta maaf, sekejap, sekejap lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi janji hendak beri jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sekejap! Saya akan beri. Yang menjadi aneh kepada kita ialah mursyidul am PAS yang bertaraf ulama, dia membisu seribu bahasa. Walaupun dia tahu bahawa pernyataan-pernyataan ini, tuduhan-tuduhan ini tidak betul, tetapi mengapa dia selaku orang yang bertaraf ulama tidak bertanggungjawab memperbetulkan dan menasihati pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong PAS supaya jangan melakukan perkara-perkara seperti ini. Dia membiarkan, membiarkan supaya ini terus berlaku dan akhir-akhir ini sudah menimpa batang hidungnya sendiri.

Satu masa dahulu dia menuduh UMNO ini kafir kerana berbaik dengan MCA dan MIC, sekarang dia bersahabat dengan DAP. Bila orang tanya, dia kata, ya, junjungan Rasulullah membuat perjanjian Hudaibiyah. Itulah yang dipakai oleh UMNO. Baru sekarang dia sedar, sebenarnya ini ialah permainan politik mereka. PAS sebenarnya bermain politik dalam segenap segi.

Tuan Yang di-Pertua, misalannya

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Okey, saya beri jalan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan berkenaan dengan manifesto. Yang Berhormat bagi Machang, pada satu masa adalah seorang pemimpin dan juga orang utama yang mendrafkan manifesto untuk pertandingan pilihan raya umum pada tahun 1995.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Untuk PAS?

Tuan Lim Hock Seng: Dengan PAS ada satu pakatan, dengan S.46, dengan DAP ada satu pakatan. Yang Berhormat adalah seorang pemimpin utama dalam parti tersebut. Dan bukan salah untuk satu-satu parti mengemukakan satu manifesto pilihan raya kepada orang ramai, bukan salah. Dan satu lagi, saya ingin bertanya, di antara manifesto yang kita kemukakan pada tahun 1995 itu, ada satu perkara iaitu motosikal dibebaskan daripada bayar cukai, *road tax* pada masa itu kerana hendak menarik orang ramai, motosikal dibebaskan daripada membayar *road tax*, orang-orang tua diberi RM100 sebulan. Saya masih menyokong cadangan-cadangan ini. Adakah Yang Berhormat sudah tukar fikiran, tak mahu kedua-dua perkara ini?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya faham, terima kasih. Soal perkara-perkara kecil itu saya tidak bangkitkan Yang Berhormat, soal hendak beri bantuan, itu boleh Yang Berhormat boleh, tidak ada masalah. Tetapi soal dasar yang saya pertikaikan.

Dalam tahun 1990 perkara-perkara yang sama, PAS mengadakan manifesto berasingan di Kelantan, angkatan gagasan di Kuala Lumpur mengadakan manifesto berasingan. Sebab tak boleh duduk bersama, itu hakikat. Yang Berhormat sendiri pun tahu itu. PAS tidak boleh terima manifesto yang DAP buat, DAP tidak boleh terima manifesto yang PAS buat, hasilnya semua bertanding di atas manifesto masing-masing dan memakai lambang masing-masing. Berapa susah kita hendak cari supaya satu lambang gagasan pembangkang bertanding atas satu lambang, akhirnya berkecai tak dapat.

Yang Berhormat sendiri tahu, susah bagaimana hendak mencantumkan ini, sekarang sekali lagi hendak bersama dengan rakyat, hendak menyatakan bahawa sekarang barisan pembangkang sudah bersatu, bohong semua ini! Raket sama bulan memang tidak boleh bertemu, saya tahu. Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat ...

Tuan Lim Hock Seng: Itu bukan satu bohong. Itu realiti!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Ya, realiti! Ha, sekarang sudah terima! Ha, bagus terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat DAP sekarang sudah terima itulah realiti bahawa pembangkang tidak boleh bersatu dalam pilihan raya menghadapi Barisan Nasional! *[Tepuk]* Sudah terima!

Sudah terima sekarang, jelas sekarang, jangan bercakap dolak daleh Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah mengakui DAP sudah mengakui bahawa realiti barisan pembangkang tidak boleh bersatu untuk menghadapi Barisan Nasional. *[Tepuk]* Macam mana?

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat tadi kata pada tahun 1990 dan 1995, itu saya kata realiti.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dahulu Yang Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Ya, Bagan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dahulu! Saya akan beri nanti. Beri saya jawab dahulu.

Tuan Lim Hock Seng: Jangan putar belit. Masalah tidak serupa.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dahulu. Saya hendak tanya DAP, Yang Berhormat setuju atau tidak PAS hendak melaksanakan hukum hudud dan membina negara Islam dalam negara ini? Cuba jawab! Jawab!

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, pendirian DAP terang dan jelas!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, apa? Jawab secara jelas, beritahu rakyat apa dia.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, kita tidak sokong!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, jelas! Okey duduk! Saya sudah faham. Duduk Yang Berhormat.

Saya hendak tanya pemimpin PAS, malangnya wakil rakyat PAS makan gaji buta, tidak ada seorang 'habuk' pun di dalam Dewan ini. Saya hendak tanya Wakil Rakyat PAS, apa tanggapan PAS dengan pendirian yang dibawa oleh DAP tadi. Bahawa dia tidak sokong pelaksanaan undang-undang Islam. Saya hendak tanya pemimpin-pemimpin PAS, dia sokong atau tidak konsep *Malaysian Malaysia* yang dibawa oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya, seorang pun tidak ada di dalam Dewan. Bila ...mana pemimpin PAS, mana Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian?.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena bangun Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Mana Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian, beritahu rakyat negara ini jangan berdolak daleh.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Penjelasan!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sekejap Ahli Yang Berhormat. Bila kita beritahu dia makan gaji buta, dia marah. Tengok! Pukul berapa, Tuan Yang di-Pertua, pukul 3.40 petang, seorang pun tidak ada dalam Dewan. Datang ke sini hendak memanaskan kerusi, makan gaji buta, sebab itulah rakyat Kelantan marah sekarang. Tengok, mengambil sikap untuk berkokok di luar gelanggang, bila berceramah hebat, tetapi di sini tempat – tengok! Pukul 3.40 petang sudah kosong.

Kita hendak tanya pemimpin PAS.

[Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong memasuki Dewan]

Ha, bos sudah masuk. Ha, bos sudah masuk.

Seorang Ahli: Ha, sudah mari!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya ingin tanya ketua nombor satu sekarang!

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan kepada Bagan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bagan sudah tidak relevan sekarang. Ketua sudah masuk. Saya hendak tanya sekali lagi, Yang Berhormat bagi Tanjong ada di sini. Adakah DAP bersetuju dengan cadangan PAS hendak menjadikan negara ini negara Islam dan melaksanakan hukum Hudud seperti yang diberitahu oleh PAS?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, orang yang mengkhianati rakyat tidak ada hak untuk buat..... [Disampuk]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cerita lamalah.

Tuan Lim Kit Siang:apa-apa pertanyaan. [Disampuk] Orang yang *come with clean hands*, datang dengan tangan

Dato' Haji Sukri bin Hajin Mohamed: Cerita lamalah.

Tuan Lim Kit Siang:yang bersih. Orang yang yang kotor, orang yang mengkhianati rakyat oleh kerana berharap suatu hari menjadi Setiausaha Parlimen [Disampuk], harap pada suatu hari menjadi Perdana Menteri tidak ada hak, tidak ada kelayakan untuk kemukakan apa-apa soalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Apa terima kasih. *I am holding the floor.*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih. Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *You give the floor. Your problem!*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Itulah satu contoh bahawa seorang yang kalau mahu menjualkan prinsip beliau tidak ada hak untuk kemukakan apa-apa soalan bukan oleh kerana [Disampuk] Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Jawab, jawab soalan saya tanya!

Tuan Lim Kit Siang: kemukakan soalan itu. Bukankah orang.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Jawab soalan saya tanya!

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah orang yang menjualkan prinsip sendiri.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hipokrit! [Ketawa] Jawab soalan saya tanya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan oleh kerana dia jadi hipokrit. Dia mengkhianati....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Jawab. Jangan jadi hipokrit.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Lim Kit Siang: Seorang penjual prinsip!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Dia jadi contoh pengkhianat juga hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Beberapa Ahli: Duduk! Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Makan gaji buta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Nak lagi? Saya boleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia kata sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau itu jawapan, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Orang pengkhianat tidak ada hak.....

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: untuk kemukakan soalan. *Come with clean hands.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang: *Your hands are dirty.*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah hampir habis.

Tuan Lim Kit Siang: *Your hands are dirty!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya faham. Suruh dia duduk!

[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Lim Kit Siang: *Your hands are dirty!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau Yang Berhormat bagi Tanjong menuduh saya *my hands dirty, your mind is very very dirty.* [*Ketawa*] Awak...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk. Duduk dulu, saya tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Siapa pengkhianat?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Siapa tipu rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Menyamuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Siapa jual rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa yang harus jadi Timbalan Perdana Menteri? Siapa harus menjadi Setiausaha Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Lompat parti. Menjadi katak!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Dalam kerajaan ada Ibrahim Ali! Lagi sekarang ada Sukri – dua katak! *[Disampuk] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya suka memperingatkan Machang ada sedikit masa lagi, Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya. Jelas. Lihat. Kalau berceramah, boleh beritahu rakyat Malaysia sekarang inilah orang panggil “hipokrit kelas pertama”, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk] [Disampuk]* Hipokrit kelas pertama!

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat kelas pertama boleh kata.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hipokrit!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hipokrit kelas pertama!

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat kelas pertama!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Penipu kelas pertama kepada rakyat Malaysia. Inilah dia! *[Sorak] [Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat kelas pertama!

Dato' Lim Si Cheng [Senai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya beri kepada.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak dapat teruskan, tidak mengapa....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang minta jalan di belakang Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bagi kepada semua orang.

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bagi kepada Senai dahulu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Apa standard?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila Yang Berhormat Senai.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Lim Si Cheng: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Machang.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong, minta duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu Dewan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Senai.

Dato' Lim Si Cheng: Ya, ya. Saya hendak minta penjelasan daripada Machang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya. Minta duduk ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Lim Si Cheng: Saya hendak tanya tentang 'Barisan Alternatif'. Parti pembangkang sudah berpakat – satu perkara yang tidak boleh dinafikan. Kepada PAS, DAP – dia ingin menjadikan negara kita sebagai satu negara Islam. Jadi, soalan saya, apakah kedudukan DAP. Kalau saya kata DAP juga menyokong matlamat utama PAS untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara Islam.

Tuan Lim Kit Siang: Pembohong!

Dato' Lim Si Cheng: Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Lim Kit Siang: Inilah pembohong! Kita boleh tengok pembohong pertama.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya yang pegang *floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sabar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hei, saya pegang *floor*.

Tuan Lim Kit Siang: You pengkhianat! Dia pembohong! *[Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Senai]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Pembohong tanya pengkhianat. Pengkhianat tanya pembohong. Apa guna?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Memang, saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta duduk ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *No. You can't even answer the question daripada Machang.*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Jangan hendak berbicara, jangan hendak berpidato. Ini Dewan yang mulia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *You want to reduce into*

Dato' Haji Sukri bin Hajin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sabar ya.

Tuan Lim Kit Siang: *You are nothing. You can do what ever you like.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, bagi Machang. Machang punya floor, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Pembangkang sudah terperangkap dengan permainan tipunya sendiri. *[Disampuk] [Tepuk]* Sudah terperangkap! Wayang kulit! Wayang kulit ala DAP, wayang kulit ala PAS. Memang barisan pembangkang sudah berpakat tetapi pakatan ini pakatan penipu yang paling besar kepada rakyat negara ini. *[Disampuk] [Tepuk]* Pakatan penipuan. Nak lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Jawapan tidak dijawab. *The highest....*

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat! Pembohong!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *The first degree of hypocrite!*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hei, rakan Yang Berhormat dari PAS adalah pembohong kelas pertama kalau hendak tahu. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman : *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bagi peluang kepada Pokok Sena. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Machang berhubung dengan parti PAS ini. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa mereka banyak mengeluarkan fatwa dan ajaran yang sesat. Adakah sesuai dengan P.A.S – selalu kalau Parti Islam SeMalaysia, P.I.S. Tetapi P.A.S – Parti Ajaran Sesat. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat setuju?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Setuju.... *[Ketawa]* Setuju Yang Berhormat Pokok Sena. Bukan sahaja parti P.A.S, Parti Ajaran Sesat – Parti Ajaran Syiah, termasuk. Tetapi malang Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kita boleh tahu pendirian PAS hari ini. Malangnya tidak ada. Insya-Allah, saya akan ulang sekali lagi semasa perbincangan Belanjawan nanti. Saya ingin tanya mereka dan minta mereka beritahu pendirian kepada rakyat Malaysia.

Satu lagi saya kembali kepada tajuk, Tuan Yang di-Pertua. Maksud B.52 – iaitu bantuan kepada kerajaan negeri untuk bantuan bekalan air. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri – baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sudah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memohon peruntukan pinjaman sebanyak RM600 juta bagi memulihkan bekalan air di Kelantan yang bukan sahaja berkarat tetapi buka pili keluar angin. *[Ketawa]*

Selepas sahaja dia berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Lumpur, dia balik ke Kelantan, panggil akhbar *Harakah*. Dia buat kenyataan dalam akhbar *Harakah*, di hadapan pegawai-pegawai – dia kata masalah air di Kelantan sudah selesai. Bukti ulama mampu mentadbir. Itu ucapan Menteri Besar Kelantan kepada akhbar *Harakah*.

Saya ingin tahu bagaimana kedudukan pinjaman RM600 juta ini. Kalau belum diberi, saya hendak minta jangan diberi kerana mereka ini bermain politik. Mereka ini sebenarnya hendak gunakan wang ini untuk membayar hutang kerana dia tahu, tunggu selepas election, insya-Allah apabila Barisan Nasional menang di Kelantan, wang ini boleh diberi untuk memulihkan bekalan air. *[Tepuk]* Tidak lama lagi dah. Sebab mereka bermain politik.

Sekarang ini dia menandatangani dengan Kelantan Water, sebuah syarikat yang berasas atau England based, menandatangani perjanjian. Orang lain buat swasta air untung, dia buat swasta air rugi RM100 juta lebih. Kena bayar kepada Thames Water setakat ini saya difahamkan sudah bayar RM50 juta lebih. Bagaimana kerajaan Kelantan hendak menyelesaikan masalah air di Kelantan ini?

Tuan Yang di-Pertua, pungutan daripada bil air di Kelantan lebih kurang RM1.5 juta setiap bulan sedangkan kos operasi ialah RM2.5 juta. Bermakna syarikat SEDC yang mengambil alih ini terpaksa menanggung kerugian RM1 juta setiap bulan. Satu tahun RM12 juta, bagaimana ini hendak pulih? Sebab itu kita minta kerajaan pusat berhubung dengan pinjaman RM600 juta ini jelas bahawa mereka ini bermain politik di peringkat bawah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun ya.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat apakah sebabnya berlaku

kerugian perjanjian Kelantan Water dengan kerajaan negeri. Adakah disebabkan Menteri Besar yang menandatangani perjanjian itu dia tidak tahu apa kandungan perjanjian tersebut? Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, bila kita kata tidak cekap memerintah, tidak tahu memerintah kalau tidak tahu berhenti. Dia marah. Beri makan nasi beriani sepinggan, suruh saya sign, maka saya sign. Hasilnya RM100 juta kerajaan negeri kena tanggung. Tengok, Tuan Yang di-Pertua, bila kita kata dia tidak cekap memerintah dia marah. Nasi beriani satu pinggan, suruh sign, saya sign. Harga nasi beriani RM100 juta lebih untuk rakyat Kelantan, Tuan Yang di-Pertua. Kerana satu tandatangan. Itulah Tuhan sudah kata kalau kita beri jawatan kepada orang yang tidak mampu bukan pakar tunggulah kehancurannya, Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang berlaku bila kita kata dia tidak cekap mentadbir dia marah. Tidak, kita boleh tadbir.

Ceramah siang malam ke bawah. Maki Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tidak malu pula ketua dia datang ke Kuala Lumpur minta pinjam RM600 juta. Tidak malu. Kalau saya, Tuan Yang di-Pertua, bila maki orang malu hendak minta pinjam. Tetapi bila tersepit di Kelantan datang minta pinjam RM600 juta. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barangkali bukan kerana kerajaan PAS tetapi kerana rakyat Kelantan maka sanggup untuk memberikan pinjaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Machang. Nampak ada satu perkara yang tidak betul tetapi saya nampak Tanjong senyap, selalu Tanjong ini DAP bila ada sesuatu tidak betul hendak buat kertas putih. Adakah Yang Berhormat Machang hendak tanya kepada Tanjong DAP supaya dia mengesyorkan dalam Dewan ini supaya dia buat kertas putih apa yang telah berlaku di *Kelantan Water Works*. Saya minta penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat bagi Rompin pun tahu DAP tidak akan minta kerana dia *double standard*. Sikap dia *double standard*, dia tidak akan minta. Orang lain kertas putih tetapi rakan dia ...[Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: ...duduk dulu.

Tuan Lim Kit Siang: ...pembong, berani bagi jalan. Bagi jalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nanti, insya-Allah, kalau masa cukup saya beri.

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat, pengecut, pengatak. [Ketawa] Tidak ada maruah jangan cuba memainkan politik.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, minta arah Yang Berhormat bagi Tanjong yang tolong dan tidak tahu peraturan ini minta duduk dulu.

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat, pengecut, pembong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Machang, masa...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Orang cakap, orang beritahu cakap tidak serupa bikin inilah orangnya.

Tuan Lim Kit Siang: Pengkhianat, apa guna cakap pengkhianat. Pengecut.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hipokrit. Orang lain dia minta kertas putih, kalau rakan dia, dia minta kertas hijau. *[Ketawa]*. Kita cadang DAP buat kertas hijau dengan PAS, bukan kertas putih. Duduk Yang Berhormat, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Machang, sila gulung.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kita cadangkan supaya DAP minta PAS buat kertas hijau di Kelantan. Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ada surat, kita akan jawab tetapi orang tangan yang baik, bukan tangan yang kotor.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak berani jawab, jangan cakap banyak. Tangan yang kotor lebih baik daripada otak yang kotor, otak yang menipu. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu Dewan macam ini boleh.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalaupun tangan yang kotor boleh basuh tetapi kalau otak sudah berkarat, otak sudah biol, otak penipu, inilah jawabnya kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih. Saya akan gulung ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada sedikit masa, Yang Berhormat diminta gulung.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih. Gulung boleh satu jam, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah air di Kelantan tadi saya minta Yang Berhormat sama ada Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang ada - kedua-dua ada dalam Dewan supaya memberitahu apakah status terakhir berhubung dengan perjanjian untuk membekalkan RM600 juta kepada kerajaan Kelantan. Kalau boleh saya hendak cadang tunggu selepas pilihan raya dulu. Jangan bagi sekarang sebab kalau bagi pun tiada guna PAS main politik di bawah. Tengok dia kata sikit masa lagi air selesai. Selesai macam mana? Selesai.

Seorang Ahli: Air hujan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia kata buat apa air paip, air hujan ada dia kata. *[Ketawa]*. Ini mentality. Kalau kita berkata memerintah, Allah Ta'ala memang beri air tapi kalau kita tidak ada ikhtiar tidak boleh. Macam mana hendak harap kepada air hujan sahaja. Air hujan turun. Dia banding bila orang hendak buat masjid, dia kata buat apa masjid banyak-banyak. Zaman Rasulullah dulu ada dua buah masjid sahaja dia kata. Kalau macam itu kita cadangkan Nik Aziz jual kereta *Mercedes*, naik unta pergi ke pejabat. *[Ketawa]*. Tengok mentality, Tuan Yang di-Pertua, naik unta. Orang berperang menggunakan meriam, kita menggunakan keris atau menggunakan panah. Langsung tidak relevan pandangan dia. Bila rakyat tanya bagaimana buat jalan, 'Allah, dunia ini neraka bagi orang Islam'. Dunia ini penjara bagi orang Islam, kita ambil kebahagiaan di akhirat dia kata. Yang dia naik kereta *Mercedes 320* harga setengah juta ringgit. Dengar rakyat tanya, Allah dunia ini adalah penjara bagi orang Islam, kita masuk akhirat. Yang sebenarnya

akhirat pun belum tentu lagi. Pandai-pandai. Ini dekat-dekat pilihan raya di Kelantan syurga neraka akan meniti di setiap pintu rakyat negeri Kelantan. Murahnyanya pada mereka syurga dan neraka ini mereka jual. Inilah mereka. Sebab itu saya katakan tadi sebenarnya ini adalah permainan politik.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya saya menyokong peruntukan permohonan Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1999. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Kewangan jawab, kita tidak ada masa lagi.

3.58 ptg

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perdebatan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan ini yang jumlahnya begitu ramailah. Jadi tidak perlu saya sebut satu persatu nama-nama kawasan parlimen yang telah berucap dalam rang undang-undang ini.

Khususnya saya ingin mengucap terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang telah pun dalam hujah-hujah mereka sebenarnya secara sedar ataupun tidak telah pun menjawab banyak perkara yang telah dibangkitkan dari pihak pembangkang. Maka oleh kerana itu ada jugalah beberapa perkara yang saya fikirkan tidak perlu saya jawab kerana ini telah pun dilakukan oleh ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Namun ada juga perkara-perkara yang dibangkitkan yang harus dijawab dan ketua pembangkang berucap satu jam lebih, jadi saya rasa kalau saya hanya memberikan masa lima untuk menjawab apa yang dibangkitkan, itu agak mengecewakan dia sebab dia saya ucap terima kasihlah dia bertanggungjawab juga kerana bila mari hendak menjawab dia hadir, tidak macam parti PAS ini. Saya tidak tahulah macam mana bila kita hendak jawab dia tidak ada, susah. Kena jawab juga kerana kalau kita tidak menjawab maknanya seolah-olah perkara itu adalah betul.

Terutamanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang bagi Tanjong, dia banyak bercakap dan saya pun dengar Barisan Alternatif tadi dalam ucapan beliau itu pun saya sudah kata Barisan Alternatif janganlah pakai perkataan 'barisan' ini sebab barisan ini Barisan Nasional sahaja. Carilah benda-benda lain sebab kita tidak mahu berlaku penipuan atau apa dalam pilihan raya sebab kita sama-sama bersetuju kita hendak pastikan bahawa pilihan raya ini adalah pilihan raya yang bersih. Sebab itu yang pertama sekali pembangkang kena tukar perkataan 'barisan' itu. Fikir untuk benda-benda lain. Kumpulan ke? Komplot ke?

Saya juga hendak pertikaikan perkataan 'alternatif'. Perkataan alternatif ini ialah kalau kita bersedia untuk menubuh sebuah kerajaan selepas pilihan raya ini bolehlah dipanggil sebagai alternatif. Tetapi kalau dia punya slogan kempen dia ialah untuk mengurangkan 2/3 maknanya awal-awal lagi dia sudah mengaku kalah. Jadi sebenarnya dia bukan alternatif. Jadi Barisan Alternatif ini tidak kena kepada kumpulan empat parti politik yang bergabung pada hari ini. Jadi saya cadangkan supaya fikirlah nama yang lain pula supaya dia lebih menampakkan realiti dalam pilihan raya akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkataan 'barisan'. Barisan kita teguh, tetap. Barisan dia tidak sampai 24 jam sudah pecah. Dalam

manifestonya tidak mahu negara Islam. Tetapi sebelum 24 jam di Terengganu, Yang Berhormat Marang kata hendak teruskan negara Islam, bermakna barisan itu sudah tidak ada, sudah pecah. Belum lagi dakwat itu kering, sudah tidak ada barisan yang sebenarnya. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Itulah sebabnya saya menggesa kepada pihak pembangkang supaya jangan guna perkataan 'barisan' ini. Baru 24 jam sudah berpecah. Jadi, kalau surat khabar melaporkan barisan berpecah, jadi ini masalah kita. Yang pecah itu Barisan Alternatif. Jadi, tukar nama ya, supaya kalau dilaporkan barisan berpecah orang tidak akan silap memikirkan bahawa Barisan Nasional yang berpecah. Jadi, sebab itu saya peringkat awal telah mencadangkan supaya tukar nama Barisan Alternatif ini kepada nama yang lain sebab kita tidak mahu dia merosakkan nama baik Barisan Nasional ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kumpulan itu tukar nama. Saya sedang memikirkan bagaimana – hendak tolong juga kumpulan ini tentang hendak buat satu logo supaya sesuai iaitu mata, roket, bulan dan tanduk. [Ketawa] Kita cantumkan supaya menjadi satu logo – macam kita, dacing, sesuai, lambang keadilan. Ini macam mana kita hendak campur mata, campur tanduk, campur bulan yang latar belakangnya hijau, selalu bulan ini kuning sedikit-sedikit, belakangnya biru. Tetapi bulannya hijau. Hendak campur semua sekali ini menjadi satu masalah. Itu pun sudah jadi satu masalah, belum sampai ke peringkat hendak mentadbir lagi.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Saya setuju dengan apa Yang Berhormat sebut. Itu jelas menunjukkan bahawa sebenarnya kumpulan ini tidak ikhlas. Kalau dia ikhlas, dia kena ada satu lambang dan bertanding di atas satu lambang yang bukan lambang parti. Baru kita yakin dengan kumpulan kita.

Macam Barisan Nasional kita semua tahu iaitu bahawa kita punyai 13, 14 parti. Masing-masing ada lambang parti tersendiri. Tetapi waktu bertanding pilihan raya, kerana kumpulan ini ikhlas, jadi kita bersetuju menunjukkan kepada rakyat bersatu hati. Guna lambang dacing. Kita ketepikan lambang-lambang parti kerana kita betul-betul bersatu hati, kita tunjuk...

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Nanti sekejap Yang Berhormat, ya. Okey, saya akan bagi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, soalan baik punya ini. Tidak jahat, baik punya ini. [Ketawa]

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tidak apa, sekejap, tidak habis lagi.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat bangkitkan ini relevan. Kalau kita bersatu hati, jangan hanya setakat tunjuk apa yang orang nampak, buat *press conference* begitu, tetapi mesti ada bukti yang betul-betul jelas kita bersatu hati. Sebab itu kalau mereka betul-betul sudah menyelesaikan masalah yang berbeza di kalangan mereka, ini hendaklah ditunjukkan dengan ada satu logo yang mereka tanding atas logo itu. Tetapi kalau peringkat itu pun tidak setuju, macam mana hendak bersetuju dalam satu gagasan yang besar. Sebab itulah Yang Berhormat bangkitkan itu adalah benar. Saya juga selain daripada minta dia tukar nama ini semua, bertandinglah atas satu logo yang menampakkan bahawa mereka bersatu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah bahawa BN bersatu di peringkat pusat dan dahulunya mereka bertanding dengan satu simbol masing-masing di peringkat negeri seperti di Sabah iaitu USNO dengan simbol USNO, BERJAYA dengan simbol BERJAYA. Di peringkat pusat satu sahaja tetapi di peringkat negeri simbol lain-lain. Jadi, simbol lain-lain tidak ada masalah dalam penyatuan BN, jadi kalau simbol lain-lain apa masalahnya dalam parti alternatif. Mintalah penjelasan sedikit.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ia ada dua peringkat di situ. Satu yang hak di atas, satu yang di bawah, ya. Jadi, kalau mereka bertanding di peringkat negeri kerana untuk strategi hendak menang pilihan raya, maknanya bahawa kalau di negeri hendak menang, ia kata, "okey, tidak ada apa, kita hendak kompromi. Di atas kita tetap bersatu, tetapi di bawah kita bertanding di atas lambang masing-masing." Itu kita faham, tidak apa. Ini di bawah pun lambang lain-lain, di atas pun. Jadi, di mana rujukan ia sebenarnya, tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sebab itu apa Yang Berhormat bangkit itu, memang di suatu masa dahulu ada permintaan daripada parti supaya - itu berlaku di Sabah dan Sarawak. Macam dia punya group ini, semua di Semenanjung, tidak ada masalah sebenarnya. Tidak ada masalah. Tetapi kita dahulu oleh kerana Sabah, Sarawak ini kedudukan statusnya special. Jadi, mereka meminta iaitu supaya bertanding atas lambang masing-masing kita kata, "itu terpulanglah" kerana banyak Sabah dan Sarawak ini ia ada hak kebebasan dan autonominya dan banyak perkara yang mereka bangkit, kita kata kalau mereka fikirkan itu perlu, maka buatlah. Tetapi walaupun begitu, di peringkat kebangsaannya (*Federal*) lambangnya tetap dacing.

Tuan Yang di-Pertua, maka oleh kerana itu, saya merasa hairanlah kalau betul-betul bersatu hati, pakai satu lambanglah Yang Berhormat. Fikirlah apa lambang pun, saya tidak tahulah lambang apa, tetapi cuba fikirkan. Mungkin oleh kerana parti yang terkuat ini ialah DAP dan Bulan, mungkin kita boleh buat satu bulan purnama dan roket main tembak macam itu. *[Ketawa]*. Ya, sebab kalau roket memang naik be bulan ya. Itu satu lambang yang mungkin bagus. Tetapi*[disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Rompin pula bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta pandangan, sebab saya seronok dengar pandangan Yang Berhormat tadi. Saya difahamkan antara version tentang sepanduk inilah roket yang ada tanduk dua bermata dan hala ke bulan. Itulah sebenar logonya nanti. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini, roket bertanduk dengan mata hala ke bulan?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Ya, itu terpulanglah kepada merekalah ya, sebab apa yang ia hendak untuknya, apa juga kita akan terima. Sebab kalau kita mahu supaya kita menghadapi pilihan raya, kalau kita betul-betul bergabung, mempunyai satu rancangan alternatif, biar nampak kesungguhannya, bukan kerana *political convenience*, sebab daripada awal lagi, rakyat akan tahu iaitu tidak ada persefahaman di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruslah kepada Yang Berhormat dari Tanjong bangkit.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Nanti, sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya,

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kalaulah tidak ada sefahaman kepada kami, bukankah baik untuk BN, *[Ketawa]* tetapi kenapa panik sangat, cakap macam ini kali terakhir datang Parlimen setengahnya. *[Ketawa]* Jadi, janganlah panik. Kalau kami ini tidak bersatu baiklah untuk BN untuk berkempen dan kami menjawab, bukan itu baik.

Tetapi kenapa bercakap macam, "Inilah kali terakhir ku berada di sini". [Ketawa] Jadi, kita jangan..... Yang Berhormat Timbalan Menteri, kena berlainan daripada *back bancher*, kena jawab elok-elok. Jangan jadi macam dahulu di sini, bila sudah jadi MB Perlis - akhirnya Perlis insya-Allah, mudahlah untuk kami ambil. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kena *standard* sedikit. Biar *standard* dan kita hormat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kami dalam Barisan Nasional ini kami hendak menang cara 'jantan'. Kami tidak mahu menang kerana ada orang tolong, tidak bagus. Misalnya macam *Grand Prix* baru-baru ini di Sepang, apabila Ferrari dibatalkan kemenangannya, Hakinen kata dia tidak setuju sebab dia kalah dalam *race* itu. Jadi, dia tidak mahu menang ikut pintu belakang. Kita ikut belakang kita tidak mahu. Kita hendak menang, depan-depan. [Ketawa], Sebab itu kalau Yang Berhormat kata ini memecahkan parti pembangkang, kami tidak setuju. Kami hendak lawan dengan pembangkang yang kuat. Kita hendak menang, kita menang dengan team kalau main bola sepak, kalau Brazil mesti menang dengan Argentina. Tidak mahu Brazil menang dengan Trinidad itu bagus. [Ketawa]

Jadi, Yang Berhormat hendak cadang kepada kami mengatakan bahawa kita akan merasa seronok kalau dia berpecah, kita tidak mahu menang 'ayam-betina'. Kita hendak menang 'jantan'. [Tepuk] Kita hendak menang 'jantan', ya. Jadi, jangan perlu gabra. [Ketawa] Walaupun saya Timbalan Menteri tetapi ini Dewan Rakyat. Saya mesti jawab di mana, macam mana soalan diutarakan kepada kerajaan dengan cara yang mungkin agak keras, saya pun kena jawab macam itu juga. Takkan kalau pembangkang soal keras, kita hendak kena jawab lembut dan tidak ada beza di antara *back bancher* ataupun kerajaan kerana kami semua Barisan Nasional, ya. Tidak ada beza. Oleh sebab itu cara saya jawab atau apakah biasalah Yang Berhormat, ini politik-kan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan, saya mahu tanya sama ada semua Ahli Parlimen Wanita Barisan Nasional bersetuju dengan apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, "Mahu menang secara jantan dan bukan secara betina"? [Sorak] Adakah Ahli-ahli Parlimen Wanita bersetuju dengan language bahasa semacam ini? Inilah satu ujian kepada semua Ahli Parlimen Wanita di sini, tengok.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Kena belajar bahasa melayulah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Apa, apa?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dia ini tidak lulus bahasa Melayu, ini. Kalau saya jadi Ahli Parlimen Wanita

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tidak ada, saya tidak jawab lagi.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun] itulah....

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Duduklah dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Kacau..... tidak tahu hormat wanitalah. Tidak hormat wanita.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Bukan, kerana saya hormat wanitalah saya jawab ini, sebab kalau Yang Berhormat hendak tanya kepada saya, kalau ada ahli wanita di sini, kalau saya kata dia Ahli Parlimen 'betina' dia suka atau

tidak? Dia tidak suka sebab betina, jantan digunakan untuk haiwan, bukan untuk manusia. Tidak ada sebab kalau Yang Berhormat hendak mengatakan iaitu bahawa Ahli Parlimen wanita patut merasa marah bermakna Yang Berhormat bagi Tanjong kata dia orang ini betina, dia bukan perempuan, dia bukan wanita. Sebab itu saya kata mungkin tidak lulus Bahasa Melayu ini. Betina, jantan adalah untuk binatang - haiwan, sebab itu tidak ada perempuan yang akan merasa terhina kalau saya mengatakan ayam betina, sebab mereka faham bahawa mereka bukan betina kerana dalam Bahasa Melayu, kalau betina 'sundal', saya hendak beritahu, sebab itu Yang Berhormat kena faham.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bermakna dia mahu menang secara binatang? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Terpaksa kalau Yang Berhormat kata kita hendak menang secara binatang, kita terpaksa menang secara binatang sebab kita lawan binatang, sebelah sana itu *[Tepuk]*. Menang dengan cara binatang, bukan kita binatang sebab cara binatang maknanya cara ganas, sebab negara yang kita hendak lawan sebelah sana, binatang, apa salahnya. Jadi, Yang Berhormat saya ingat jangan bercakap banyak nanti kena lagi.

Tuan Yang di-Pertua.....*[Disampuk]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Timbalan Menteri, elok sikitlah.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tidak apa Yang Berhormat, Timbalan Menteri atau apakah, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat sebab kita ini tidak megah, tidak bangga bila kita Menteri, Timbalan Menteri, you hendak kena hormat saya. Saya buang Timbalan Menteri, Ahli Parlimen biasa macam Yang Berhormat sahaja.

Jadi, saya tidak boleh hendak pisahkan diri saya sebagai seorang Ahli Parlimen dengan Timbalan Menteri sebab kita kena ingat, ini jawatan sementara. Saya tidak tahu, mungkin dalam pilihan raya saya tidak dicalonkan. Sebab itu Yang Berhormat dalam hal ini saya serupa sahaja. Jadi Yang Berhormat jangan 'gabra', jangan takut iaitu bahawa kalau Yang Berhormat berucap pun kepada saya keras, saya terima sahaja, tetapi takkanlah kalau saya jawab keras, Yang Berhormat tidak boleh terima. Ini politik Yang Berhormat, 'kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai' *[Tepuk]*. Boleh saya jawab lagi ya. Ahli Parlimen kita bagi Tanjong, dia buat-buat baca tetapi dia dengar apa saya cakap.

Tuan Yang di-Pertua, dia marah dalam....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tahu, tahu. Dia marah iaitu bahawa kita mengadakan siaran langsung, yang dikatakan iaitu bahawa Barisan Nasional ada program, kemudian diadakan siaran langsung oleh kesemua stesen.

Sebenarnya Yang Berhormat, saya tidak nampak apakah salahnya kerana baru-baru ini saya berada di Great Britain waktu hendak menghadiri mesyuarat IPU di Berlin, saya lalu di Great Britain, tinggal di sana dua hari. Saya tengok pada ketika itu, parti Labour kerajaan di Great Britain mengadakan konvensyen di Black Pool dan saya tengok ada dia punya BBC dan ITV menunjukkan konvensyen itu. Konvensyen yang dijalankan oleh parti di sana.

Jadi, pada saya tidak ada masalah sebenarnya di sini kerana....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Yang Berhormat hendak bertanya apa dalam hal ini? Yang ini? Okey.

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya bahawa ini bukan kali pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke England. Beliau menuntut di sana, ada banyak cerita kita tahu, luar kampus dan lain-lain, siapakah orang-orang yang suka jumpa. Sebab itu bukan kali yang pertama faham apa yang berlaku di England, bukan sahaja parti buruh, *conference* parti buruh diberi liputan secara langsung tetapi parti-parti yang lain pun, *Conservative Party*, *Liberal Party*, perbezaannya ialah di Malaysia, tidak.

Yang kedua bukan semua saluran tetapi dalam Malaysia barulah Barisan Nasional dan kalau begitu iaitu lima *channel* televisyen dua hari dahulu semua *monopolise* mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sungguhpun peranan beliau sebagai parti politik, bukan sebagai Perdana Menteri sebab itulah perlu dibayar. Adakah bayaran dibuat untuk tiga *channel*, saya ada sebut lebih daripada RM7 juta. Kalau kesemua lima *channel* lebih daripada RM10 juta, *advertising time*. Adakah bayaran dibuat? Atau adakah bayaran akan dibuat kalau belum dibuat?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab yang pertama dahulu tetapi dia sudah masuk cepat. Jadi, saya hendak menjelaskan, memang betul iaitu bahawa di sana, kalau *conservative* pun buat, TV menunjukkan. Saya hendak pergi kepada perkara yang kedua, yang akan menjawab Yang Berhormat iaitu bahawa apabila *conference* itu ditunjukkan dalam televisyen, dia juga mesti ada penonton yang menilai.

Jadi, mungkin di Great Britain, oleh kerana kalau dapat tunjukkan *Conservative* yang dalam pembangkang punya *conference* pun akan dapat menarik perhatian orang ramai untuk menonton TV itu, sebab itu mereka menunjukkan *conference* parti pembangkang sebab ada keuntungannya kepada stesen TV itu sebab stesen TV adalah *commercial*, bukan senang-senang dia hendak menunjukkan satu pertunjukan kalau pertunjukan itu akan menyebabkan kerugian kepada mereka, dia tidak akan tunjuk.

Jadi, mungkin di Malaysia ini, televisyen kita ini ada empat, lima saluran rasakan, kalau mereka tunjuk mesyuarat PAS atau DAP, orang tidak tengok dia rugi, kalau tunjuk *prime time* DAP punya *conference*, PAS punya *conference* orang marah sebab orang hendak tengok benda yang menarik perhatian mereka. Jadi, oleh kerana itu kita hendak kena fikir juga *element* dari segi boleh menarik penonton-penonton untuk melihat dan saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat iaitu bahawa di Malaysia kalau Yang Berhormat suka atau tidak, kalau Perdana Menteri orang hendak tengok, mungkin Yang Berhormat tidak tengok, tetapi orang ramai hendak tengok.

Tuan Lim Hock Seng: Saya tidak tengok.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: You seoranglah tidak tengok, you tutup sebab you bodoh. Minta maaf, saya tarik balik, 'geng' - pasal kawan. Nanti saya tidak habis lagi, okey.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi janganlah Yang Berhormat Timbalan Menteri, *insult intelligent* rakyat. Stesen-stesen televisyen yang rugi apabila dipaksa ke lima-lima stesen memberi siaran langsung Dato Seri Dr. Mahathir oleh kerana bukan sebagai Perdana Menteri tetapi sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan kita tahu *pervasion of logic* tetapi apa yang mustahak ialah adakah Timbalan Menteri, dia sedar tentu hari itu beliau berada di sana. Sebelum ucapan Yang Amat Berhormat orang sudah keluar, orang sudah tinggalkan Stadium Bukit Jalil, bukan sambutan yang begitu hebat disangkakan sebab itu *election* nampaknya tidak akan diadakan di bulan November, takut hilang majoriti 2/3.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Bila Yang Berhormat bangkitkan fakta itu, Yang Berhormat tontonlah TV kan, terima kasih, tengok juga itu. Jadi, dia kata tidak laku, dia tengok, kalau tidak mana dia tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh tengok lima, mana boleh tengok lima? Saya mahu tahu bagaimana salah guna kuasa.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Jadi, dia tengok sebab itu dia sebut perkara ini. Saya hendak sebut Yang Berhormat iaitu bahawa rakyat tunggu daripada pukul 2.00 petang, yang datang itu bukan datang daripada Kuala Lumpur sahaja. Ramai yang hendak menyambut 25 Tahun Barisan Nasional, datang daripada banyak tempat. Jadi, dia orang datang dengan bas, ada yang 2.00 petang sudah duduk. Perdana Menteri berucap kira-kira dalam pukul 9.30 malam, ada yang hendak makan.

Kalau orang tidak sokong dia, dia tidak datang langsung, macam Yang Berhormat tidak pergi langsung, kita faham tidak sokong.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Nanti, nanti. Jadi yang datang itu sokong, tetapi pada waktu itu ada yang belum makan, jadi terpaksa keluar, ada yang terpaksa balik pada malam itu juga kerana bas disewa untuk satu hari untuk dia orang hendak datang. Jadi, dia orang terpaksa balik dahulu. Itu bukan satu tanda yang menunjukkan kurang sambutan, kalau tidak sokong dia tidak mari langsung, tidak ada pasal dia hendak mari, macam saya tidak pernah hendak pergi DAP punya program sebab saya tidak sokong.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat tidak boleh gunakan itu, saya hendak jawab Yang Berhormat pula kata, lima-lima stesen gunakan ini, kalau tidak silap saya, saya tidak tahu Yang Berhormat tetapi dua sahaja yang dikendalikan oleh Kementerian Penerangan iaitu RTM1 dan RTM2. TV3 yang lain itu, itu stesen *private*, mana ada paksa Yang Berhormat, 'hear say', apa maknanya? Maknanya *private station* memikirkan kalau dia tidak menyiarkan Barisan Nasional punya program pada hari itu dia akan menghadapi kerugian, sebab itu suka atau tidak suka, dia hendak juga buat. Itulah yang orang kata nilai.

Jadi bermakna, Yang Berhormat, saya hendak beritahu iaitu mereka juga merasakan bahawa ada *value* dalam program yang dianjurkan oleh Barisan Nasional untuk menyambut 25 tahun sebab itu mereka tidak mahu ketinggalan dalam perkara ini kerana ianya ada *value* sebab itu ianya disiarkan juga dalam stesen *private*, tiga stesen yang lain, jadi maknanya ada nilai.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu bahawa pada malam itu, sebab kita takut perkara ini dihebahkan seperti yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang, saya ada dalam stadium pada malam itu, ketika Perdana Menteri berucap kita tidak mendengar oleh sebab barangkali disabotajkan oleh parti pembangkang. Sebab kita tidak tahu, tentang mike, memang saya ada di dalam stadium kita tidak mendengar, banyak orang tidak mendengar, kita terpaksa mencari tempat untuk mendengar, kita tidak tahu sebab mereka ini ada bermacam-macam cara, sebab dalam kawasan saya dahulu semasa perjumpaan ceramah, ada orang yang bekerja dengan TNB dia boleh black-out satu kawasan. Saya takut pada malam itu ada seseorang yang cuba sabotaj sebab semasa Perdana Menteri - saya ada dalam stadium, kita tidak dengar, kita terpaksa cari tempat.

Yang keduanya, adakah jika kita siarkan perjumpaan ataupun perjumpaan enam tahun percantuman DAP dan PAS. Kita 25 tahun, mereka barangkali katakanlah tiga tahun, ulang tahun yang ketiga, kita siarkan, mereka ini kalau kita lihat *Harakah* dan *Roket* banyak perkara-perkara yang memfitnah tetapi kita perjumpaan 25 tahun itu kita beri penerangan kepada rakyat perkara-perkara yang benar, kita tidak memfitnah, tidak

menggunakan saluran TV itu ataupun sama ada saluran kita ataupun yang *private*, kita tidak menggunakan saluran itu untuk memfitnahkan rakyat.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Bukan sahaja stesen TV tidak mahu terlibat dalam membantu menyebarkan fitnah, tetapi Yang Berhormat tahu bahawa kalau fitnah ini boleh saman. Jadi kalau saman, TV yang tidak bersalah itu kalau dia siarkan dia pun kena saman, jadi sebab itulah dia tidak mahu, rugi. Kalau siarkan majlis pencantuman di antara PAS dan DAP, rugi dia, bukan sahaja orang tidak tengok, nanti orang saman kerana menabur fitnah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Yang Berhormat bangkit tentang.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, ini Parlimen, janganlah macam ceramah kampung. Parlimen ini kita jawab pun pegawai kerajaan di belakang ada yang senyum, ada yang cemik, jadi jawablah elok-elok. Jangan sampai cikgu-cikgu sampai sudah peringkat buat soalan Ilmu Hisab pun yang macam itu, saya pun tidak seronok. Jadi dalam Parlimen ini biarlah jawab cara Parlimen.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, itu dia tidak tahanlah, hangat telinga. Sebenarnya saya terpaksa jawab cara kampung sebab saya menjawab soalan-soalan MP ala kampung, soalnya kampung, tidak ada *standard*, jadi saya kena jawab, sebab saya sudah sebut tadi, kalau saya tidak jawab nanti dia anggap sebagai betul. Kalau saya tidak jawab dia marah tetapi kerana dia punya soalan itu nampak cara kampung, jawapan saya pun mesti cara kampung, sebab baru faham, jadi Yang Berhormat jangan *frust*, jangan *frust*lah. Saya ikut mana pun, insya-Allah, akan duduk di sini juga.

Jadi, tidak perlu kesian dengan saya sebab saya bertanding di Chenderoh, kalau Yang Berhormat kesian dengan saya, daftar jadi pengundi Chenderoh, undi saya dalam pilihanraya yang akan datang nanti. Itu baru menunjukkan sahabat yang ikhlas, kesian kepada Chenderoh. Sebab itu hendak beri dia menang, pergi mengundi di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang pula bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat Kubang Kerian tadi kata kesian kepada Yang Berhormat, kesian sama ada takut tidak boleh bertanding, Yang Berhormat tahu atau tidak, boleh saya wakil Yang Berhormat untuk bertanya kepada Kubang Kerian, sebab saya hendak tanya dia tak boleh, dia bertanding lagikah di Kelantan, saya dengar orang beritahu PAS hendak nyah dia daripada Kelantan, tidak mahu bertanding.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Itu hal dalaman parti PAS sama ada hendak melantik dia balik semula, tetapi dia okey, Yang Berhormat. Dalam hati kecil saya, saya rasa kalau boleh biarlah parti PAS calonkan balik dia. Itu ikhlas sebagai kawan, saya tidak boleh cakap banyak sebab saya bukan ahli PAS, kalau saya ahli PAS sudah tentu saya calon balik, tetapi itu hati kecil saya. Yang Berhormat pun kalau kesiankan saya tukar sekarang jadi pengundi di Chenderoh, ini keikhlasan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, hati kecil Timbalan Menteri ini sebenarnya PAS, pura-pura sahaja duduk dalam UMNO. [Ketawa]

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Yang Berhormat lihatlah, cara kampung jadi saya kena jawab cara kampung balik, dia marahkan saya. Saya bercakap tentang Yang Berhormat Kubang Kerian, individu, bukan parti dia. Parti dia saya lawan habis-habisan, tidak peduli, mesti lawan PAS ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kita masa tidak banyak. Tolonglah.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Okey. Gulung?

Tuan Yang di-Pertua: Tolonglah, bukan gulung. [Ketawa]

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Oh, ingat suruh gulungkan. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila saya telah jawab Yang Berhormat Tanjong itu, tidak berbangkit soal RM7 juta. Jadi kalau hendak bangkitkan soal RM7 juta, bukan Barisan Nasional bayar kepada stesen TV. Stesen TV kena bayar kepada Perdana Menteri dan Barisan Nasional kerana nilai itu sebab kita tahu kalau ada *show*, kalau ada satu wayang yang baik hendak ditunjukkan di dalam TV, kita kena bayar kepada orang yang mengeluarkan TV itu.

Jadi soal RM7 juta ini bukan Barisan Nasional yang kena bayar kepada stesen tetapi kalau benar-benar hendak diikutkan oleh kerana ada nilai pada program itu, stesen kena bayar kepada Barisan Nasional RM7 juta. Tetapi oleh kerana kita tidak perlukan wang itu, kita kata kita beri free, itulah bagusnya Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini satu pendirian yang serius Perbendaharaan bahawa selepas memaksa kelima-lima stesen TV itu untuk mengadakan siaran langsung ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Ulang Tahun Ke-25 Barisan Nasional bahawa stesen swasta patutlah membayar kepada Kerajaan Barisan Nasional. Adakah ini sebenarnya serius dalam perkara ini, oleh kerana kalau serius sungguhpun tidak terbuka mungkin kita tahu desakan akan dibuat supaya mereka bayar sebagai sumbangan kepada *election fund* Barisan Nasional.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Saya cakap bukan tentang orang yang saya kata Barisan Nasional menyuruh stesen buat. Saya kata kalau stesen itu hendakkan satu wayang yang bagus ditayangkan di stesen dia, dia kena bayar. Saya bercakap tentang stesen kena membayar kepada produser filem, *production company* itu, bukan saya kata Barisan Nasional suruh bayar, tidak. Ini saya kata *production company* kalau mengikut amalan stesen-stesen, jika hendak menayangkan sesuatu filem yang menarik di stesen dia, dia kena membayarnya.

Jadi kalau mengikut bagaimana dia menjalankan perniagaannya, patut dia kena membayarnya kepada Barisan Nasional. Itu saya kata bukan dasar kita. Jadi Yang Berhormat kena faham. Saya cakap *production company* dan amalan stesen ini, dia kena bayar. Lagi baik sesebuah program itu, lebih tinggi bayarannya. Sebab itu saya kata, kalau nak diikutkan, mesti bayar kepada Barisan Nasional tetapi kita tidak fikir begitu sebab itu kita kata, tak ada hal, kita beri *free* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Okey.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hairan juga, Chenderoh menganggap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai bintang yang utama di dalam industri televisyen sekarang. Saya pun pelik, bilakah Yang Amat Berhormat menjadi bintang utama dalam industri perfileman di Malaysia ini?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bukan soal sama ada dia menjadi bintang filem. Kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah diinterview oleh CNN, Bloomberg, bukan kerana dia film star tetapi dia seorang pemimpin antarabangsa yang berwibawa. Sebab itulah ramai yang memintanya, appear, dengan izin, dalam televisyen CNN, dalam program 'Cakap-Cakap' dan bermacam-macam lagi. Itu maksud saya, bukan jadi actor. Tidak mengapalah, Kepong kawan saya, jadi saya malas hendak tekan dia lebih-lebih. Yang Berhormat, jadi,

Tuan Yang di-Pertua: Jangan beri jalan banyak sangat sebab kita tidak ada banyak masa.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua mengatakan supaya jangan memberi jalan banyak sangat, tak payahlah sebab satu sudah banyak. Nak juga?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana banyak pula?

Seorang Ahli: Terakhirlah.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Baiklah, yang akhir.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di dalam CNN ini banyak juga termasuklah bekas Timbalan Perdana Menteri sentiasa ada di dalam CNN tetapi tidak dipelawa untuk menjadi salah seorang di dalam perhimpunan itu. Tanjong pun di dalam CNN juga, jadi kita mempelawa dia kerana semua ini sangat menarik.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Yang Berhormat, popular atau tidak popular ini adalah relatif. Mungkin di dalam CNN popular, tetapi di dalam negeri, tidak laku. Ketua Pembangkang tidak laku, Permatang Pauh pun tidak laku di dalam negara ini. Sebab itu mereka merasakan bahawa kalau mereka jemput untuk hadir sekali, mungkin orang marah dan penonton akan kurang dari segi jumlahnya. Jadi sebab itu dia tidak laku di dalam negeri dan tidak dijemput.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong juga ada membangkitkan banyak perkara sebenarnya tetapi oleh kerana tidak sempat, saya hendak pergi terus kepada perkara-perkara yang banyak dibangkitkan iaitu berkenaan dengan SPR. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tanjong, dia ada membangkitkan beberapa perkara iaitu yang pertama SPR mengambil masa yang lama untuk menyiapkan daftar pemilih tahun 1999. Kedua, penyelewengan yang berlaku di dalam pengundian secara pos. Ketiga, tempoh tempoh pilihan raya hendaklah dipanjangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih tahun 1999 telah dijalankan oleh SPR sejak bulan April 1999. Adalah dijangka daftar pemilih ini akan dapat disahkan pada bulan Januari 2000. SPR mengambil masa kira-kira lapan bulan untuk menyelesaikan urusan tersebut kerana urusan ini perlu dijalankan mengikut undang-undang yang ditetapkan iaitu Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) tahun 1971.

Dalam menjalankan urusan tersebut, SPR terpaksa menjalankan kira-kira 14 proses. Dari jumlah tersebut, 6 proses adalah merupakan kehendak undang-undang dan 8 proses merupakan tindakan pentadbiran. Di antara proses-proses yang perlu dijalankan disebabkan oleh kehendak undang-undang ialah penerimaan borang-borang pendaftaran dari orang ramai - 42 hari, pameran rang daftar pemilih - 14 hari, dan urusan siasatan awam terhadap tuntutan dan bantahan. Tempoh masa untuk mengadakan siasatan awam kadang-kadang boleh memakan masa yang panjang bergantung kepada jumlah tuntutan dan bantahan.

Untuk makluman, ketika pameran Rang Daftar Pemilih 1999, SPR telah menerima 12,272 tuntutan dan 38,308 bantahan - satu jumlah yang besar. Jadi sudah tentu ia akan memakan masa untuk mendengar setiap bantahan itu.

Mengenai pengundian secara pos, ingin saya memaklumkan bahawa SPR menguruskan pengundian secara pos.....

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai semakan buku pemilih-pemilih yang baru. Yang Berhormat ada mengatakan bahawa dijangka akan disiapkan pada Januari. Mengapa kita

tidak boleh mendapat satu tarikh yang spesifik sekurang-kurangnya satu tarikh yang selewat-lewatnya bahawa buku pemilih-pemilih baru boleh siap dan diguna pakai apabila ada pilihan raya besar. Boleh disiapkan lebih awal tetapi sekurang-kurangnya ada tarikh yang terakhir di mana buku ndaftar pemilih itu akan siap oleh kerana masa ini adalah untuk pilihan raya besar. Ini sangat mustahak, tetapi mengapa tidak boleh mendapat satu tarikh jika cekap dan efisien?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu mengadakan satu pilihan raya yang adil, bermakna kita mesti mendengar segala bantahan. Semua bantahan kita kena dengar. Jadi, kalau semua sudah puas hati, baru boleh mendapat pilihan raya yang adil. Sebab itu bantahan 38,308. Kalau satu bantahan itu 10 minit, kalau 38,000 kes, berapa? *Humanly impossible*, dengan izin, untuk kita menetapkan suatu masa iaitu pada sekian masa, akan siap. Tidak boleh, Yang Berhormat. Ada kes sekejap, ada kes 20 minit, 30 minit, jadi bantahan ini tidak boleh menggunakan komputer sebab kita tidak boleh *feed*. Yang Berhormat akan mengatakan yang dunia komputer ini cepat. Ini bantahan, kalau bantahan, orang kena dengar, komputer tiada otak cuma ada cip, jadi bantahan kita kena dengar.

Jadi inilah masalahnya iaitu bahawa 38,000 bantahan mesti didengar, kemudian baru boleh diadakan pilihan raya yang adil. Kalau kita beri satu tarikh kepada Yang Berhormat, misalnya 6 bulan selesai. Tetapi jika 6 bulan tidak selesai, kita tidak mahu Yang Berhormat datang balik dan kata apa janji ini tidak betul. Sebab itu kita tidak boleh hendak berjanji kerana kita tidak tahu bilakah perkara ini akan selesai. Sebab itu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bertanya kepada saya bila, minta maaf, tidak boleh tahu bila. Kita sendiri pun tidak tahu. Dia akan pergi dari setiap negeri untuk mendengar setiap bantahan ini. Saya difahamkan, beberapa negeri sudah habis, Terengganu misalnya. Jadi sebab itu Yang Berhormat, minta maaf, *humanly impossible*, bukan kerana *inefficient* tetapi kerana jumlahnya terlalu besar untuk kita hendak menetapkan satu masa, baru boleh kita selesaikan masalah ini.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana atas sebab yang diberi, adakah ini bererti bahawa sungguhpun pihak yang berkenaan mengatakan yang dijangka siap pada Januari, mungkin Februari khasnya kalau itulah yang Barisan Nasional mahukan, apa yang dihasratkan oleh Perdana Menteri.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, malangnya perlembagaan kita mengehendkan bahawa parlimen kita lima tahun. Jika kita ada kuasa untuk menunda sehingga selesai, kita bawa ke pilihan raya, mungkin tahun 2002, saya tidak ada masalah. Kita pinda perlembagaan mengatakan yang Perdana Menteri ada kuasa untuk menunda pilihan raya, sudah habis lima tahun boleh tambah dua tahun lagi, okey, tiada masalah. Tetapi kita ada *time constrain*. Perlembagaan mengatakan bahawa pilihan raya mesti diadakan iaitu pada paling lewat bulan Jun tahun ini. Jadi macam mana? Kita bukan nampak masalah ini. Jadi sekarang ini, kalau dianggap sebagai buah, buah sudah ranum. Bila-bila boleh ada pilihan raya. Bukan kerana kita takut untuk menghadapi pengundi baru, bukan masalah itu. Pengundi hak enam tahun dahulu itu pun baharu juga dan masalah yang kata rakyat bangun menentang kita, sepuluh tahun dahulu, tahun 1990 dahulu pun macam itu juga dengan izin, *we have to face the election*, tidak boleh lari Yang Berhormat. Mana tahu waktu pilihan raya ini yang baru daftar tidak dapat mengundi kerana terlambat tetapi jangan ingat, dia belum mat. Lagi lima tahun dia sudah jadi matang, kita akan hadapi dia lagi. *There is no way, we can't run away from them*. Sebab itu jangan ada dalam pemikiran Yang Berhormat bahawa kita hendak menghalangkan pengundi-pengundi baru ini daripada mengundi kerana kita fikirkan dia tidak mengundi kita. Kita tidak hadapi dia sekarang tetapi lima tahun lagi kita akan hadapi mereka, *so what is the problem?*.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sangat mustahak oleh kerana sebab-sebab yang ada diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak cukup kuat untuk meyakinkan rakyat bahawa tidak ada satu komplot untuk mengelakkan pengundi-pengundi yang baru boleh menggunakan hak mereka dalam pilihan raya besar yang akan datang.

Saya bersetuju bahawa dalam 38,000 bantahan semua perlu ditangani tetapi oleh kerana mustahak bahawa setiap orang yang sudah mendaftar patutlah boleh menggunakan hak mereka untuk membuang undi. Bukankah sangat mustahak bahawa satu tindakan khas diambil mungkin dengan mengadakan kakitangan-kakitangan, kalau perlu sepuluh kali ganda dengan perbelanjaan yang lebih daripada Perbendaharaan supaya semua yang mendaftar sekurang-kurangnya pada awal Januari boleh siap, boleh menggunakan hak mereka. Kalau tidak tentulah ada menimbulkan sangkaan-sangkaan bahawa ini disengajakan.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan rakyat tidak yakin, dia seorang yang tidak yakin. Yang Berhormat, pengundi baru yang tidak dapat mengundi ini bukan kali pertama yang berlaku. Malaysia sudah ada sembilan kali pilihan raya. Saya percaya pada tiap-tiap kali diadakan pilihanraya sudah tentu ada puluh, ratus ribu yang tidak dapat mengundi kerana kes yang sama. Jadi ini bukan satu fenomena baharu. Lima tahun dahulu pun kita ada pilihan raya. Saya percaya oleh kerana pada pilihan raya 1995, kita menggunakan pendaftaran pengundi yang sebelum itu maka bermakna orang yang mengundi walaupun sebelum 1995 tidak dapat digazetkan, dia tidak dapat mengundi perkara ini berlaku. *This not the first time* Yang Berhormat, bukan kali pertama, sudah banyak kali tetapi pada ketika itu mungkin tidak menjadi *political issue*.

Saya hendak mengatakan bahawa ada, maknanya ada *precedent* dahulu pun sudah berlaku. Yang Berhormat kita bukan hendak menang pilihan raya, hendak menang tipu. Kita hendak menang, kerana kita menang, kerana rakyat sokong kita, itu yang penting. Menipu ini bukan kerja kita.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz: Bagi jalan.
[Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan yang semacam ini yang begitu tidak bertanggungjawab oleh kerana pilihan raya besar tahun 1995 menggunakan daftar pemilih yang dibuat sebelum itu disiapkan. Masalah sekarang ialah ada satu *exercise* untuk menyemakkan pemilih-pemilih yang baru setengah, separuh jalan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata dahulu pun ada, bolehkah memberikan satu kes bukan 1995, bukan 1990 kita tahu, tidak boleh memberi jawapan yang tidak berasas.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak menjadi calon dalam pilihan raya tetapi saya terlibat dalam kerja-kerja untuk memenangkan calon-calon Barisan Nasional. Saya sudah buat kerja ini. Tahun 1995 pendaftaran berlaku dua kali setahun. Jadi bila kita menghadapi pilihan raya selalu akan menjadi satu tanda tanya kepada kita apakah kita hendak menggunakan - ini di Bahagian kita hendak menggunakan pendaftaran yang baru sahaja dilakukan ataupun yang sebelum ini.

Ini berlaku setiap kali pilihan raya sebab kita ada pendaftaran dua kali setahun, Yang Berhormat. Pilihan raya ini dia ikut *prerogative* Perdana Menteri. Kalau Perdana

Menteri membuat keputusan untuk mengadakan pilihan raya yang mana pendaftaran yang baru dibuat ini boleh mengundi, maka mengundilah dia tetapi kalau membuat lebih awal, maka kita gunakan pendaftaran yang sebelum itu. Ini biasa, bukan benda baru. Sebab itu saya kata bukan saya bercakap tidak bertanggungjawab. Saya buat kerja, kita duduk di dalam Bahagian, kita memang membuat pendaftaran semua. Itu sudah berbincang apa benda itu.

[Yang Berhormat bagi Tanjong dan Kepong bercakap]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang penting Yang Berhormat, penjelasan. Pada ingatan saya mungkin satu tahun saja di dalam negara ini ada pendaftaran dua kali, setiap tahun sekali sahaja. Saya tidak tahulah Yang Berhormat bagi Chenderoh, di manakah kita dapat maklumat setiap tahun dua kali untuk pendaftaran pengundi.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz: Kita ada buat pendaftaran dua kali setahun, ada, sebelum ini sekali setahun, betul. Tetapi pada ketika itu juga hendak tengok pada waktu bila. Bila pendaftaran berlaku dan bila Perdana Menteri akan mengumumkan pilihan raya. Jadi perkara ini berbangkit, kalau dia membuat Perdana Menteri mengambil keputusan untuk membuat pilihan raya sebulan selepas pendaftaran satu tahun itu dibuat bermakna kita juga ada masalah, sama ada kita akan melihat buku pendaftaran yang baru atau tahun lepas. Serupa juga masalahnya, asasnya sama. Saya beritahu ini kerana saya juga membuat kerja ini, Yang Berhormat. Tidak ada tipu, ini cakap betul, benda ini adalah banyak bergantung bila pilihan raya akan diadakan. Kalau pilihan raya itu akan ada maka bangkitlah. Kalau dia diadakan sebulan selepas pendaftaran baru, maka akan bangkitlah, kita akan bertanya hendak gunakan pendaftaran baru sahaja dibuat atau sebelum ini. Ini perkara biasa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita setiap tahun, kecuali mungkin satu tahun ada dua kali pendaftaran, tetapi setiap tahun itu satu kali sahaja. Satu kali di awal tahun dan kemudian pameran di hujung tahun, itu sahaja dibuat tiap-tiap tahun.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz: Yang Berhormat, ini last saya hendak jawab, dia sebenarnya tidak faham. Saya jawab tadi, saya kata hak dua tahun sekali ini mungkin berlaku satu-dua tahun yang lepas. Tetapi walaupun pendaftaran yang dilakukan itu satu kali setahun dan secara kebetulan katakanlah bulan lima dibuat pendaftaran, kemudian Perdana Menteri mengumumkan pilihan raya bulan enam maka masalah yang berbangkit itu juga sama, iaitu sama ada kita hendak guna pendaftaran yang baru sahaja dibuat pada bulan Mei ataupun yang tahun lepas. Jadi masalahnya juga sama, jadi sebab itu dia tidak faham, dia tidak erti. Saya cakap tentang fenomenanya berlaku di mana kita menghadapi dilema sama ada hendak menggunakan buku pendaftaran, pendaftaran yang baru dibuat ataupun yang dibuat dulu. Ini fenomenanya sama tidak ada tujuan hendak menipu atau apakah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengundian secara pos, ingin saya maklumkan bahawa SPR menguruskan pengundian secara pos dengan mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa iaitu Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Secara Pos) tahun 1959 bagi negeri-negeri Semenanjung dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Secara Pos) 1968 bagi Sabah dan Sarawak. Undang-undang ini jelas menggariskan bagaimanakah tatacara undi pos perlu diuruskan.

Di antara ciri utama pengundian secara pos ialah pemilih-pemilih tidak perlu hadir di tempat mengundi tetapi sebaliknya boleh menandakan kertas undi di mana-mana sahaja beberapa hari sebelum hari pengundian biasa, ini mengikut peraturan undang-undang.

Untuk pilihan raya umum yang akan datang, SPR akan menempatkan pegawai-pegawai di pusat-pusat penyerahan sampul undi pos di kem ataupun farmasi tentera dan polis. Adalah dijangkakan sebanyak 300 pusat penyerahan akan diwujudkan di seluruh negara. Inilah julung-julung kali SPR menempatkan pegawai-pegawai untuk menyaksikan proses penyerahan sampul undi pos kepada anggota tentera dan polis.

Mengenai dengan tempoh kempen, ingin saya memaklumkan bahawa undang-undang telah menetapkan tempoh minimum antara hari penamaan calon dengan hari pengundian adalah tujuh hari. Kuasa untuk menetapkan tempoh kempen ini adalah kuasa mutlak SPR dan dalam hal ini SPR tidak diarah atau mengikut telunjuk mana-mana pihak. Saya yakin dalam menetapkan tempoh kempen ini, SPR akan memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara yang menyentuh tentang keselamatan ketenteraman negara. Tempoh kempen yang terlalu panjang boleh menyebabkan berlakunya kempen yang berlebihan dan kesannya boleh menggugat ketenteraman awam dan negara.

Yang Berhormat juga sudah tentu sedia maklum macam Yang Berhormat selalu sebut tentang negara India, Sri Lanka, Pakistan, Bangladesh, setiap kali pilihan raya akan berlaku kehilangan jiwa dan macam-macam lagi, bergaduh sebab katalah macam India sebuah negara yang berbilang agama, bangsa dan budaya, jadi dengan izin, *prolonged campaign period* sebenarnya pada jangka panjang ia mungkin akan mendatangkan banyak masalah kepada kita disabitkan berlaku pergaduhan, kita tidak mahu di Malaysia. Kita boleh gaduh dalam Parlimen tetapi jangan sampai kita punya penyokong-penyokong kehilangan jiwa sebab dengan kempen yang berlebihan.

Jadi, Malaysia sendiri, Yang Berhormat, saya tidak suka hendak sebut ini, kita dengan izin, *we must learn our lesson*, kita pernah menghadapi masalah ini. Tidak usahlah, saya ingat kalau daripada segi kata hendak kempen, sekarang pun sudah boleh kempen. Itu cuma secara rasmi kita kempen selama beberapa hari yang ditentukan. Tetapi sebenarnya, actual campaign, sekarang sudah actual campaign. Yang Berhormat buatlah apa benda pun, yang baik untuk rakyat, rakyat akan lihat. Saya rasa sepanjang saya duduk dalam Dewan Rakyat ini, penggal pertama empat tahun lebih saya tengok memang kempen, surat khabar keluar apa yang diucapkan, *campaign goes on at the time*.

Jadi, sebab itu saya rasa terpulanglah kepada pihak SPR hendak menentukan tetapi kalau tanya kepada saya *prolonged campaign* akhirnya itu saya takut mungkin akan berlaku perkara yang tidak positif kepada negara kita. Saya sebagai anak muda di mana waktu Mei 13 berlaku, saya nekad buat keputusan perkara ini tidak boleh berlaku lagi, jangan lagi, sebab saya tidak mahu saya budak-budak pada ketika itu, suatu hari saya pergi ke sekolah, anak Melayu tidak mahu berkawan dengan Cina, dengan India saya merasa hairan dan saya jumpa dengan orang-orang tua Melayu beritahu saya orang Cina jahat jangan berkawan.

Saya tidak faham, saya innocent, sebab itu tidak boleh berlaku lagi perkara ini dan kita akan buat apa sahaja untuk memastikan supaya rusuhan kaum jangan lagi berlaku dalam negara kita. Malaysia hak kita bersama sebab itu kita kena pelihara suasana yang stabil dan aman di mana semua rakyat Malaysia berbilang kaum, berbilang agama, budaya boleh hidup dalam negara kita dengan merasakan bahawa ini negara hak kita bersama. Ini penting Yang Berhormat.

Jadi, sebab itu saya rasa bahawa *prolonged campaign* oleh kerana kita ada pengalaman lepas, lebih baik kita belajar daripada pengalaman yang lepas dan kempen sebenarnya pun boleh dijalankan sekarang juga seperti mana yang dilakukan oleh pembangkang pada hari ini pun. Saya dengar merata-rata pergi, manifesto sudah dikeluarkan, belum pun umum pilihan raya, belum Parlimen bubar, manifesto sudah keluar, okeylah tu! Lepas ini pergilah round mana-mana, kempenlah!

Jadi sebab itu Yang Berhormat, pandangan kerajaan iaitu bahawa memadai kalau diadakan *period campaign* ini waktu pilihan raya itu seperti mana yang telah dilakukan di masa-masa yang lepas baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gaya dan Tawau bangkit berkenaan dengan soal *phantom voters* dan kad pengenalan palsu di negeri Sabah. Ini jelas menunjukkan bahawa 'concern'nya sama bukan sahaja ahli-ahli pembangkang daripada Sabah dan Sarawak tetapi ahli-ahli kita juga, *backbenchers* bangkit tentang soal *phantom voters*, sebab itu ini menunjukkan bahawa mereka juga serius tentang perkara ini. Ini bukan masalah yang sengaja diadakan untuk memenangkan Barisan Nasional.

Kita dalam Barisan Nasional pun tidak mahu perkara ini berlaku kerana hak mengundi adalah hak warganegara, itu kita kena ingat. SPR memang memberi perhatian yang serius akan masalah terdapatnya pemegang-pemegang kad pengenalan palsu yang telah didaftarkan sebagai pemilih. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai urusan pendaftaran tahun 1999, SPR telah menyemak semua permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih termasuk di negeri Sabah. Jika rekod permohonan itu tidak terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara, permohonan itu tidak akan diproseskan. SPR memang prihatin dan peka bahawa hanya rakyat Malaysia sahaja yang sepatutnya layak mendaftar sebagai pemilih dan seterusnya mengundi ketika pilihan raya diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kubang Kerian, telinga nipis tidak tahan, sudah balik, tidak apalah, sebenarnya apa yang dia bangkit itu adalah masalah yang sama dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dan juga bagi kawasan-kawasan lain, jadi telah pun dijawab soalan dia.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangkit berkenaan dengan masalah bahawa pihak parti pembangkang melaporkan kepada SPR maklumat kematian seseorang pemilih; kedua, pemilih mendaftar dengan menggunakan alamat selain daripada yang tercatat dalam kad pengenalan; petugas-petugas SPR hendaklah daripada mereka yang berkecuali daripada memihak kepada mana-mana pihak. Jawapannya, SPR akan menyemak nama-nama pemilih yang dilaporkan telah meninggal dunia dengan menyemak maklumat kesahihan dengan Jabatan Pendaftaran Negara sebelum nama mereka dipotong dari senarai pemilih.

Kedua, SPR telah mengeluarkan arahan kepada semua pegawai yang dilantik membantu SPR supaya menyemak nama dan alamat mereka yang mendaftar mengikut apa yang tercatat di dalam kad pengenalan permohonan bagi menentukan kawasan seseorang itu mendaftar untuk mengundi. SPR akan memproseskan borang-borang yang diterima berdasarkan apa yang tercatat di dalam borang berkenaan.

Yang ketiga, dasar SPR adalah melantik petugas-petugas SPR dari kalangan mereka yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Arahan telah dikeluarkan kepada semua Pegawai Pilihan Raya Negeri, jika berlaku perkara ini adalah di luar pengetahuan SPR. Saya ingin menyatakan di sini, bukan sahaja kita tidak mahu pegawai dalam waktu pilihan raya ini yang memihak kepada pembangkang tetapi yang memihak kepada kita pun kita tidak mahu, kita hendak orang yang neutral sebab kita hendak menang pilihan raya ini kita hendak menang kerana rakyat sokong kita, bukan kerana ada berlaku penipuan, pembohongan, saya tidak rela kemenangan seperti itu.

Saya percaya rakan-rakan kita Yang Berhormat daripada Barisan Nasional pun tidak mahu menang cara itu. Kita hendak menang cara betul, rakyat sokong kita baru kita jadi wakil rakyat yang betul, yang sedap, jadi sebab itu Yang Berhormat, sentimen tentang perkara ini adalah sentimen yang sama. Kalau daripada pembangkang merasakan bahawa itu mesti ada pengundi-pengundi, pegawai-pegawai yang neutral, kita juga mahu pegawai-pegawai yang neutral waktu pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang ada membangkit masalah berkenaan dengan kekurangan bekalan air di kawasannya dan meminta Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah tersebut. Seperti yang sedia maklum oleh Yang Berhormat, bekalan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Bagaimanapun, untuk membantu pihak kerajaan negeri, Pinjaman Mudah atau Pinjaman Tanpa Faedah diberi kepada pihak kerajaan negeri oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM181.935 juta adalah diperuntukkan untuk projek bekalan air di negeri Sabah. Peruntukan tersebut adalah dalam bentuk pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Machang ada bertanya mengenai dengan status permohonan pinjaman Persekutuan yang disebutkan berjumlah RM600 juta untuk diberikan kepada negeri Kelantan bagi projek bekalan air. Untuk makluman, permohonan pinjaman RM600 juta kepada Kerajaan Kelantan sedang diteliti oleh agensi pusat iaitu EPU dan *Treasury* supaya ianya dapat digunakan dengan secara berkesan. Ini penting kerana mengambil kira apa Yang Berhormat sebut, tidak mahu kerana kalau kemungkinan Barisan menang, Barisan akan tanggung semua wang yang diberikan sebelum pilihan raya ini akan digunakan untuk perkara-perkara lain, bayar balik hutang, kita tidak mahu. Sebab itu ianya dalam peringkat diteliti oleh agensi pusat kerajaan.

Perkara yang terakhir berkenaan dengan isu JE. Kadar pembayaran sebanyak RM120 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjung dipersetujui di Pulau Pinang dan Melaka manakala di Negeri Sembilan masih kekal RM50. Buat masa ini masih tiada keputusan hitam putih daripada Jawatankuasa Kabinet mengenai kenaikan kadar bayaran daripada RM50 kepada RM120.

Yang Berhormat juga ada bangkitkan berkenaan dengan pembayaran sebanyak RM50 seekor belum lagi dibuat di kawasan Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan. Penternak-penternak belum membuat tuntutan disebabkan mereka tidak bersetuju dengan kadar RM50 seekor dan juga pertikaian jumlah sebenar babi yang telah dimusnahkan itu masih lagi menjadi pertikaian. Sebab itu belum ada lagi pembayaran RM50 seekor babi ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya ingat pegawai kerajaan – Yang Berhormat ada bangkitkan banyak kali. Kita kena faham iaitu bahawa mereka adalah merupakan pegawai kerajaan. Jadi, pegawai kerajaan kesetiannya mesti kepada kerajaan. Bukan kepada maknanya parti tetapi kepada kerajaan dan dia tidak ada pegawai pembangkang. Dia ada pegawai kerajaan sebab itu kita kena ingat di sini bahawa semua pegawai kerajaan mesti bekerja untuk memastikan kerajaan itu dapat melaksanakan dasar dan programnya kerana akhirnya keuntungan itu akan dapat kepada rakyat. Sebab itu tidak berbangkit soal kita hendak menganiaya pegawaikah, apakah, tidak pernah berbangkit.

Yang Berhormat saya rasa setakat itulah sahaja jawapan saya. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dan yang mana saya tidak jawab di sini kemungkinan disabitkan oleh kerana kita tidak dapat mencatat semua, mungkin selepas ini jumpa secara peribadi. Ingatkan kepada saya, insya-Allah, saya pastikan supaya jawapan ini dapat diberi ataupun dibangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lapan puluh satu juta lima ratus ribu satu ratus (RM81,500,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Jawatankuasa saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dalam masa sepuluh minit seperti biasa kerana mengikut peraturan mesyuarat kita mempunyai hanya dua hari sahaja untuk berbahas perkara ini dan dalam masa dua hari ini hendaklah diluluskan.

Jadual -

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada Ringgit Malaysia enam ratus juta, lapan ratus dua belas ribu, lima ratus (RM600,812,500) bagi Maksud-maksud Bekalan B.4, B.8, B.18 hingga B.20, B.22, B.29, B.31, B.51 dan B.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada Ringgit Malaysia lapan puluh satu juta, lima ratus ribu, satu ratus (RM81,500,100) yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 3) Tahun 1999 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.16, P.19, P.21, P.23, P.28, P.47 dan P.50 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1999 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya telah pun menerangkan kedudukan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1999 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1999 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A Tahun 1999 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1999 dan Kertas Perintah 18A Tahun 1999 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1999. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Maksud B.4 dan B.8 [Jadual] –**Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1999] -**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.4 dan B.8 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ya.

5.06 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, Maksud B.4 - SPR. Sekarang kita sedang membincangkan satu peruntukan RM35 juta supaya membiayai perbelanjaan bagi persiapan awal menjalankan pilihan raya umum negara ke-10.

Tuan Pengerusi, saya pernah bangkitkan di sini bahawa apabila sampai ke pilihan raya umum parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya masing-masing menyediakan kad peribadi pengundi supaya kad-kad peribadi pengundi ini dihantar dengan tangan atau dengan pos kepada pengundi-pengundi memaklumkan kepada mereka di mana mereka akan mengundi dan juga menunjukkan nombor siri mereka dalam buku pendaftaran dan kami sebagai parti pembangkang kekurangan sumber kakitangan dan sumber wang untuk menjalankan kerja-kerja ini. Saya pasti kerja-kerja ini walaupun dijalankan oleh parti Barisan Nasional itu pun satu beban yang sangat berat untuk mereka.

Saya ambil contoh jikalau dalam satu kawasan pilihan raya Parlimen ada 70,000 orang pengundi dan sekiranya satu kad sahaja memerlukan 20 sen setem atau upah untuk menghantar dengan tangan, itu 20 sen, maka satu kawasan pilihan raya Parlimen akan membelanjakan RM14,000. Saya pernah mendesak dan meminta supaya SPR menjalankan tugas ini. SPR mengambil alih tugas ini supaya memberi tahu pengundi-pengundi di mana mereka akan mengundi nombor siri mereka sebelum pilihan raya dijalankan.

Saya juga ada terbaca satu laporan surat khabar di Thailand, di mana seorang wakil rakyat kerana memakai sijil palsu persekolahan beliau untuk menjadikan beliau yang ada kelayakan untuk bertanding di negara jiran ini. Perlembagaan di negara Thailand memerlukan seseorang calon mempunyai sekurang-kurangnya *secondary school* atau *Form Five* untuk menjadikan satu kelayakan untuk bertanding tetapi wakil rakyat ini beliau memakai satu sijil palsu dan mengatakan beliau ada mempunyai *Form Five* dalam pendidikan dan beliau berjaya dipilih. Tetapi selepas dua tahun, pihak lawannya membongkarkan sijil palsu ini dan beliau telah hilang kelayakan dalam pilihan raya dan beliau didesak supaya membayar balik apa-apa gaji dan elaun-elaun yang beliau dapat.

Di sini terdapat juga di antara wakil rakyat atau ADUN di negara kita, ada di antara mereka juga mungkin kelayakan mereka sangat rendah dan saya tidak tujukan kepada sesiapa. Ini mengakibatkan mereka kurang fasih dalam Bahasa Kebangsaan, baik dalam bahasa yang lain atau ilmu dan ini menyebabkan mereka jarang menjalani tugas mereka sebagai seorang penggubal undang-undang dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Tetapi mereka hanya menonjolkan diri mereka sebagai seorang wakil rakyat yang pandai melawat ke kawasan, tengok longkang, tengok sampah dan jalankan kerja-kerja sebagai sosial sahaja.

Jadi, di sini saya ingin menanya kerajaan sama ada kerajaan juga ingin mematuhi atau memakai satu syarat di mana tiap-tiap seorang candidate atau calon memerlukan satu tahap pendidikan yang ditentukan. Saya tidak tahulah sama ada ia perlu sampai sekolah rendahkah, sekolah menengahkah atau kolejkah atau apa-apa, itu tertakluk kepada kerajaan untuk mengkaji kelayakan seseorang calon itu.

Tuan Pengerusi, saya membawa Maksud B.8 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam yang juga meminta satu jumlah yang begitu besar – RM196 juta sebagai bayaran istimewa penerimaan pencen sektor awam sebanyak RM600 seorang. Saya berharap peruntukan ini bukan satu tarikan kepada sektor perkhidmatan awam untuk memancing undi sahaja. Saya mengalu-alukan pemberian ini, tiap-tiap seorang kakitangan kerajaan diberi RM600 tidak

kira dia sudah pencen atau dia masih berkhidmat. Saya sokong diberikan kepada mereka tetapi ini mesti dibuat setiap tahun, bukan menjelang musim pilihan raya sahaja, setiap tahun mulai sekarang sampai bila-bila. Tiap-tiap tahun seorang pekerja atau kakitangan kerajaan mesti diberi sekurang-kurangnya RM600 untuk mereka. Jikalau kerajaan tidak ikhlas, cuma memberi kepada mereka pada musim ini sahaja dan lepas pilihan raya tidak mahu memberi lagi, itu terbukti ini memancing undi dan bukan secara ikhlas dan bukan secara membalas budi kepada mereka. Saya berkenan bahawa semua kakitangan kerajaan ada kredit atau ada budi kepada rakyat dan sila beri kepada mereka pada setiap tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong.

5.14 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya hanya akan membincangkan Maksud B.4. Tuan Pengerusi, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya telah pun mengumumkan bahawa suruhanjaya ini adalah tidak memihak kepada sesiapa (total impartiality) dan pilihan raya akan datang akan dikendalikan secara adil dan saksama. Dengan kenyataan sedemikian, saya berharap Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Dato' Omar Mohamad Hashim akan mengkaji semua prosedur dan langkah yang diambil untuk memastikan pilihan raya akan datang adalah benar-benar bebas, benar-benar demokratik dan saya berharap juga beliau dapat mengambil pusing mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa Pilihan Raya Kesepuluh yang akan datang di dalam negara ini akan menjadi pilihan raya umum yang paling kotor dalam sejarah Malaysia. Kalau Pengerusi SPR dapat mengambil perhatian mengenai kenyataan ini, saya berharap beliau akan berusaha untuk menentukan pilihan raya yang akan datang adalah paling bersih di dalam negara ini. Itulah hasrat saya.

Di dalam persiapan Suruhanjaya Pilihanraya umum yang kesepuluh ini, saya nampak ada latihan dalam beberapa bulan ini untuk lebih daripada 100,000 pekerja bekerja untuk pilihan raya iaitu termasuk hampir 67,000 pengira undi. Ini memang satu angka yang besar yang menunjukkan pihak suruhanjaya mesti menjalankan tugas ini dengan gigih untuk melatih lebih 100,000 pekerja menjalankan tugas yang cekap dan berkesan.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa pihak suruhanjaya juga perlu mengadakan helikopter di seluruh negara. Kalau tidak silap saya lebih daripada 24 ataupun 30 helikopter yang digunakan untuk urusan-urusan ini, memang sibuklah termasuk untuk mengendalikan lebih 230,000 undi pos. Di sinilah kita memang bimbang mengenai undi pos kerana ini terdiri daripada anggota-anggota polis, tentera dan juga *Polis Field Force* untuk mengundi dan selama ini kita dapati cara untuk mengundi pos (*postal vote*) adalah tidak telus, dan saya pun pernah berada di dalam askar, saya tahu. Di dalam askar ini memang pegawai pemerintah, *commanding officer* (CO) memang mempunyai kuasa yang besar dan semua anggota di bawahnya memang patuh kepada perintah dan perintah itu seperti perintah Tuan Pengerusilah, kalau kata pergi ke kanan dia pergi ke kanan, suruh pergi ke kiri dia pergi ke kiri, kalau pangkah Barisan Nasional memang dia pangkah Barisan Nasional. [Ketawa] Itulah perintah *commanding officer* (CO), pegawai pemerintah.

Bagi orang yang tidak pernah berada di dalam askar saya tidak tahulah macam mana dia dapat membayangkan pengaruh pegawai pemerintah ke atas anak-anak buahnya di dalam satu unit atau di dalam satu kompeni, memang menimbulkan syak wasangka bagi semua pihak kerana ini tidak telus. Baik kita ubahkan caranya dan tambah pula, Yang Berhormat Chenderoh mesti siasat pekerja-pekerja yang mengendalikan undi-undi pos dan mengendalikan urusan pengundi ini, kita mesti memastikan semua ini dapat membuang undi dengan secara bebas tanpa masuk ke satu pusat.

Saya diberitahu bahawa pihak Suruhanjaya Pilihan Raya akan mengadakan pusat untuk pekerja-pekerja membuang undi. Kalau buat macam itu akan menimbulkan syak wasangka lagi kerana mungkin ada satu-dua orang Barisan Nasional yang berdiri di situ dan dia tengok pekerja-pekerja menguruskan undi ini buang undi di situ, satu pusat. Yang Berhormat bagi Chenderoh memang dia mungkin ketinggalan masa sekarang sebab semasa dia berkhidmat untuk mengendalikan semua ini, itu zaman yang lain, sekarang zaman moden, zaman teknologi maklumat sekarang ini.

Saya diberitahu bahawa mereka ini akan membuang undi di tempat khas untuk pekerja-pekerja dan di situlah Yang Berhormat tadi kata dia hendak menyaksikan urusan dan pembuangan undi ini sebebaskan yang boleh dan mungkin beliau dapat mengkaji apakah cara akan diberi kepada pihak pekerja-pekerja untuk membuang undi.

Tadi saya sebutkan mengenai undi pos mesti ubahkan caranya. Kalau boleh kita boleh ikut kenyataan Yang Berhormat, bukan satu retorik sahajalah, kita benar-benar menguatkuasakan supaya kita dapat semua orang yang membuang undi pos ini dapat mengundi dengan cara yang bebas dan juga pekerja-pekerja untuk menguruskan undi pos dan urusan membuang undi yang lain dapat membuang undi secara sulit, tidak di bawah perintah ataupun arahan sesiapa pun, itu memang seruan saya untuk pilihan raya yang akan datang.

Tuan Pengerusi, ada sepuluh minit lagi.

Seorang Ahli: Lagi tiga minit.

Tuan Pengerusi: Ya, mintalah Yang Berhormat, dari pukul 5.15 tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lima minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada lima minit sahaja, saya ingat ada sepuluh minit lagi.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak bangkitkan satu perkara lagi iaitu mengenai *web site*. Suruhanjaya Pilihan Raya sudah menyatakan, ia ada satu laman pos, satu website untuk semua pengundi yang berdaftar dapat mencapai *web site* ini untuk mengetahui sama ada namanya di dalam buku pendaftaran dan juga di mana akan mengundi.

Tuan Pengerusi, setakat ini saya nampak *web site* itu tidak begitu berkesan pada masa ini, saya berharap *web site* yang berkenaan ini dapat ditingkatkan kualitinya supaya pada masa pilihan raya kelak semua pengundi yang ada *access* kepada Internet dapat menggunakan *web site* ini dengan berkesan. Itulah seruan saya supaya pihak suruhanjaya mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang telah saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

5.23 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, RM3.5 juta yang dipohon oleh SPR untuk mengendalikan kerja-kerja pilihan raya dan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah memberi jaminan, tetapi kita harap sungguh-sungguhlah pihak SPR ini dapat dilihat oleh rakyat satu perkara yang telus dan mengendalikan pilihan raya dalam bentuk yang diyakini dan selepas pilihan raya nanti, kita tidak mahu dengar lagi ada pegawai-pegawai tentera yang telah pencen, dia buat pengakuan bahawa mereka memangkah bagi pihak kawan-kawan mereka yang jumlahnya kadang-kadang sampai ratusan, apakah tindakan pihak SPR terhadap pegawai tentera tersebut kalau pengakuannya itu tidak betul. Adakah dibuat *police report* terhadap pegawai tentera tersebut dan pegawai itu didakwa. Sebab sekarang ini yang menyertai PAS termasuklah yang berpangkat Timbalan Ketua Turus Tentera Udara, *Deputy Commissioner* iaitu Timbalan Pesuruhjaya Polis dan juga askar-askar yang berpangkat

Jeneral, oleh itu mereka mendedahkan dalam ceramah-ceramah tentang penyelewengan yang berlaku dalam undi pos ini.

Kalaulah orang biasa, kita boleh nafikan ini tidak betul, tetapi yang mendedahkan itu yang berpangkat Jeneral ataupun Timbalan Pesuruhjaya Polis dan sebagainya yang mereka sendiri akui ada penyelewengan yang begitu nyata dalam pengendalian pilihan raya terutama sekali undi pos.

Kita harap pihak Jabatan Perdana Menteri yang menguasai SPR ini akan mengambil perkara ini secara serius, yang saya sebut kelmarin, ia tidak ada masalah jikalau satu-satu parti itu kalah teruk, kalau parti Alternatif kalah teruk, tidak apa, kalau BN kalah teruk pun tak apa, tetapi perkara ini akan timbul apabila, katalah Alternatif menang hampir-hampir 95 kerusi dan BN lebih sedikit 98 ataupun begitu, maka dalam keadaan begitu ia boleh menjadi bahaya jikalau sistem pilihan raya itu tidak telus, bila rakyat melihat sebab Alternatif kalah kerana undi tentera, maka dibimbangi jadi seperti di lain-lain negara.

Sebab itulah saya katakan tadi kalau keputusan yang begitu jauh berbeza ia tidak jadi masalah, tetapi keputusan pilihan raya itu kalau yang hampir-hampir, macamlah juga kita bawa ke mahkamah, selalunya yang kalah tujuh undi, yang kalah sepuluh undi, yang kalah 100 atau 200 undi, tetapi kalau kalah sampai 4,000 atau 5,000 jaranglah pihak kalah itu bawa ke mahkamah. Ini perkara biasa yang kita lihat bila sampai ke peringkat itu. Oleh itu kita harap SPR betul-betul memperbaiki tugas dan keadaan mereka untuk mengendalikan pilihan raya.

Tuan Pengerusi, begitulah juga teguran daripada bekas hakim, Tan Sri Harun Hashim, beliau hairan kenapa senarai nama orang yang mati sudah empat, lima tahun masih lagi ada dalam senarai pengundi, bukankah sekarang ini zaman Internet, zaman komputer, sepatutnya Jabatan Pendaftaran Negara ada link dengan SPR, report mati hari ini namanya sudah boleh dibuang besoknya, kalau bank-bank kita boleh masuk wang di Petaling Jaya, satu saat kemudian di Kota Bharu boleh keluar wang itu, zaman Internet, zaman komputer, kenapa SPR dan Jabatan Pendaftaran Negara tidak boleh ada link itu sehingga kalau kita semak dekat pilihan raya yang telah meninggal dunia empat atau lima tahun, masih lagi ada senarai nama orang yang mati itu dalam senarai pemilih, adakah tidak sengaja ataupun disengajakan. Kalau disengajakan, ini adalah satu perkara yang tidak baik dan orang yang hidup boleh mengundi bagi pihak orang yang mati, kalau ini berlaku sekali lagi rakyat boleh melihat ianya satu perkara yang tidak telus

Tuan Pengerusi, perkara-perkara seperti ini kita lihat hal pilihan raya ini dahulu ada satu pertubuhan yang dipanggil *Election Watch* yang diketuai oleh Tun Suffian, yang mengendalikan, yang melihat, memerhati pilihan raya, kali ini ada pula BUDI dan kita pula dengar bahawa ada pertemuan-pertemuan dan himpunan-himpunan bantahan daripada rakyat terhadap daftar pemilih yang ada itu masih tidak dikemas kini. Kita harap dengan zaman komputer ini maka orang yang telah mati dalam masa seminggu atau dua, tiga hari setelah mereka daftar kematian mereka, nama mereka sudah boleh dipotong di senarai pemilih dan bila keluar buku baru nama-nama orang yang telah mati sudah tidak ada.

Tuan Pengerusi, dalam Maksud P 8, kita lihat kerajaan memberi elaun-elaun dan sebagainya dan perkara ini sudah tentu diperhebatkan menjelang pilihan raya terutama sekali barangkali hendak menarik perhatian pegawai-pegawai kerajaan untuk kalau tidak menyokong pun senyum-senyum sedikit kepada pemerintahan Barisan Nasional.

Begitulah juga elaun diberi kepada FRU – baguslah itu. Tetapi elaun itu diberi di tengah-tengah kemuncak berlakunya beberapa perkara insiden di depan Masjid Negara dan sebagainya, sesetengah rakyat menganggap elaun itu elaun kerana berjaya memukul orang dan saya mengalu-alukan pemberian elaun itu tetapi waktu diberi itu ketika rakyat melihat soal tugas-tugas polis yang berjasa besar kepada negara tetapi kadangkalanya ada cara-cara mereka mengendalikan itu dipertikaikan oleh rakyat.

Begitulah juga pengumuman Belanjawan nanti, kita yakin di antaranya sekali lagi pegawai kerajaan, guru dan sebagainya akan menerima imbuhan yang baik untuk sementara pilihan raya ini kerana kita tahu kajian-kajian yang dibuat, kami yakin pegawai-pegawai kerajaan ada memikirkan imbuhan memang hak mereka untuk diberi tetapi kita tidak mahu imbuhan itu digunakan untuk pancing pilihan raya yang akan berlaku bila-bila masa, sebab itulah kita alu-alukan imbuhan itu dan belanjawan ini kita harap perkara-perkara yang tertangguh, yang dimohon oleh pegawai-pegawai kerajaan, tertangguh yang dimohon oleh CUEPACS hendaklah ditunaikan walaupun pihak BN akan bersyarah, ini kerajaan berbudi, kami pula akan bersyarah mengatakan itu adalah sepatutnya pegawai-pegawai kerajaan dapat. Jadi, jangan bimbanglah pegawai-pegawai kerajaan, sokonglah parti mana yang tuan-tuan mahu, sebaik-baiknya sokonglah PAS. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Esok sambung ya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.